



خاستا بروني

Pelita Brunei

DITERBITKAN PADA TIAP-TIAP HARI RABU

TAHUN 31 BILANGAN 49

RABU 3 DISEMBER, 1986.

رابع 30 ربيع الاول 1407

PERCUMA

Kebawah D.Y.M.M. lahirkan keyakinan

PULAIE. — Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam melahirkan rasa yakin bahawa dengan ketekunan, semangat politik dan tanggungjawab kukuh yang berterusan terhadap hasrat ASEAN, Sidang Kemuncak ASEAN akan memberikan pertubuhan itu satu tenaga baru yang membimbingnya dalam dekad-dekad yang akan datang.

Pegawai-pegawai dari negara-negara ASEAN kini berada dalam peringkat awal persiapan bagi Sidang Kemuncak ASEAN yang diadakan tahun depan.

Baginda berharap demikian ketika bertitah merasmikan Mesyuarat ke-6 Menteri-Menteri Buruh ASEAN di Dewan Pusat Dakwah Islamiah di sini pada Khamis lepas.

"Beta menaruh harapan bersama dengan para pemimpin ASEAN bahawa untuk meneruskan kemajuan ekonomi kita, adalah penting perdamaian dan kestabilan dipelihara. Kepentingan ASEAN yang berterusan tidak dapat dipertikaikan.

Oleh itu, titah Baginda kita hendaklah memastikan bahawa usaha-usaha itu adalah bagi memelihara tanggungjawab terhadap ASEAN bukan saja di kalangan generasi ketika ini tetapi juga di kalangan generasi akan datang.

Oleh: Aisah Piee

"Belia dan generasi generasi akan datanglah yang mesti kita bimbing untuk membolehkan kita menyerahkan obor ASEAN menyala lebih terang di masa akan datang," titah Baginda.

Upacara perasmian yang berlangsung pagi Khamis lepas bermula dengan sembah ucapan alu-aluan dari Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Setia Bakti Diraja Dato Laila Utama Haji Awang Isa, Penasihat Khas kepada Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam di Jabatan Perdana Menteri merangkap Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri.

Dalam sembah ucapannya, Yang Berhormat antara lain menjelaskan bahawa agenda

Lihat muka 22



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam ketika bersalam-salaman dengan Menteri-Menteri Buruh ASEAN di Pusat Dakwah Islamiah. — Gambar oleh Pg. Haji Yaakub.

K'sama dalam sumber tenaga manusia penting - titah

PULAIE. — Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Hassanul Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam bertitah, kerjasama serantau yang sedia wujud dalam sumber tenaga manusia adalah penting.

Musatahaknya kerjasama serantau dalam bidang ini, titah Baginda, telah digariskan dalam tahun 1974 yang menyatakan Menteri-Menteri Buruh ASEAN akan membuat perjumpaan setiap dua tahun, dan mesyuarat mesyuarat Menteri-Menteri Buruh sejak diadakan dalam tahun 1975 telah mencapai kejayaan yang banyak dalam bidang buruh.

"Ini juga dapat dilihat dengan usaha-usaha untuk meningkatkan kerjasama di kalangan negara-negara anggota bagi mencari penyelesaian terhadap masalah buruh masakini," jelas Baginda.

Baginda menjelaskan perkara ini ketika bertitah merasmikan Mesyuarat Menteri-Menteri Buruh ASEAN ke-6 yang

berlangsung selama tiga hari yang berakhir hari Khamis lepas di Pusat Dakwah Islamiah di sini.

PUSAT ASEAN

Sehubungan dengan itu, titah Baginda, beberapa projek juga telah dimulakan, seperti pembinaan Pusat ASEAN bagi perhubungan industri dan Rancangan ASEAN bagi memperbaiki keadaan bekerja dan persekitaran.

Semua projek ini, tegas Baginda, menunjukkan perhatian ASEAN untuk mempertingkatkan mutu, taraf dan kesejahteraan tenaga kerja di rantau ini.

Menyentuh mengenai Negara Brunei Darussalam, Kebawah Duli Yang Maha Mulia menjelaskan bahawa

kita mempunyai aspirasi yang sama dengan negara-negara anggota mengenai keperluan meningkatkan pertumbuhan ekonomi di samping mempelbagaikan ekonomi, meskipun kita mempunyai tenaga kerja tempatan yang kecil.

Lihat muka 22

Sumbangan untuk keamanan

PULAIE. — Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Hassanul Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam bertitah, kejayaan ASEAN yang amat nyata ialah sumbangannya ke arah keamanan dan kekukuhan serantau.

Baginda bertitah, kejayaan dan pembangunan ekonomi ASEAN sepuluh tahun lalu bolehlah dianggap sebagai hasil dari suasana aman dan mantap di rantau ini.

Bertitah demikian ketika menyempurnakan pembukaan rasmi Mesyuarat ke-6 Menteri-Menteri Buruh

ASEAN pada pagi Khamis, 27 November lepas di Dewan Pusat Dakwah Islamiah di sini, Kebawah Duli Yang Maha Mulia seterusnya menegaskan bahawa banyak kritik menyatakan bahawa ASEAN ialah pertubuhan satu isu dan menganggap ke-

Lihat muka 24

PETIKAN TITAH

“Kejayaan sesuatu rancangan Kerajaan itu akan bergantung atas kerjasama daripada rakyat dan penduduk daerah yang berkenaan itu kerana Kerajaan sahaja tidak dapat membuat suatu rancangan tanpa adanya bantuan dan laila kerjasama daripada orang ramai.”

Diititahkan di Daerah Tutong sempena Hari Keputeraan Baginda ke-37 tahun pada 16 Ogos, 1983

MANISNYA IMAN

"DAN berilah khabar gembira kepada orang-orang yang beriman dan beramal saleh, sesungguhnya mereka beroleh syurga yang mengalir di bawahnya beberapa sungai. Tiap-tiap kali mereka diberikan satu pemberian dari syurga itu, mereka berkata: 'Ini yang telah diberikan kepada kami dahulu.' Dan mereka diberikan rezeki itu yang sama rupanya (tetapi bertaraf hakikatnya), dan disediakan untuk mereka dalam syurga itu isteri-isteri yang sentiasa bersih suci, sedang mereka kekal dalamnya selama-lamanya." — Tahir ayat 25 Surah Al-Baqarah.



Pelita Brunei
SITIAKUTAN PADA HARI RABU

3 Disember, 1986

*Dengan nama Allah yang Maha
Pemurah dan Maha Penyayang*

MESYUARAT MENTERI-MENTERI BURUH ASEAN

KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Hassanul Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam bertitah, kerjasama serantau dalam sumber tenaga manusia adalah penting. Ini telah dipersejuaikan bersama dalam

tahun 1974 yang menekankan Menteri-Menteri Buruh ASEAN perlu bersidang dua tahun sekali bagi membincangkan perburuhan.

Beberapa projek telah pun dilaksanakan dalam usaha meningkatkan kerjasama serantau di bidang perburuhan. Antaranya, pusat hubungan industri ASEAN dan program ASEAN bagi memperbaiki persekitaran dan keadaan kerja telah ditubuhkan.

Baginda bertitah, keadaan ekonomi rantau kita dan dunia nampaknya muram. Kejatuhan harga barangan termasuk minyak memberi kesan kepada pertumbuhan ekonomi. Di setengah negara, kemelut ekonomi ini memaksa beberapa industri ditutup. Kerananya, pengangguran bertambah dan masalah sosial timbul. Salah satu daripada masalah yang dihadapi oleh kebanyakan negara pada masa ini ialah penyalahgunaan dadah dan adalah suatu yang membanggakan bahawa masalah itu telah diberi perhatian berat dan usaha-usaha yang bersungguh-sungguh telah dibuat untuk mengatasi ancaman ini.

Negara kita yang cuma bersandar kepada gas dan minyak serta memiliki tenaga kerja yang sedikit tetap mempunyai aspirasi yang sama

dengan negara anggota ASEAN yang lain dalam mengembang dan mempelbagaikan sumber ekonomi masing-masing. Langkah-langkah telah pun diambil bagi memajukan sektor pertanian dan industri. Matlamat ini hanya dapat dicapai jika para pekerja itu patuh kepada disiplin, mempunyai motivasi yang positif serta bersedia mempelajari kemahiran bidang teknikal.

Demikian titah Baginda sewaktu berkenan membuka rasmi Mesyuarat Menteri-Menteri Buruh ASEAN kali ke-6 yang diadakan di negara kita buat julung kalinya baru-baru ini, iaitu kali kedua kita menyertainya. Penyertaan kali pertama pada tahun 1984 di Manila, sebaik sahaja kita menjadi negara anggota ASEAN.

Sikap perlindungan negara-negara membangun yang menutup pasaran bagi barangan kita juga menghalang pemulihan ekonomi. Sikap ini sebetulnya telah diambil perhatian berat oleh Menteri-Menteri Buruh ASEAN sewaktu mereka bersidang di Manila dua tahun lalu. Mereka bersetuju untuk mengkaji semua bentuk perlindungan kerana kegiatan-kegiatan perlindungan dan halangan-halangan mengenainya sangat memberi kesan kepada hubungan

industri, pekerjaan dan produktiviti.

Dalam pada itu, kita juga telah bersetuju untuk sentiasa bekerjasama dalam pertukaran maklumat mengenai dengan bentuk, pengawasan serta penyediaan bantuan-bantuan asing terhadap kesatuan-kesatuan buruh. Dan bidang lain yang dikenal pasti ialah pertukaran kepakaran dalam pentadbiran buruh, mengadakan seminar-seminar tentang keselamatan industri, latihan tenaga kerja serta pendekatan-pendekatan terbaru terhadap hubungan industri berasaskan kepada keharmonian dan kebudayaan nasional haruslah dicari serta dikembangkan agar hubungan industri dapat dipertingkatkan.

Kita berkeyakinan usaha mencari, mengamali serta menghayati masalah perburuhan terutama dalam sektor informal yang menggalakkan pengusaha-pengusaha kecil-kecilan meningkatkan mutu serta produktiviti mereka akan dapat dikembangkan bagi faedah kita bersama jua. Kerjasama serantau dalam bidang perburuhan dan tenaga manusia membuktikan semangat perpaduan serta seliakawan yang sedia wujud di kalangan negara anggota ASEAN.

Bismillahir
Rahmanir Rahim

Tuan Yang Terutama-Tuan Yang Terutama Para Perwakilan, Tuan-Tuan dan Puan-Puan,

Beta ingin mengucapkan selamat datang kepada para perwakilan yang terkemuka dan para jemputan ke Persidangan Menteri-Menteri Buruh ASEAN yang ke-6. Beta dengan ikhlas berharap semoga semuanya akan berada dalam kesejahteraan semasa berada di Bandar Seri Begawan dan perbincangan-perbincangan semasa beberapa hari yang akan datang akan menimbulkan hasil yang bermanfaat.

Antara matlamat-matlamat penting ASEAN seperti yang termaktub di dalam Deklarasi Bangkok yang mengasaskan pertubuhan ASEAN pada tahun 1967 ialah untuk meningkatkan keamanan dan kestabilan serantau melalui saling hormat-menghormati peraturan undang-undang dalam perhubungan di kalangan negara-negara di rantau ini dan dengan menghormati piagam Bangsa-Bangsa Bersatu. Ianya juga bertujuan untuk menggalakkan kerjasama dan bantu-membantu di bidang-bidang kepentingan bersama dalam ekonomi, sosial, kebudayaan, teknikal, saintifik dan pentadbiran.

Kita memandang ASEAN sebagai sebuah pertubuhan yang memperjuangkan kewujudan keamanan, kemajuan dan kesejahteraan serantau. Ini juga merupakan matlamat asas Negara Brunei Darussalam. Oleh sebab itulah Negara Brunei Darussalam menganggotai ASEAN tujuh hari selepas ianya mencapai

semula kemerdekaannya yang penuh dalam bulan Januari 1984.

Setelah hampir tiga tahun menjadi anggota pertubuhan tersebut, kita boleh mengatakan bahawa Negara Brunei Darussalam mengambil peranan yang aktif dalam kegiatan-kegiatan pertubuhan itu meskipun ianya kekurangan kakitangan, kita mengambil bahagian sepenuhnya dalam Jawatankuasa Tetap, Persidangan-Persidangan Pegawai Kanan Persidangan-Persidangan peringkat Menteri. Kita menunjukkan sikap tanggungjawab kita terhadap ASEAN dengan memperbincangkan salah seorang pegawai kanan kita sebagai Setiausaha Agung Sekretariat ASEAN.

Kejayaan

Ramai golongan kritik yang mengatakan bahawa ASEAN cuma memperjuangkan satu isu. Bagi mereka kejayaan ASEAN dikaitkan dengan soal Kampechea. Bagaimanapun pada pandangan Beta, kejayaan ASEAN itu adalah banyak. Ianya bukan sahaja berjaya dalam kerjasama politik, bahkan juga di bidang sosial dan kebudayaan. Kejayaan ASEAN yang paling ketara ialah ianya telah memberi sumbangan kepada keamanan dan kestabilan serantau. Hanya dengan keamanan dan kestabilan kemajuan ekonomi akan dapat dicapai. Kejayaan dan pertumbuhan ekonomi ASEAN di sepanjang dekad yang lalu bolehlah dianggap sebagai hasil dari keadaan yang stabil dan keamanan di rantau ini.

Bagaimanapun pada ketika ini keadaan ekonomi di rantau kita dan dunia nampaknya malap. Kejatuhan harga komoditi, termasuk minyak

Untuk meningkatkan kemajuan ekonomi ASEAN: Perdamaian dan kestabilan hendaklah dipelihara - titah

telah menjejaskan ekonomi kita menyebabkan perusahaan-perusahaan terkandas dan bertambahnya kadar pengangguran dan masalah sosial. Salah satu masalah sosial yang dihadapi oleh banyak negara hari ini ialah penyalahgunaan dadah. Kita sedar bahawa ramai belia kita yang terlibat dalam penyalahgunaan dadah. Mereka menjadi satu masalah kepada masyarakat dan kesannya boleh merosakkan bahkan mengancam keselamatan sesebuah negara. Dari itu kita hendaklah menyalurkan tenaga belia kita ke arah kemajuan masyarakat kita. Beta gembira bahawa masalah ini diakui di peringkat serantau dan antarabangsa dan pertubuhan kedua ASEAN dan Bangsa-Bangsa Bersatu usaha sedang dibuat untuk memerangi gejala ini.

Selain daripada kejatuhan harga komoditi ialah sikap perlindungan negara-negara membangun yang menyekat pasaran mereka terhadap barangan kita dan sikap sedemikian menyekat pemulihan ekonomi kita.

Dari itu tahun-tahun yang akan datang akan merupakan satu ujian bagi pertubuhan kita. Ia merupakan satu ujian yang mana pada pendapat Beta terpaksa kita hadapi kerana setengah golongan kritik telah mempersoalkan



BERIKUT ialah titah penuh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Hassanul Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam di majlis pembukaan rasmi Mesyuarat Menteri-Menteri Buruh ASEAN kali ke-6 yang berlangsung di Pusat Dakwah Islamiah pada hari Khamis 27 November 1986.

kesesuaian ASEAN. Kita hendaklah membuktikan yang mereka itu adalah salah.

Tenaga baru

Pegawai-pegawai kita kini berada dalam peringkat awal persiapan bagi Sidang Kemuncak ASEAN yang akan diadakan tahun hadapan. Beta yakin dengan ketekunan, semangat politik dan tanggungjawab kukuh yang berterusan terhadap hasrat pertubuhan, Sidang Kemuncak ASEAN akan memberikan pertubuhan tersebut satu tenaga baru yang akan membim-

bingnya di dekad-dekad yang akan datang.

Beta menaruh harapan bersama-sama dengan para pemimpin ASEAN bahawa untuk meneruskan kemajuan ekonomi kita, adalah penting yang perdamaian dan kestabilan hendaklah dipelihara. Kepentingan ASEAN yang berterusan adalah tidak dapat dipertikaikan. Dari itu kita hendaklah memastikan bahawa usaha-usaha kita itu ditujukan ke arah memelihara tanggungjawab terhadap ASEAN, bukan sahaja di kalangan

generasi ketika ini, tetapi juga di kalangan generasi-generasi yang akan datang. Belia dan generasi-generasi yang akan datanglah yang mesti kita bimbing untuk membolehkan kita menyerahkan obor ASEAN menyala lebih terang lagi di masa yang akan datang. Adalah sesuai yang persoalan tenaga manusia dijadikan salah satu perkara di mana kerjasama serantau telah diwujudkan. Kepentingan kerjasama serantau di bidang tenaga manusia digariskan

Lihat muka 11



TUTONG. — Putera Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, Yang Teramat Mulia Paduka Seri Duli Pengiran Muda Abdul Azim, pagi Jumaat lepas telah berangkat melawat Taman Asuhan Batalion Kedua, Angkatan Bersenjata Diraja Brunei di sini.

Keberangkatan tiba Yang Teramat Mulia di Taman

YANG Teramat Mulia Paduka Seri Duli Pengiran Muda Abdul Azim menyampaikan sumbangan yang berupa buku dan perkakas alat permainan. — Gambar oleh Pg. Abu Bakar PHO.

Melawat Taman Asuhan ABDB di Perkhemahan Tutong

Asuhan itu telah dijunjung oleh Pegawai Pemerintah Batalion Kedua, Angkatan Bersenjata Diraja Brunei, Dato Seri Laila Jasa Lt. Kol. Haji Mohd. Jaafar bin Haji Abdul Aziz.

Acara pagi itu bermula dengan ucapan Pengerusi Murid-Murid Pra dan Taman Asuhan Batalion Kedua, dan persembahan koir gabungan murid-murid Pra dan Taman Asuhan serta Sekolah Rendah

Batalion Kedua. Juga penyerikan majlis itu ialah persembahan seruni dan tambur.

Yang Teramat Mulia Paduka Seri Duli Pengiran Muda Abdul Azim juga telah menyempurnakan penyampaian sumbangan yang berupa buku-buku, perkakas dan alat-alat permainan yang dikurniakan oleh Duli Yang Teramat Mulia Pengiran Isteri Hajjah Mariam serta

melawat kelas-kelas Taman Asuhan.

Yang Teramat Mulia kemudiannya dijunjung berangkat ke Mess Sarjan/Waran dengan menaiki kereta api yang direka khas. Di sana Yang Teramat Mulia telah menyempurnakan penyampaian derma berupa wang tunai kepada seramai 25 orang anak yatim, sumbangan dari ahli-ahli Batalion Kedua.

Bank menjalankan perniagaan kewangan dengan dua kumpulan pelanggan. Kumpulan pertama adalah penyalir-penyimpan. Mereka ini terdiri dari orang-orang perseorangan, Jabatan-Jabatan Kerajaan dan Badan-Badan Berkanun, syarikat-syarikat swasta dan seumpamanya. Kumpulan ini menyimpan wang mereka dalam Bank atas dasar perniagaan. Tanpa wang simpanan mereka Bank tidak dapat menjalankan perniagaan dan operasinya terutama dengan kumpulan pelanggan kedua yang akan diterangkan di bawah. Ada di antara mereka yang menyimpan dengan tujuan keselamatan dan kesesuaian menggunakan wang mereka dan ada pula yang menyimpan dengan tujuan untuk mendapat keuntungan melalui bank mengikut cara-cara yang dihalalkan oleh Syarak.

Kumpulan pelanggan kedua adalah peminjam-peminjam atau pelabur-pelabur yang ingin menggunakan wang simpanan dalam Bank atas dasar perniagaan juga untuk tujuan projek perniagaan atau pelaburan mereka bagi memperoleh keuntungan. Kumpulan ini juga terdiri dari orang-orang perseorangan, badan-badan, syarikat-syarikat dan seumpamanya. Tanpa projek perniagaan atau pelaburan mereka Bank juga tidak dapat menjalankan perniagaannya.

Dengan itu jelaslah bahawa Bank memberikan khidmat perantara kepada kedua-dua kumpulan di atas. Bank mempunyai hak dan tanggungjawab yang tertentu terhadap kedua-dua pihak ini.

Bagi menjalankan perniagaannya dengan kedua-dua pihak penyimpan dan pihak yang ingin menggunakan wang simpanan inilah maka Bank berkehendakkan kepada bentuk-bentuk perjanjian (uqud). Di sinilah timbulnya soal hukum. Matlamat operasi bank Islam, seperti yang telah disebutkan terlebih dahulu, adalah untuk menjalankan urusan perniagaannya dengan menerima dan melaksanakan hukum-hukum muamalah Islam.

Di bawah ini diperturunkan dengan ringkas bentuk-bentuk perniagaan bank seperti yang dilaksanakan oleh Bank Islam Malaysia Berhad beserta hukum-hukum muamalah yang diikuti. Keterangan yang lebih lanjut sedikit mengenai hukum-hukum ini dan hukum-hukum lain yang berkenaan boleh didapati daripada buku keterangan "Bank Islam Malaysia Berhad: Penubuhan dan Operasi".

4.2 Jenis-Jenis Simpanan

Dalam hubungan perniagaannya dengan penyimpan-penyimpan, Bank berusaha supaya mereka membuat simpanan dengan mereka dalam Bank ini. Bank menyediakan tiga jenis kemudahan simpanan kepada pelanggan-pelanggannya.

4.2.1 Akaun Semasa di bawah Hukum Al-Wadiah

(a) Bank menerima wang simpanan dari penyimpan-penyimpan dalam bentuk Simpanan Akaun Semasa di bawah hukum Al-Wadiah (simpanan).

(b) Bank meminta keizinan penyimpan-penyimpan untuk menggunakan wang mereka selama mana wang itu tersimpan dengannya.

(c) Penyimpan-penyimpan berhak mengeluarkan sebahagian atau semua baki simpanan mereka bila-bila mereka kehendaki, dan dalam hal ini Bank memberi jaminan untuk mengembalikan baki tersebut.

(d) Semua manfaat dan keuntungan dari penggunaan baki simpanan penyimpan-penyimpan adalah menjadi hak Bank.

(e) Bank memberi Buku Cek dan lain-lain khidmat biasa mengenai Akaun Semasa kepada penyimpan-penyimpan.

4.2.2 Akaun Simpanan di bawah Hukum Al-Wadiah

(a) Bank menerima wang simpanan dari penyimpan-penyimpan dalam bentuk Akaun Simpanan di bawah hukum Al-Wadiah (simpanan).

(b) Bank meminta keizinan penyimpan-penyimpan untuk menggunakan wang mereka selama mana wang itu tersimpan dengannya.

(c) Penyimpan-penyimpan berhak mengeluarkan sebahagian atau semua baki simpanan mereka bila-bila mereka kehendaki dan dalam hal ini Bank memberi jaminan untuk mengembalikan baki tersebut.

(d) Semua manfaat dan keuntungan dari penggunaan baki simpanan penyimpan-

Sistem kewangan Islam dengan tumpuan kepada urusan bank dan insuran

penyimpan adalah menjadi hak Bank. Walau bagaimanapun, berbeza dengan Akaun Semasa, Bank memberikan mengikut budi bicaranya sendiri sebahagian dari keuntungan yang diperolehi dari penggunaan bagi simpanan Akaun Simpanan kepada penyimpan-penyimpan berkenaan dari masa ke semasa.

4.2.3 Akaun Pelaburan di bawah Hukum Al-Mudharabah

(a) Bank menerima wang dari penyimpan-penyimpan yang bermaksud untuk melabur melalui Bank dalam bentuk Akaun Pelaburan berasaskan hukum Al-Mudharabah (perkongsian untung).

(b) Dengan demikian Bank menjadi pengusaha dan penyimpan menjadi pemilik modal dan kedua-duanya bersetuju membahagi keuntungan yang diperolehi dari usaha Bank melaburkan wang simpanan berkenaan. Pada masa ini Bank menawarkan nisbah pembahagian untung pada kadar 70 peratus kepada penyimpan dan 30 peratus kepada Bank.

(c) Di bawah hukum Al-Mudharabah, simpanan pelaburan yang dibuat oleh pelanggan dengan Bank dikehendaki ditetapkan tempohnya. Pada masa ini Bank menerima simpanan bagi tempoh-tempoh berikut:—

1 bulan	15 bulan
3 bulan	18 bulan
6 bulan	24 bulan
9 bulan	36 bulan
12 bulan	48 bulan
60 bulan	dan lebih

(d) Penyimpan tidak mencampuri pengurusan pelaburan wangnya.

(e) Jika pelaburan Bank menghadapi kerugian penyimpan menanggung kesemua kerugian tersebut.

4.3 Jenis-Jenis Pembiayaan dan Pelaburan

Bank menggunakan wang simpanan yang diperolehi daripada penyimpan-penyimpan untuk menjalankan perniagaan dengan menyediakan berbagai jenis pembiayaan, bentuk pelaburan dan khidmat kepada peminjam, rakan pelabur dan pelanggan-pelanggan.

Bank boleh menyediakan pembiayaan, pelaburan dan khidmat bagi kegiatan-kegiatan pengeluaran ekonomi yang tidak bertentangan dengan kehendak-kehendak Syaria. Faktor-faktor lain yang menentukan pembiayaan, pelaburan dan khidmat yang disediakan oleh Bank termasuklah:—

- viabiliti (kedudukan keuntungan) projek berkenaan;
- kedudukan wang simpanan dan kemampuan Bank; dan
- Polisi Bank mengenai pembiayaan dan pelaburannya.

Dari segi bentuk pembiayaan, pelaburan dan khidmat bolehlah dibayangkan bahawa aktiviti Bank antara lain meliputi empat bidang am, iaitu

- Membiayai atau melabur dalam sesuatu projek atau bahagian-bahagian dari projek tersebut seumpama projek-projek pengeluaran pertanian, binaan, perkilangan, perdagangan dan khidmat;
- membiayai pelanggan bagi memperoleh harta tetap sama ada yang bergerak atau yang tidak bergerak seperti tanah, kilang dan loji, bangunan termasuk rumah serta alat jentera dan pengangkutan;
- membiayai pelanggan dari segi kehendak modal pusingan seumpama memperoleh dan memegang stok dan inventori seperti alat-ganti, bahan-bahan mentah dan barangan setengah siap;
- menyediakan berbagai khidmat bank.

Dipandang dari sudut jangka masa, pembiayaan, pelaburan dan khidmat yang disediakan oleh Bank bolehlah dibahagikan kepada tiga kumpulan, iaitu:—

- Jangka pendek, iaitu yang tempohnya kurang dari 1 tahun;
- Jangka sederhana, iaitu yang tempohnya antara 1 hingga 3 tahun; dan
- Jangka panjang, iaitu yang tempohnya melebihi 3 tahun.

Bahagian ini memberikan keterangan ringkas mengenai jenis-jenis pembiayaan dan pelaburan yang khusus berkaitan dengan pelaksanaan projek, memperoleh harta tetap dan memperoleh khidmat harta tetap. Bentuk-bentuk pembiayaan perdagangan dan jenis-jenis khidmat yang lain akan diterangkan dalam bahagian-bahagian yang berikut.

4.3.1 Pembiayaan Projek di bawah Hukum Al-Mudharabah

Hukum Al-Mudharabah (perkongsian untung) boleh diikuti oleh Bank bagi pembiayaan projek. Ciri-ciri terpenting pembiayaan yang berlandaskan hukum ini adalah seperti di bawah:

- Bank (pemilik modal) menyediakan keseluruhan wang tunai bagi membiayai projek dan pelanggan (pengusaha) mengurus dan mengusahakannya.
- Nisbah pembahagian keuntungan antara Bank dan pelanggan dipersetujui dan dimeteraikan dalam perjanjian.
- Bank tidak mencampuri pengurusan projek, tetapi boleh mengawasi dan membuat sulasan.
- Kerugian, jika berlaku, ditanggung oleh Bank kecuali jika disebabkan oleh kecuaiannya, penyelewengan atau penyalahgunaan oleh pengusaha.

4.3.2 Pembiayaan Projek di bawah Hukum Al-Musyarakah

Bank juga boleh membiayai projek dengan berlandaskan kepada hukum Al-Musyarakah (usahasama modal). Ciri-ciri utama pembiayaan mengikut hukum ini adalah seperti di bawah:

- Bank dan pelanggan atau pelanggan-pelanggan bersama-sama menyumbangkan pembiayaan projek secara usahasama.
- Nisbah pembahagian keuntungan antara Bank dan pelanggan atau pelanggan-pelanggan dipersetujui dan dimeteraikan dalam perjanjian. Nisbah ini tidak semestinya selaras dengan nisbah sumbangan pembiayaan-pembiayaan masing-masing.
- Bank akan menyertai pengurusan projek tersebut, kecuali jika Bank memberi keizinan kepada pelanggan atau pelanggan-pelanggan sahaja untuk menjalankan pengurusan.
- Kerugian jika berlaku, ditanggung bersama oleh Bank dan pelanggan atau pelanggan-pelanggan mengikut nisbah sumbangan pembiayaan masing-masing.

4.3.3 Pembiayaan Memperolehi Harta di bawah Hukum Al-Bai Bithaman Ajil

Dalam urusan membiayai pelanggan bagi memperoleh harta tetap, sama ada yang tidak bergerak seperti tanah dan rumah atau yang bergerak seperti alat jentera dan pengangkutan, jika sekiranya pihak pelanggan ingin menangguk bayaran harga tetap tersebut sehingga suatu tempoh yang tertentu, atau menjelaskan harga tersebut secara ansuran, maka Bank bolehlah melandaskan operasinya kepada hukum Al-Bai Bithaman Ajil (Jualan Harga Tangguh). Ciri-ciri terpenting operasi ini adalah seperti berikut:

- Bank membeli harta yang dikehendaki oleh pelanggan.

Sambungan minggu lalu

(b) Persetujuan antara Bank dan pelanggan dicapai mengenai tempoh penanggungan bayaran atau cara bayaran ansuran.

(c) Bank menjual harta tersebut kepada pelanggan dengan harga yang dipersetujui oleh kedua belah pihak yang meliputi

- kos asal harta tersebut yang dibayar oleh Bank; dan
- tambahan untung Bank.

4.3.4 Pembiayaan Memperolehi Khidmat Harta Tetap di bawah Hukum Al-Ijarah

Dalam hubungan membiayai pelanggan bagi memperoleh khidmat harta tetap seperti bangunan, jentera dan mesin Bank boleh melakukannya dengan berlandaskan kepada hukum Al-Ijarah (sewaan) jika sekiranya pihak pelanggan lebih cenderung kepada kaedah pembiayaan ini. Langkah-langkah kaedah pembiayaan ini adalah seperti di bawah:

- Bank membeli harta yang dikehendaki oleh pelanggan.
- Bank menyewakan harta tersebut kepada pelanggan mengikut tempoh, kadar sewaan serta syarat-syarat lain yang dipersetujui oleh kedua belah pihak.

4.4 Jenis-Jenis Pembiayaan Perdagangan

Selain dari menyediakan kemudahan pembiayaan dan pelaburan untuk pelaksanaan projek, pembiayaan untuk memperoleh harta dan memperoleh khidmat harta tetap, Bank juga menyediakan kemudahan dan khidmat pembiayaan perdagangan kepada pelanggan-pelanggannya. Kemudahan dan khidmat pembiayaan perdagangan ini disediakan oleh Bank bagi memenuhi kehendak-kehendak pembiayaan perdagangan—sama ada perdagangan luar negeri atau dalam negeri.

Ada beberapa jenis kemudahan dan khidmat pembiayaan perdagangan yang boleh disediakan oleh Bank. Dalam bahagian ini akan disebutkan beberapa jenis sahaja sebagai contoh.

4.4.1 Surat Kredit (Letter of Credit)

Bank menyediakan kemudahan dan khidmat surat kredit kepada pelanggan-pelanggannya. Kemudahan dan khidmat ini biasanya diperlukan oleh pelanggan-pelanggan yang menjalankan perdagangan luar negeri berkaitan dengan usaha membeli dan mengimport barang dari negara asing.

Bank boleh memberi kemudahan dan khidmat ini dengan berlandaskan mana-mana satu dari tiga hukum berikut mengikut kesesuaian kehendak pelanggan.

- Al-Wakalah
- Al-Musyarakah
- Al-Murabahah (Jualan Dengan Tambahan Untung)

4.4.1 (a) Surat Kredit di bawah Hukum Al-Wakalah

Bank boleh mengeluarkan surat kredit dengan berlandaskan hukum Al-Wakalah (perwakilan). Keterangan ringkas mengenai kemudahan dan khidmat ini adalah seperti yang dinyatakan di bawah:

- Pelanggan memberitahu Bank tentang jenis dan sifat-sifat barang yang hendak diimport/dibeli serta syarat-syarat pengeluaran surat kredit.
- Pelanggan membayar harga barang tersebut dengan sepenuhnya kepada Bank dan Bank menerima bayaran tersebut dan meletakkannya dalam akaun deposit dengan berlandaskan hukum Al-Wadiah (simpanan).
- Bank seterusnya mengeluarkan surat kredit berkenaan.
- Apabila Bank menerima dokumen-dokumen atau makluman melalui telex mengenai perundingan surat kredit berkenaan, Bank menjelaskan bayaran dengan menggunakan wang pelanggan dari akaun deposit yang telah disebutkan.
- Bank mengenakan ke atas pelanggan komisen berlandaskan hukum Al-Ujir (upahan) dan perbelanjaan mengurus yang berkaitan dengan kemudahan dan khidmat surat kredit.
- Bank menyerahkan dokumen-dokumen bersangkutan kepada pelanggan.

(Bersambung).

YANG DIMULIAKAN PEHIN DATU SERI MAHARAJA MENULIS....Siri ke-357

Kerana meninggalkan sembahyang

ORANG yang meninggalkan sembahyang fardu yang lima dengan tiada apa-apa uzur, seperti setengah-setengah orang yang tiada mahu sembahyang fardu yang lima itu, padahal ia hidup dan besar dalam kalangan umat Islam, maka orang itu namanya orang tiada apa-apa uzur, melengah dan mencuaikan sembahyang fardu yang lima, kerana fardu dan wajib sembahyang lima waktu memang telah diketahui oleh tua muda, laki-laki perempuan, kanak-kanak dan orang baligh, atau ibarat yang lain atau kata yang lain bahawa hukum fardu sembahyang yang lima itu adalah perkara yang diketahui dalam Islam dengan ilmu dan pengetahuan yang yakin yang tiada boleh disangkal atau ditolak hukumnya sebagaimana ada matahari di langit dan ada bumi di bawah tapak kaki dan ada diri masing-masing kita, yang tiada boleh kita sangkal atau tolak, sebab tiada seorang pun orang Islam boleh mengatakan bahawa sembahyang yang lima itu tidak wajib, jikalau ia berkata begitu, maka ulama Islam menghukumkan dia orang murtad dan keluar dari agama Islam dan orang kafir kerana ia ketika itu sudah membohongkan Al-Quran, hadis dan perkara mutawatir, membohongkan itu adalah kufur kerana wajib sembahyang itu rata-rata diketahui oleh segala genap lapisan umat Islam, oleh tiap-tiap orang zaman Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam, tiap-tiap orang lepas zaman Rasulullah atau tiap-tiap orang zaman sahabat Rasulullah, dari selapis ke selapis keturunan hingga zaman kita ini. Perkara yang seumpama ini disebut atau dinamakan oleh ulama Islam perkara mutawatir atau perkara yang diketahui dengan yakin dan tidak dapat ditolak atau disangkal kerana rata dan umumnya (Ma'lumun Bidz-Dharurah).

Apabila Allah Taala taklifkan atau tanggungan ke atas orang akil baligh dan suci mengerjakan sembahyang lima waktu itu maka taklif Allah Taala atau perintah Allah Taala itu wajib dan mesti disempurnakan dan dijalankan serta ditunaikan sama ada dalam waktunya seperti sembahyang lima waktu dalam waktunya dan puasa dalam bulan Ramadan, kiranya tiada ditunaikan dalam waktunya maka wajib dan dimesti pula buat dan ditunaikan di luar waktunya.

HUTANG MESTI BAYAR

Menunaikan perkara yang wajib yang mempunyai waktu di luar waktunya dinamakan qada atau bayar hutang, kita tahu bahawa tiap-tiap hutang mesti dibayar sama ada pada ugama atau pada adat manusia. Ini terang tiada boleh dipertikaikan lagi.

Hutang itu ada kalanya hutang manusia dengan manusia dan hutang kepada manusia itu wajib dibayar mengikut ugama Islam, ini terang dan nyata. Kalau tiada dibayar boleh diekori oleh tuan punya hutang ke mana-mana orang yang berhutang itu pergi dan boleh dilokap oleh kadi atau pemerintah dengan permintaan tuan punya hutang. Ini menurut kitab-kitab Fiqh.

Dan hutang kepada Allah itu seperti hutang haji, hutang puasa, hutang fidyah dan kifarah, jika seseorang sudah wajib di atasnya mengerjakan haji, kemudian ia lengahkan sehingga ia mati, maka wajib haji itu tertanggung ke atasnya dan wajib haji itu menjadi hutang kepadanya, mesti diselesaikan oleh waris-warisnya dari harta peninggalannya, sebelum harta peninggalannya dibahagi-bahagikan kepada waris-warisnya begitu juga hutang puasa dan hutang sembahyang telah disebutkan dalam kitab-kitab Fiqh.

Berkata Al-Alamah Al-Mudhiq Al-Muhadithul Faqihus Suwfi Asy-Sheikh Salamatul Qudha'iyul 'azzami dari kalangan ulama Syafi'iah dari kalangan ulama Al-Azhhar dalam kitabnya Al-Baraahinul Saatwatu Fi Raddi Badhil Bida'isy Syae'i'ati Wa Baraahinul kitab Was Sunnati An-Natwiquatu 'ala Wuqu'it Twalaqatil Majmu'ati Munajjazatan Aw Mu'alaqatan:

MEMBUAT DOSA

Ketahui olehmu bahawa dari perkara yang diketahui adanya di antara ahli Tahqiq daripada ulama ilmu Usul Fiqh dan ulama Fiqh, apabila sudah ada berlaku sesuatu sebab dari sebab-sebab wajib syar'ie (pada syarak) iaitu yang dinamakan oleh ulama dengan nama syarat-syarat (wajib syar'ie) dan tiada padanya sesuatu maani (halangan), maka sabitlah hukum wajib syar'ie itu dengan tiada syak lagi, dan

Bahagian Kelima



YDM Pehin Datu Seri Maharaja Dato Seri Utama Awang Haji Ismail bin Omar Abd. Aziz, Mufti Kerajaan.

jadilah tanggungan orang mukallaf terikat dengannya, jika wajib syar'ie itu mempunyai waktu dan ia tunaikannya dalam waktunya, dengan meraiikan dan membawa apa-apa perkara yang dipandang oleh syarak pada menjadikan wajib syar'ie itu sah dan betul, maka lepaslah tanggungannya itu dengan sengkaja dan dengan suka-suka hatinya dan pilihannya sendiri, maka dia (orang mukallaf) telah membuat dosa melanggar dan membantah perintah Allah Taala itu dengan sebab melambatkan perkara wajib syar'ie itu dari waktunya, dan ia masih bertanggungjawab pada menjalankan wajib syar'ie yang dicuakannya dan diabaikan-abaikannya itu.

Sesungguhnya Allah Taala telah mengetahui bahawa tiap-tiap anak Adam itu membuat salah, dan manusia itu dikenakan penyakit berbuat dosa, maka Allah Taala yang Amat Berkuasa dan Yang Amat Kasihan itu mengadakan suatu jalan bagi hamba-Nya supaya anak Adam itu mendapat rahmat-Nya, dan mendapat reda-Nya, maka Allah syarakkan bagi mengubat penyakit dosa itu dengan ubat yang dinamakan taubat dan istighfar, dan Allah Taala syarakkan bagi menyelesaikan tanggungjawab yang difikirkan di atas orang-orang mukallaf itu ialah qada atau bayar ganti "adaa atau tunai".

MELAMBATKAN

Di atas keadaan yang di atas ini, ulama telah mengeluarkan dan istinbadkan dan ijthadkan masalah qada atau bayar fardu sembahyang, bayar fardu puasa Ramadan, dan bayar fardu Haji Islam, apabila seseorang mukallaf itu sengkaja pada melambatkan dan mentakhirkan perkara-perkara itu dari waktunya, maka orang mukallaf itu berdosa dengan sebab ia melambatkan dan mentakhirkan pada menunaikan ibadat itu, dari waktunya yang tertentu dan khas bagi ditunaikan, dan jadilah ibadat itu suatu hutang ditanggung dan dipikulnya, hutang mestilah dibayar dan ditunaikan, dikesualikan kalau orang yang punya hutang itu menggugurkan hutang itu.

Hadis-hadis daripada Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam telah menerangkan perkara-perkara yang tersebut dengan cukup terang, dan telah menegaskan dengan setegasnya. Sekali masa Rasulullah menjawab perkara masalah dari masalah-masalah itu dengan jawab yang meletakkan pada pandangan sahabat-sahabat yang bertanya itu akan 'illatul Qias, supaya diketahui oleh umat Islam bahawa hukum masalah itu rata dan umum keseluruhan sama ada pada orang yang bertanya atau pada orang yang tiada bertanya, sama ada pada masalah itu atau pada masalah lain kerana ada helah dan sebab yang sama pada kedua-dua masalah itu, pada kali lain Rasulullah menjawab pertanyaan sahabat-sahabat dengan cara memberitahu kepada sahabat yang bertanya itu bahawa hukum masalah yang lain yang ditanyakan sama hukum dengan masalah yang ditanyakan itu, ini dinamakan oleh ulama ilmu Usul Fiqh dengan Dilaalatun Nas atau Qias Al-Aula.

WALLAHUAKLAM

(Bersambung)

Waspada terhadap anasir dadah

BANDAR SERI BEGAWAN. — Masyarakat di negara kita terutamanya para penuntut diingatkan agar senantiasa berwaspada terhadap anasir-anasir yang boleh menjerumuskan mereka ke arah penyalahgunaan dadah.

Kes-kes dadah walaupun bilangannya hanya sedikit di negara kita tetapi janganlah memandang ringan terhadap perkara tersebut, kerana jika dibiarkan akan mudah bertambah.

Awang Haji Abd. Razak bin Muhammad, Setiausaha Tetap/Pengarah Pelajaran Kementerian Pelajaran berucap demikian ketika merasmikan surau baru Maktab Sultan Omar Ali Saifuddin di sini pada malam 24 November yang lalu.

"Jika bukti-bukti menunjukkan bahawa sebahagian besar daripada orang-orang yang terjerumus dalam kes dadah ini adalah disebabkan oleh 'tekanan jiwa dan escapism' maka hendaklah penuntut-penuntut bersikap berani menghadapi kenyataan serta berani mengambil tindakan rasional untuk menyelesaikan apa jua masalah sekolah atau masalah persendirian iaitu dengan meminta nasihat serta bimbingan dari orang-orang yang boleh diharap, tetapi bukan dengan cara escape atau menyeleweng daripada soal untuk menyelesaikan masalah tersebut," gesa beliau.

Seterusnya Awang Haji Abd. Razak telah berpesan kepada para penuntut supaya memelihara kesucian surau tersebut dan berharap agar prestasi serta taraf disiplin maktab itu kian bertambah baik.



BANGUNAN Surau Maktab Sultan Omar Ali Saifuddin yang terletak di antara bangunan asrama dan maktab itu. — Gambar oleh Pg. Abu Bakar PHO.

Terdahulu sebelum itu, Pengetua Maktab Sultan Omar Ali Saifuddin, Gikgu Awang Hakip bin Haji Burut telah memberikan ucapan alu-aluan di majlis yang diselenggarakan juga dengan Majlis Ceramah Dadah dan Keugamaan.

Surau itu mula dibina pada bulan Januari 1985 dengan menelan belanja sejumlah lebih \$189,400 dan telah mula digunakan oleh penuntut-penuntut dan guru-guru maktab ini pada bulan September tahun ini.

Sebelum adanya surau yang boleh menampung kira-kira 200 orang jemaah ini, sebuah bilik khas iaitu Bilik Ibadat telah digunakan untuk sementara.

Tujuan pembinaannya ialah untuk menampung lebih banyak lagi jemaah bagi mengerjakan amal ibadat di samping untuk keselesaan ketika mengadakan majlis-majlis yang bercorak keugamaan.

Waktu sembahyang, imsak dan matahari terbit

WAKTU-waktu sembahyang, imsak dan matahari terbit bagi Daerah Brunei-Muara dan Tutong mulai dari hari Rabu 3 Disember, 1986 hingga ke hari Selasa 9 Disember, 1986 adalah seperti di bawah ini: —

HARI BULAN	ZUHUR		ASAR		MAGHRIB		ISYAK		IMSAK	SUBUH		MATAHARI TERBIT
	Mulai	Berakhir	Mulai	Berakhir	Mulai	Berakhir	Mulai	Berakhir		Mulai	Berakhir	
Disember												
3	12.12	3.32	3.33	6.05	6.06	7.19	7.20	4.59	4.45	5.00	6.14	6.15
4	12.13	3.32	3.33	6.05	6.06	7.19	7.20	5.00	4.46	5.01	6.14	6.15
5	12.13	3.33	3.34	6.06	6.07	7.20	7.21	5.00	4.46	5.01	6.14	6.15
6	12.13	3.33	3.34	6.06	6.07	7.20	7.21	5.01	4.47	5.02	6.15	6.16
7	12.14	3.34	3.35	6.06	6.07	7.21	7.22	5.01	4.47	5.02	6.15	6.16
8	12.14	3.34	3.35	6.07	6.08	7.21	7.22	5.01	4.47	5.02	6.16	6.17
9	12.15	3.35	3.36	6.07	6.08	7.22	7.23	5.02	4.48	5.03	6.16	6.17

Waktu-waktu sembahyang dan imsak bagi Daerah Belait hendaklah ditambah tiga minit manakala bagi Daerah Temburong hendaklah dikurangkan satu minit tiap-tiap waktu.

Sembahyang fardu Jumaat di seluruh Negara Brunei Darussalam dimulai dari pukul 12.45 tengah hari.

Dasar perpaduan semata-mata kebajikan dan budi yang luhur

JANGAN SALAHKAN ISLAM JIKA.....

MARILAH kita meningkatkan terus cara hidup dan semangat bertakwa kepada Allah, dengan tidak pangling-pangling dari mematuhi dan mentaati segala perintah-perintah-Nya dan menjauhi segala apa-apa yang dilarang-Nya.

Dalam suatu perkumpulan yang besar di ibu negara pada 12 Rabiulawal, 1407 bersamaan dengan 15 November 1986 yang baru lalu, kita telah mengulangi tradisi kita merayakan dan mengingati Hari Ulang Tahun Keputeraan junjungan kita Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam. Perkumpulan kali ini membawakan tema: "Bersatu Padu Asas Ketahanan Bangsa dan Negara".

TALI ALLAH

Persatuan di dalam Islam adalah suatu benda asas, yang tidak dapat tidak mesti dilakukan. Kerana perpaduan itulah melahirkan kekuatan dan kesentosaan. Umat yang kucar-kacir berpecah-belah tidak akan aman dan sentosa. Sebab itulah Quran memberi arahan menyuruh bersatu itu wajib ke atas umat Islam dan orang-orang yang beriman. Firman Allah Taala tafsirannya: "Dan berpegang teguhlah kamu sekalian dengan tali Allah." Diertikan dengan tali Allah itu ialah Al-Quran, atau ugama Islam atau tali persatuan tempat umat berpegang dan bergantung sehingga selamatlah mereka daripada terbasah atau jatuh dari sebarang kebinasaan di dunia mahupun di akhirat.

WAHA! orang-orang yang beriman hendaklah kamu (secara jemaah) menjadi penolong kepada ugama Islam.

Inilah hikmat perpaduan yang diajar oleh Islam, bukan perpaduan pada sebutan dan seruan sahaja, tetapi perpaduan isi yang sebenar-benarnya. Isi dari perpaduan Islam itu mengandung unsur-unsur atau nilai-nilai budi yang amat luhur, seperti kasih sayang (muhibbah), tidak dengki, tidak menipu, jujur, baik sangka, hormat menghormati, tidak ada dendam, pemaaf, adil, takwa, amanah dan lain-lain lagi sifat yang terpuji yang menjitai perpaduan itu. Jika ada yang sebaliknya, yakni yang lain dari ini, maka itu bukan perpaduan cara yang dikehendaki umat Islam. Perpaduan Muslimin itu mestilah diasaskan kepada kepentingan lahir dan batin seperti jasad yang satu, yang sama-sama dijaga dan dipelihara, tidak ada yang sakit kerana disakiti atau yang rugi kerana kerugian, tetapi sandar bersandar dan bela membela atau sokong menyokong antara satu sama lain. Itulah isi dari perpaduan Islam.

JANGAN SALAHKAN ISLAM

Kalau diperhati dari isi perpaduan yang diterangkan, maka bermakna dasar-dasar perpaduan Islam itu adalah semata-mata



"makruf" atau kebajikan. Kerana itu kalau ada kebetulan orang Islam atau jemaah orang Islam yang menyimpang atau membawa kumpulannya menyimpang dari sifat-sifat dan budi yang luhur, maka janganlah salahkan Islam, jangan babitkan nama Islam, kerana itu bukan kehendak Islam, bukan ajaran Islam. Itu adalah pilihan dan iktikarnya sendiri. Peribadinya selaku manusia yang bersalah, yang jahat itu, bukan Islam. Bukankah Allah maha tegas dengan janji-Nya akan memasukkan hamba-Nya yang mukmin lagi bertakwa itu ke dalam rahmat-Nya mendapat syurga, dan sebaliknya menolak keluar serta mendapat azab yang pedih para hamba yang derhaka lagi berdosa, walaupun mereka itu namanya Islam, dipanggil dan memanggil diri mereka Islam juga sebab itulah tidak syak lagi adalah menjadi dosa menghubungkan-hubungkan Islam dengan kejahatan, seperti yang lumrah kita dengar dan baca melalui alat-alat media hari ini yang bersumber terutamanya dari musuh, bahawa Islam sering dibabit-babitkan dengan perbuatan jahil dan jenayah manusia. Walhal jenayah itu jenayah insan, bukan Islam. Islam tetap bersih, murni, benar, tidak berubah sebagai ugama daripada Allah. Yang kotor dan penjenayah itu adalah orang, bukan Islam. Sama juga halnya dalam persoalan ilmu Tauhid: Si Pulan buat jahat, adakah kita hendak menyalahkan Allah Taala kerana kata kita Dia (Allah) membiarkan Si Pulan itu buat jahat? Tidak sekali-kali tidak, kejahatan yang dibuat oleh orang itu ialah iktikar dan pilihannya sendiri. Allah telah beri akal dan petunjuk ugama, tetapi dia tolak dan mahu jadi penjahat juga. Atau misal yang lebih mudah, umpamanya seorang ayah menasihatkan anaknya: Ada anak yang mahu dinasihati dan ada juga yang tidak. Kalau tidak, adakah kita mahu salahkan si ayah? Atau lebih umum lagi, berapa ramai manusia di dunia ini yang tidak mahu kepada nasihat? Apakah ugama juga yang mahu disalahkan, padahal sudah ada hadis yang ertinya: "Ugama itu ialah nasihat."

Demikianlah persatuan dan perpaduan yang sebenar-benarnya yang menjadi ketahanan orang-orang Islam dan tanah air mereka, ialah mereka mesti menjadi Ansarullah, sebagaimana firman Allah dalam surah As-Saf ayat 14, tafsirannya: "Wahai orang-orang yang beriman hendaklah kamu (secara jemaah) menjadi penolong kepada ugama Islam." Dan di atas asas inilah Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam mendirikan negara Madinah dan menyusun masyarakat Islam yang kuat, iaitu dengan mempersaudarakan orang-orang Muhajirin dan Ansar dalam satu ikatan dan matlamat menjadi penolong-penolong ugama Allah yang setia dan tidak berbelah bahagi. Kerana ikatan keugamaan itu adalah sebaik-baik cara untuk menyampaikan umat kepada tujuan-tujuan yang luhur dan murni di dunia dan mahupun di akhirat, iaitu satu-satunya benteng pertahanan yang amat kekal, yang boleh menghidupkan kita daripada malapetaka perpecahan dan persengketaan di dunia mahupun di akhirat, yakni menjadi sebab kita beroleh kebahagiaan yang berkekalan.

BENTENG

Marilah kita resapkan sekali lagi isi titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam ketika beritah di perhimpunan kerana merayakan Ulang Tahun Keputeraan Junjungan kita Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam baru-baru ini, di antara lain Baginda beritah: "Bahawa perpaduan juga adalah menjadi benteng pertahanan kita daripada ditembusi oleh gejala-gejala dan pengaruh-pengaruh asing yang cuba melemahkan semangat dan susunan masyarakat di negara kita yang sedia ada, iaitu sebagai sebuah masyarakat yang taat beragama, cintakan kepada negara dan beradat istiadat di dalam kehidupan seharian."

Mudah-mudahan dengan ingatan itu, wahai umat Islam, kita akan lebih ingat dan berhati-hati serta lebih kuat memelihara perpaduan kita sebagai bangsa yang taat beragama, yang salah satu daripada ajaran ugama itu ialah meneguhkan ikatan persaudaraan seugama di kalangan umat Islam.

Isteri yang salih di sisi Islam

ISTERI yang salih di sisi Ugama Islam ialah isteri yang sentiasa berjuang bersama-sama suami menyebarkan fikrah Islamiah, khususnya kepada kaum sejenisnya. Mendidik dan membimbing mereka sehingga lahir kefahaman dan kesedaran Islam. Sehingga mereka pula mampu untuk menjadi pejuang pejuang akidah yang bersedia menumpukan taat setia kepada Islam dan pergerakannya. Keletihan suami setelah melaksanakan tugas harian dan beradiklah disambut dengan wajah yang berseri dengan ucapan kata-kata yang dapat memberi kekuatan jiwa untuk lebih Istiqamah ketika menghadapi masyarakat jahiliah tanpa mempunyai perasaan bosan dan jemu. Mengizinkan dan merasa bahagia melihat suami menjalankan tugas Islam tidak kira masa dan waktu. Bersedia memberikan rumahnya, hartanya dan masanya untuk tugas yang murni ini dengan hati yang penuh reda. Isteri yang salih juga sentiasa melaksanakan tugas-tugas yang diamanahkan kepadanya dengan sebaik-baiknya dan bersedia untuk menghadapi segala ujian-ujian dari Allah Subhanahu Wataala.

Sifat-sifat bagi isteri yang salih ialah yang taat kepada Allah dan Rasul serta patuh kepada perintah-Nya. Sanggup menjaga maruahnyanya walaupun di tempat-tempat yang sunyi dari pandangan orang lain, juga yang sering mengingati Allah serta takut kepada-Nya dengan sebenar-benar takut, tetapi beram di dalam menegakkan Islam. Sebagaimana fir-

man Allah Subhanahu Wataala dalam surah An-Nisa ayat 34 yang kira-kira bererti: "Kaum lelaki itu adalah pemimpin dan pengawal yang bertanggungjawab terhadap kaum perempuan, oleh kerana Allah telah melebihkan orang-orang lelaki (dengan beberapa keistimewaan) atas orang-orang perempuan, dan juga kerana orang-orang lelaki telah membelanjakan (memberi nafkah) sebahagian dari harta mereka. Maka perempuan-perempuan yang salih itu ialah yang taat (kepada Allah dan suaminya), dan yang memelihara (kehormatan dirinya dan apa jua yang wajib dipeliharanya) ketika suami tidak hadir bersama, dengan pemeliharaan Allah dan pertolongan-Nya."

Isteri yang salih juga mesti bersyukur dengan nikmat yang diberikan oleh Allah kepada suaminya.

Isteri juga mesti taat kepada suaminya, sebagaimana sabda Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam yang bererti: "Kalau boleh aku menyuruh seorang supaya sujud kepada orang lain, nescaya aku menyuruh isteri supaya sujud kepada suaminya."

Sabda Baginda lagi, ertinya: "Hak suami atas isterinya ialah si isteri tidak meninggalkan tempat tidurnya, hendaklah ia menghargai sumpah suami, taat kepada suami dan janganlah ia keluar dari rumahnya melainkan dengan izinnya dan janganlah ia membenarkan orang yang tidak disukai oleh suaminya masuk ke rumahnya."

Isteri juga mesti menjaga hak dan kehormatan suaminya, sama ada suaminya ada di rumah atau tidak. Tingkah laku yang disukai oleh suaminya. Ditegah menyembunyikan harta benda suami dan ditegah juga berbangga-bangga dengan kecantikan diri dan jangan pula menghina suaminya kerana mempunyai rupa dan wajah yang buruk.

Isteri mestilah mendahului hak suaminya daripada hak dirinya sendiri atau kerabatnya, sentiasa menunjukkan hemah yang tinggi, lemah lembut dan menunjukkan sikap yang jernih serta lapang dada dalam segala hal yang menyenangkan suaminya di kala dia berada di rumah. Seperti sabda Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam yang bererti: "Sebaik-baik wanita ialah perempuan yang apabila engkau memandangnya ia menyukakan hati dan apabila engkau tidak ada ia menjaga harta engkau dan memelihara dirinya."

Dalam hal ini dapatlah kita ambil satu contoh dari pesanan Imam Al-Ghazali terhadap anak perempuannya di hari perkahwinannya, berbunyi: "Anakku! Engkau sekarang akan berpindah dari rumah tempat engkau dibesarkan. Dan akan berada di tempat tidur yang tidak engkau kenal. Dan rakan hidup yang engkau tidak biasa dengannya, itulah suaminya. Jadilah engkau sebagai tanah untuknya dan ia akan menjadi sebagai langgamu. Jadilah engkau sebagai lantai untuknya dan ia dapat kau jadikan tiangmu."

Menuju Keredaan Allah

Jadikanlah dirimu ibarat seorang khadam kepadanya, nescaya dia pula akan menjadi khadam kepadamu. Janganlah engkau memaksa-maksa apabila engkau meminta sesuatu daripadanya. Dan cara yang demikian akan menjadikan ia benci kepadamu. Jangan pula engkau menjauhkan diri nescaya ia akan melupakan engkau. Dan kalau ia pula menjauhkan diri secara marah kerana sesuatu sebab yang tertentu, maka yang eloknyanya jauhkan dirimu daripadanya semasa marah, begitu juga halnya dengan hidup, telinga dan matanya. Janganlah membiarkan dia menghidu sesuatu daripadamu melainkan yang harum. Janganlah membiarkan dia mendengar sesuatu daripadamu melainkan yang baik. Dan janganlah membiarkan dia melihat sesuatu daripadamu melainkan yang cantik belaka."

Jadinya isteri yang salih mengikut pandangan Islam adalah isteri yang berpengetahuan, berakhlak mulia, tahu melayan suami serta mengasahi dan mendidik anak-anak ke jalan hidup yang diredai oleh Allah dan mengikut landasan yang ditunjukkan oleh Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam.

Sejarah Brunei perlu dicatatkan supaya dapat diketahui umum

BANDAR SERI BEGAWAN.

— Yang Berhormat Pehin Jawatan Luar Pekerna Raja Dato Seri Paduka Awang Haji Hussien, Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, dan Timbalannya, Yang Mulia Dato Paduka Awang Haji Mohd. Ali bin Haji Mohd. Daud, baru-baru ini telah mengadakan lawatan ke Pejabat Pusat Sejarah Brunei, dalam siri lawatan Yang Berhormat itu ke jabatan-jabatan yang di bawah kementerian tersebut. Lawatan Yang Berhormat adalah kali pertama diadakan sejak perantaraan Yang Berhormat menjadi Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, yang dulunya adalah Pengarah Kebajikan, Belia dan Sukan.

Ketibaan Yang Berhormat berserta rombongan itu telah dialu-alukan oleh Yang Dimuliakan Pehin Orang Kaya Amar Diraja Dato Seri Utama (Dr) Awang Haji Mohd. Jamil Al-Sufri, Pengetua Pusat Sejarah Brunei, Awang Haji Abd. Latif bin Haji Ibrahim, Timbalan Pengetua Pusat Sejarah, dan pegawai-pegawai kanan di jabatan tersebut.

Yang Dimuliakan Pehin Orang Kaya Amar Diraja Dato Seri Utama (Dr) Awang Haji Mohd. Jamil Al-Sufri, dalam taklimatnya, bertempat di Bilik Persidangan jabatan tersebut, antara lain, menerangkan mengenai kegiatan-kegiatan Pusat Sejarah sejak ia ditubuhkan dan membentangkan beberapa cadangan dan rancangan Pusat Sejarah Brunei.

Seterusnya Yang Dimuliakan Pehin berkata Sejarah Brunei perlu dicatatkan supaya dapat diketahui umum. Beliau berkata, "Sejarah itu tidak hanya untuk orang-orang Cina dan India. Sebab itu tidak perlu bagi orang-orang Melayu menentukan hak istimewanya daripada kaum Cina dan India."


Hal-hal seperti begini tidak mustahil akan berlaku di negara kita ini. Oleh itu, ambillah Yang Dimuliakan Pehin lagi, sekiranya kita tidak cukup berjaya-hujah mengenai dengan ketentuan hak bagi orang-orang Brunei yang mempunyai negara ini, berkemungkinan perkara sedemikian akan diterbitkan oleh orang-orang asing yang ada di negara Brunei ini pada masa akan datang. Sebab itu adalah perlu bagi kita menyediakan bahan-bahan sejarah untuk dijadikan bahan rujukan dan perbincangan pada masa akan datang.

Sebelum itu, Yang Mulia Awang Haji Abd. Latif bin Haji Ibrahim, Timbalan Pengetua Pusat Sejarah, telah menerangkan secara ringkas mengenai hal-ehwal dan dasar penubuhan Pusat Sejarah Brunei, yang antara lain, ialah membuat penyelidikan dan menyusun Susur-Galur Keluarga Diraja dan Sejarah Sultan-Sultan Brunei untuk pengetahuan rakyat dan penduduk Brunei; menyelidik dan menyusun riwayat hidup pembesar-pembesar negara dan orang-orang ternama yang perwira; mengumpul bahan-bahan sejarah untuk pengkajian, rujukan dan dibukukan serta memperkenalkan kemasyhuran Brunei dalam sejarah kepada umum sama ada dalam ataupun luar negeri.

Yang Mulia Awang Haji Abd. Latif, selain menerangkan mengenai susunan pen-

tadbiran Pusat Sejarah Brunei yang menurutnya berdasarkan kepada amalan 'penurunan kuasa' (delegation of power) iaitu pegawai tertinggi (pengetua) menurunkan kuasanya kepada timbalan pengetua dan kepada pegawai-pegawai yang mengetuai bahagian-bahagian, juga telah menerangkan mengenai rancangan-rancangan dan kegiatan-kegiatan yang telah dan sedang diungkapkan oleh Pusat Sejarah terutama mengenai rancangan penyelidikan dan penerbitan yang sedang dan akan dibuat oleh Pusat Sejarah.

Di akhir lawatan, Yang Berhormat Menteri dan rombongan telah dibawa melawat ke beberapa bahagian pejabat tersebut termasuk melawat bangunan baru Pusat Sejarah yang hampir siap pembinaannya dan juga Dewan Pameran (Lapau lama yang juga sebahagian daripada Pusat Sejarah).



Yang Berhormat Pehin Jawatan Luar Pekerna Raja Dato Seri Paduka Awang Haji Hussien, Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan dan Timbalannya, Yang Mulia Dato Paduka Awang Haji Mohd. Ali bin Haji Mohd. Daud, telah mengadakan lawatan ke Pejabat Pusat Sejarah Brunei, dalam siri lawatan Yang Berhormat itu ke jabatan-jabatan yang di bawah kementerian tersebut. Lawatan Yang Berhormat adalah kali pertama diadakan sejak perantaraan Yang Berhormat menjadi Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, yang dulunya adalah Pengarah Kebajikan, Belia dan Sukan. — Gambar oleh P. Bahar.

Hantar borang penyertaan dengan seberapa segera

BANDAR SERI BEGAWAN.

Majlis Belia-Belia Brunei Darussalam mengingatkan kepada para peserta-peserta belia yang berminat untuk MBB akan diikutsertakan sebagai borang penyertaan Seminar Pembangunan ke Arab Koperasi Belia yang akan diadakan di sini pada 25 hingga 26 Disember 1986 ini.

Beberapa kertas kerja dijangka akan dibentangkan termasuklah kertas kerja dari Jabatan Kemajuan Kerjasama Lembaga Kemajuan Ekonomi

dan lain-lain lagi. Adalah dijangka akan diadakan 150 orang belia akan turut serta dalam seminar ini.

Borang-borang belia telah didapati dari semua cawangan Majlis Belia-Belia Daerah akan berhubung terus kepada Setiausaha Agung MBB, Pg. Suhaimi Pg. Wahid di Jabatan Kebajikan Belia dan Sukan, Bandar Seri Begawan.

Manakala itu Pg. Suhaimi bin Pg. Wahid baru saja pulang ke tanahair selepas



Lebih 200 lukisan dipamerkan

LEBIH 200 buah lukisan dari berbagai media dan aliran telah dipamerkan di pribu pameran senilukis di Balai Pameran Muzium pada 25 November lepas.

Tetamu kehormat di majlis itu ialah Grand Chamberlain, Yang Amat Mulia Pengiran Lela Cheteria Sahibun Najabah Pengiran Anak Haji Abdul Aziz yang juga Pengawal Kastam dan Eksais Diraja. — Gambar atas oleh Haji Sharbini Taha

Pameran itu dibuka kepada orang ramai selama dua minggu dan akan berakhir pada 9 Disember depan. Lukisan-lukisan itu juga dijual kepada orang ramai dengan harga \$200.00 ke \$3,000.00.

106 kakitangan kerajaan menerima sijil

Oleh: Bolhassan Haji Abu Bakar

GADONG. — Seramai 106 orang kakitangan dari tiga buah jabatan kerajaan telah menerima sijil-sijil bagi kursus Asas Am TBA 02 dan kursus Bechtel Heavy Equipment Operator's Training Programme pada 25 November lepas.

Sijil-sijil bagi kedua-dua kursus tersebut telah disampaikan oleh Awang Zakaria bin Dato Paduka Haji Nordin, Pengarah Jabatan Kerja Raya di satu majlis yang berlangsung di Perkampungan Gadong di sini.

Kursus Asas Am TBA 02 telah disertai bersama oleh 54 orang kakitangan dari Jabatan Kerja Raya dan Jabatan Kemajuan Perumahan yang diadakan selama seminggu di Makmal Tanah dan Hutan, Bilik Kuliah, Jabatan Kerja Raya.

Sementara itu kursus Bechtel Heavy Equipment Operators Programme dibahagikan kepada dua

kumpulan, yang mana tiap-tiap satu kumpulan menjalani kursus selama sebulan di bawah pengawasan jurutera-jurutera tempatan dan luar negeri. Seramai 72 orang menyertai kursus tersebut bertempat di Projek Rumah Pangsa Kerajaan di Kampong Kiarong. Para peserta kursus ini terdiri dari kakitangan Jabatan Kerja Raya dan Jabatan Pertanian.

Kedua-dua kursus ini dikendalikan oleh Unit Latihan, Jabatan Kerja Raya bertujuan untuk meningkatkan lagi pengalaman dan pengetahuan dalam bidang teknikal di samping itu juga bertujuan untuk mendapatkan penerangan mengenai teknologi moden dan meningkatkan daya perkhidmatan.

Sewajarnya akan ada Unit Latihan jabatan ini untuk meningkatkan lagi penerangan mengenai teknologi moden dan meningkatkan daya perkhidmatan.




PENGARAH Jabatan Kerja Raya, Awang Zakaria bin Dato Paduka Haji Nordin menyampaikan sijil kepada salah seorang peserta. — Gambar oleh P. Bahar.

80 mahasiswa bersihkan Pantai Tungku

GADONG. — Seramai 80 orang mahasiswa dan mahasiswi Universiti Brunei Darussalam (UBD) telah melancarkan kerja bergotong royong memberihkan Pantai Tungku di sini pada hari Ahad 30 November lepas.

Kempen yang dianjurkan oleh jawatankuasa universiti tersebut telah diketuai oleh Awang Sahri bin Tunggul.

Tujuan diadakan kempen tersebut ialah bagi mengeratkan hubungan pelajar tahun satu dan dua di universiti itu di samping untuk memupuk dan menanamkan semangat cinta kebersihan khususnya terhadap tempat-tempat awam.



YANG Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Wijaya Dato Seri Setia Awang Haji Abd. Aziz, Menteri Perhubungan telah menerima kunjungan muhibah seorang pegawai kanan Perancis, Tuan Francois Mussoffe di Bangunan Sekretariat di ibu negara pada hari khamis 25 November lepas (gambar atas). — Gambar oleh Harun Rashid.

Tuan Francois Mussoffe adalah bekas Duta

Besar Perancis ke Jepun dan juga bekas Menteri dalam Kerajaan Perancis dan ahli parlimen. Kini Tuan Francois bertanggungjawab dalam urusan hal-ehwal ASEAN bagi Menteri Hal Ehwal Luar Perancis.

Hadir sama di perjumpaan itu ialah Awang Haji Chuchu bin Penglima Asgar Dato Paduka Haji Abdullah, Setiausaha Tetap Kementerian Perhubungan.

Kegiatan pendidikan kesihatan dimajukan

SUBOK. — Menteri Kesihatan, Yang Berhormat Dato Paduka Dr. Haji Johar bin Dato Paduka Hj. Noordin menekankan azam dan komitmen kementerian dalam menajavkan lagi konsep "Primary Health Care" dengan cara menambah kemudahan-kemudahan kesihatan melalui penubuhan lebih banyak klinik, di samping lebih mengutamakan dalam

Oleh: Zubaidah Haji Salat

mengendali dan menambah tenaga pekerja bagi memenuhi keperluan kesihatan di negara kita.

Katanya, mendorong masyarakat dan menggalakkan mereka untuk berdikari, adalah penting bagi menam-

bah kesedaran mereka terhadap kesihatan awam.

Dalam hubungan ini, jelasnya, Kementerian Kesihatan akan memajukan dan menambah kegiatan-kegiatan pendidikan kesihatan di samping rancangan-rancangan latihan yang sudahpun dijalankan ketika ini.

Yang Berhormat Dato Paduka Dr. Haji Johar menyatakan demikian ketika merasmikan pembukaan Klinik Kampong Belimbing, Subok, Mukim Kota Batu pada 27 November lepas.

"Kita seharusnya bersyukur kerana walaupun negara kita merupakan sebuah negara kecil yang sedang membangun, tetapi taraf kesihatannya telah pun diiktiraf sebanding dengan yang dicapai oleh beberapa buah negara yang maju."

"Kita telah mencapai beberapa matlamat yang ditentukan oleh Pertubuhan Kesihatan Sedunia iaitu 'Kesihatan Untuk Semua Menjelang Tahun Masihi 2000'. Sebagai misal sebilangan besar rakyat dan penduduk negara kita telah mendapat berbagai suntikan, menikmati perkhidmatan-

perkhidmatan kesihatan bagi ibu-ibu mengandung dan kanak-kanak, yang lebih tinggi mutunya, bekalan air yang memuaskan, mutu permakanan yang telah meningkat dan ubat-ubatan yang mencukupi," jelas Menteri Kesihatan.

Menurut Yang Berhormat selanjutnya, penyertaan masyarakat dalam menjalankan projek 'Primary Health Care' dengan jayanya adalah satu matlamat yang amat penting, kerana satu-satu rancangan kesihatan tidak akan berjaya tanpa adanya penglibatan masyarakat.

Oleh yang demikian tegasnya, bangunan Klinik Kampong Belimbing, Subok dan bangunan yang bersebelahan di klinik tersebut akan dijadikan sebagai pusat yang pertama dalam memberikan latihan asas dan lanjutan kepada pihak kakitangan kesihatan tentang pendekatan 'Primary Health Care', di samping memberikan latihan kepada pekerja-pekerja sukarela di kawasan itu.

Dalam usaha tersebut, Kementerian Kesihatan juga berhasrat menyebarluaskan lagi Jawatankuasa Kampung di semua kampung menjelang tahun Masihi 2000. Projek-projek berkenaan sudahpun dijalankan di kawasan-kawasan pedalaman seperti Kampong Sukang, Rambai, Merimbun dan kawasan-kawasan bandar seperti Kampong Subok, Sungai Kebun dan Lurong Dalam.

Dalam ucapan alu-aluan yang disampaikan oleh Pemangku Penolong Pengarah Perkhidmatan Perubatan (Kesihatan Awam), Dr. Durayappah juga telah menjelaskan bahawa di samping untuk ibu-ibu mengandung dan kanak-kanak, Klinik Kampong Belimbing Subok itu juga dijadikan pusat sementara bagi Pusat Orientasi penjagaan asasi untuk kursus singkat sukarelawan kesihatan kampung tersebut.

Bermasra dengan sistem metrik...

TAHUKAH AWDA

- Unit-Unit metrik kini menjadi sebahagian dari bahasa sains antarabangsa. Ia adalah satu-satunya sistem yang diiktiraf sah oleh hampir setiap negara.
- Hampir semua penduduk dunia (95%) telah menggunakan sistem ini dalam kehidupan mereka sehari-hari.
- Berbagai acara lumba lari dan lumba jarak jauh memakai ukuran meter dan kilometer.
- Jarak di jalan-jalan raya sedang dalam penukaran ke kilometer. Tanda-tanda kilometer sudahpun didirikan bagi menggantikan tanda-tanda batu yang lama.
- Kadar laju akan bertukar kepada kilometer sejam (km/h).
- Jarak jauh dari Bandar Seri Begawan ke Kuala Belait ialah 106 km (66 batu).
- Jarak jauh dari Bandar Seri Begawan ke Tutong ialah 44 km (27 batu).
- Jarak jauh dari Bandar Seri Begawan ke Berakas ialah 14 km (9 batu).
- Jarak jauh dari Bandar Seri Begawan ke Muara ialah 26 km (16 batu).

PANJANG

BATU	KE	KILOMETER (km)
1		1.61
2		3.22
3		4.83
4		6.44
5		8.05
6		9.66
7		11.27
8		12.88
9		14.48
10		16.09
20		32.19
30		48.28
40		64.37
50		80.47

KILOMETER (km)	KE	BATU
1		0.62
2		1.24
3		1.86
4		2.49
5		3.11
6		3.73
7		4.35
8		4.97
9		5.59
10		6.21
20		12.43
30		18.64
40		24.86
50		31.07

Keterangan :

Untuk kemudahan awda memakai dan merujuk dengan segera, sifir pertukaran yang disenaraikan ini hendaklah menggunakan satu (1) angka desimal sahaja.

Misalnya

- 1.61 kilometer hendaklah dibaca 1.6 km yang berpengertian 1600 meter (1000 meter = 1 km).
- 80.47 kilometer hendaklah dibaca 80 km sahaja.
- 0.62 batu hendaklah dibaca 0.6 batu.
- 3.11 batu hendaklah dibaca 3 batu sahaja.



SUKATAN jarak jauh yang dahulunya menggunakan batu kini ditukar menjadi kilometer (seperti kelihatan gambar atas) — Gambar oleh Pengiran Haji Yaakub.



YANG Berhormat Dato Paduka Dr. Haji Johar, Menteri Kesihatan sedang menanam sepokon pokok ciku selepas majlis perasmian selamat disempurnakan. — Gambar oleh Harun Rashid.



BESINILAH bentuk bangunan Klinik Kampong Belimbing, Subok yang telah dirasmikan. Di belakang bangunan itu ialah pusat sementara bagi 'Primary Health Care'. — Gambar oleh Harun Rashid.

Gemuk musuh wanita: Lakukan senaman dan seimbangkan zat makanan

PENJAGAAN rapi bukan saja tergantung kepada penggunaan alat mekap yang mahal dari jenama yang masyhur, tetapi juga dari perseimbangan makanan dan senaman yang cukup. Ini akan lebih menampakkan lagi keaslian kecantikan seseorang wanita itu.

Perseimbangan makanan

Makanan yang mengandungi banyak lemak akan memudahkan seseorang itu menjadi gemuk. Gemuk adalah 'musuh' bagi kaum yang inginkan kecantikan terutamanya kaum wanita. Dari itu adalah perlu bagi seseorang itu memperseimbangkan makanannya dengan mengambil makanan yang mengandungi banyak zat-zat yang diperlukan oleh tubuh badan.

Senaman

Dengan melakukan senaman setiap hari lemak yang terkandung di badan kita akan terbakar. Bagi yang mengalami kelebihan berat badan (overweight) bersenam adalah cara yang paling baik. Bersenamlah sekadar yang

mampu, tetapi jangan pula dengan cara terlalu mudah seperti dengan hanya duduk berdiri beberapa ketika. Mengikuti alunan muzik yang berirama rancak akan mudah bagi seseorang itu melakukan senaman.

Memilih fesyen rambut dan pakaian yang sesuai

Perkembangan fesyen pakaian mas kini yang 'up-to-date' seringkali mengkaburi mata kaum wanita yang ingin kelihatan cantik dan kemas dipandang mata. Memilih fesyen yang sesuai dengan bentuk badan seseorang wanita adalah perkara yang perlu diutamakan. Jika seseorang itu mempunyai susuk badan agak gemuk, fesyen pakaian yang longgar amatlah sesuai.

Potongan rambut yang mengikut iras wajah seseorang itu akan menampakkan lagi seri. Janganlah memotong atau mengeriting rambut yang tidak bersesuaian dengan bentuk wajah, kerana dengan berbuat demikian wajah yang cantik itu akan mudah 'tercela' dengan fesyen rambut yang tidak sesuai.

Petua :

Melembutkan daun ubi

DAUN pucuk ubi memang enak dibuat ulam atau dimasak lemak. Untuk melembutkan daun pucuk ubi tersebut, dayang-dayang perlu merendaman dengan air dan sedikit garam sebelum dimasak. Bila dayang-dayang

menyukai daun pucuk ubi masak lemak, ada baiknya daun pucuk ubi itu dilumur dengan sedikit garam dan air serta dibilas.

Ketika memasaknya, dayang-dayang hendaklah mencampurkan garam secukupnya dengan beberapa helai daun salam. Jika dimasak lemak, ia akan lebih enak jika dicampur dengan lengkuas dan pucuk lengkuas serta serai.

Petua ini yang diamalkan oleh orang-orang tua kita bukan saja membolehkan dayang-dayang memasaknya dalam masa yang cepat, tetapi juga melembutkan pucuk ubi dan memberi rasa yang lebih enak.

Penetapan jawatan dua orang pegawai kanan

BANDAR SERI BEGAWAN. — Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Hassanah Bolkiyah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam telah memperkenankan penetapan jawatan bagi pegawai-pegawai seperti berikut mulai dari 1 November 1986.

* Awang Zakaria bin Dato Paduka Haji Noordin ditetapkan sebagai Pengarah Kerja Raya ; dan

* Yang Amat Mulia Pengiran Negara Indera Pengiran Anak Kamarul-zaman bin Pengiran Pekerma Setia Diraja Sahibul Bandar Pengiran Haji Ali ditetapkan sebagai Timbalan Pengarah Kerja Raya.

Wanita

PERSOALAN DALAM RUMAHTANGGA



Oleh Aisah Piee
dan Zubaidah HS

ISLAM memang memberikan hak untuk lelaki dan wanita memilih pasangan hidup. Ini adalah semata-mata untuk menjamin kebahagiaan rumahtangga yang akan mereka dirikan. Tegasnya dalam soal jodoh, tidak ada paksaan dalam menentukan bakal suami atau isteri.

Walau bagaimanapun kita sebagai manusia yang ditinggikan darjatnya di alam maya-pada ini, hanya boleh merancang dan berusaha untuk men-

kurang hati-hati dalam soal memilih jodoh, atau kadang-kadang pasangan yang berkahwin atas pilihan keluarga. Akibatnya wanita yang menjadi mangsa dari perbuatan-perbuatan suami yang tidak bertanggungjawab.

Kadang-kadang ada suami yang terus menghilangkan diri tanpa khabar berita, melepaskan tanggungjawab dengan begitu saja, ke hulu ke hilir seperti orang bujang. Bagi wanita yang mempunyai pekerjaan, ringanlah sedikit bebanan yang ditanggung, tetapi bagaimana pula bagi isteri yang tidak mempunyai pendapatan, ditambah pula dengan anak-anak yang keliling pinggang.

SUAMI ORANG LUAR NEGERI

Akibat dari kecuaiannya suami yang seumpama ini dan suami yang menghilangkan diri (suami

Banyak perceraian yang berlaku sekarang ini disebabkan kurang hati-hati dalam soal memilih jodoh, atau kadang-kadang pasangan yang berkahwin atas pilihan keluarga. Akibatnya wanita yang menjadi mangsa dari perbuatan-perbuatan suami yang tidak bertanggungjawab.

dapatkan segala apa yang dikehendaki dan dikehendaki, tetapi yang menentukan segalanya itu adalah Allah Subhanahu Wataala. Terutamanya dalam soal hidup, jodoh, rezeki dan mati, semuanya telah ditentukan oleh-Nya.

Dalam soal memilih jodoh ini, kita sebagai wanita perlulah berhati-hati agar tidak menyesal di kemudian hari, kerana sesal dahulu pendapatan, sesal kemudian tidak berguna.

Banyak perceraian yang berlaku sekarang ini disebabkan

ghaib), menambahkan lagi bilangan peratus perceraian di negara kita.

Suami ghaib ini ialah suami yang meninggalkan isteri tanpa memberi khabar berita dan nafkah zahir dan batin berbulan-bulan malahan ada yang bertahun-tahun lamanya.

Menurut Dyg. Hajjah Zalina bte Hj. Omar, Pegawai Agama di Kementerian Hal Ehwal Ugama Negara Brunei Darussalam, kebanyakan masalah perceraian seperti ini adalah bagi wanita yang bersuamikan orang luar negeri.

"Kita tidak nafikan jodoh di tangan Tuhan, tetapi sekurang-kurangnya wanita-wanita yang berkahwin dengan lelaki luar negeri ini, hendaklah mengambil berat tentang keturunan suaminya, di mana kampung halamannya ataupun latar belakangnya."

Kebanyakan mereka ini datang ke negara kita untuk bekerja dan setelah tamat tempohnya, mereka balik ke negeri asalnya tanpa memberitahu isteri.

Kebanyakan semasa hendak mendirikan rumahtangga, para isteri kurang berhati-hati, kita tidak nafikan jodoh, tetapi sekurang-kurangnya, tegas Dyg. Hjh. Zalina, kita mesti beringat-ingat terhadap latar belakang bakal suami demi kepentingan masa depan diri sendiri dan juga keluarga.

Yang mendatangkan masalah apabila kes-kes perceraian seumpama ini berlaku, jelasnya, si isteri sendiri tidak tahu tentang asal-usul suaminya, kampung halamannya tidak disiasat walaupun bertahun-tahun mendirikan rumahtangga.

Perkara seperti ini, agak sulit bagi pihak Kementerian Hal Ehwal Ugama membuat penyiasatan, ataupun sekurang-kurangnya memanggil suami untuk memberikan keterangan, sebab-sebab ia meninggalkan isteri dan keluarga.

DIJADIKAN ALAT

Kadang-kadang, jelas Dyg. Hjh. Zalina seterusnya, mereka tidak menyadari yang mereka dijadikan alat oleh lelaki-lelaki luar negeri, dengan mengambil kesempatan mendirikan rumahtangga dengan wanita-wanita di negara kita, semata-mata untuk kepentingan sendiri sahaja. Sesudah mereka mendapatkan kepentingan yang dikehendaki, isteri dan anak-anak ditinggalkan, tanpa khabar berita.

"Kita tidak nafikan jodoh di tangan Tuhan, tetapi sekurang-kurangnya wanita-wanita yang berkahwin dengan lelaki luar negeri ini, hendaklah mengambil berat tentang keturunan suaminya, di mana kampung halamannya ataupun latar belakangnya."

Supaya apabila sesuatu berlaku, suami seperti itu dapat dituntut atau sekurang-kurangnya jika mereka mempunyai anak, si anak tadi dapat berjumpa atau menuntut bapanya, ujar beliau lagi.

"Yang agak hairannya, ada isteri yang tidak merasa serik bersuamikan orang luar negeri," jelas Dyg. Hjh. Zalina. Walaupun pernah menderita dan menanggung sengsara akibat dari bersuamikan orang luar negeri di perkahwinan pertama.

Dari sini dapat kita lihat, walau wanita diberikan hak untuk memilih teman hidupnya, walau bagaimanapun hendaklah berhati-hati, kerana wanita bukanlah makhluk yang patut dijadikan sebagai bahan mainan kaum lelaki sebagai melepaskan nafsu yang buas, sebagaimana yang pernah diriwayatkan: "Bahawa seorang gadis hamba sahaya datang kepada Rasulullah dan menyebarkan yang bapanya telah memaksanya kahwin. Maka Nabi telah memberikan pilihan kepadanya sama ada mahu menerima atau menolak." — Riwayat Imam Ahmad.

EDAH

Bagi isteri yang kehilangan suami (tidak tahu suaminya ke mana dan di mana ia berada, mati atau hidup), maka si isteri itu wajib menunggu selama empat tahun. Setelah genap empat tahun barulah beredah selama empat bulan sepuluh hari. Hal ini pernah diriwayatkan oleh Imam Malik yang bermaksud: "Dari Umar radhi-Allah-u

an ia berkata: Siapa saja perempuan yang kehilangan suami, sesungguhnya ia wajib menunggu selama empat tahun, kemudian hendaklah beredah selama empat bulan sepuluh hari, selepas itu barulah boleh kahwin."

Manakala kalau suami hilang semasa dalam medan pertempuran pula, isteri hendaklah beredah selama setahun.

Angka tunjuk harga barang bulan Oktober

Angka Tunjuk Harga Barang-barang Pengguna bagi bulan Oktober, 1986 ialah 150.1 mata dan ini hanyalah 0.4% lebih tinggi dari Angka Tunjuk bagi bulan September 1986. Berbanding dengan angka tunjuk bagi bulan Oktober 1985, angka tunjuk bagi bulan yang dilaporkan adalah 2.4% lebih tinggi.

Jika dibandingkan dengan bulan sebelumnya, ada terdapat sedikit kenaikan angka tunjuk bagi kumpulan-kumpulan "makanan" dan "pengangkutan dan perhubungan". Angka-angka tunjuk kumpulan-kumpulan lain adalah tidak berubah.

Kenaikan angka tunjuk kumpulan "makanan" ialah disebabkan oleh kenaikan angka-angka tunjuk kumpulan-kumpulan kecil "ikan", "sayur-sayuran dan hasil sayur-sayuran" dan "lain-lain makanan termasuk barang-barang awetan". Kenaikan angka tunjuk kumpulan "pengangkutan dan perhubungan" ialah disebabkan oleh kenaikan angka tunjuk kumpulan kecil "pembelian kenderaan persendirian".

Kadang-kadang ada suami yang terus menghilangkan diri tanpa khabar berita, melepaskan tanggungjawab dengan begitu saja, ke hulu ke hilir seperti orang bujang. Bagi wanita yang mempunyai pekerjaan, ringanlah sedikit bebanan yang ditanggung, tetapi bagaimana pula bagi isteri yang tidak mempunyai pendapatan, ditambah pula dengan anak-anak yang keliling pinggang.



PENGUSA Polis, Awang Manan bin Osman, Pegawai Memerintah Polis Daerah Brunei.

BAGI mengurangkan atau mengelakkan kemalangan-kemalangan jalan raya di negara kita daripada terus berlaku, pihak Polis Diraja Brunei telah mengadakan operasi penangkapan ke atas ternakan ternakan seperti kerbau, yang didapati berkeliaran di jalan-jalan raya.

Operasi tersebut telah dijalankan sejak sebulan yang lalu dan hingga kini pihak polis telah menangkap kira-kira 4 ekor kerbau.

Menurut Penguasa Polis Manan bin Osman, Pegawai Memerintah Polis Daerah Brunei, ketika ditemui baru-baru ini, kira-kira 40 kes kemalangan jalan raya disebabkan atau bersabit dengan kerbau-kerbau yang berkeliaran telah berlaku sejak tiga bulan kebelakangan ini. Ini bererti dalam sebulan sekurang-kurangnya 13 kes kemalangan jalan raya berlaku disebabkan ternakan tersebut.

Pihak Polis Diraja Brunei ketika ini, katanya, telah menjalankan operasi penangkapan di kawasan-kawasan tertentu seperti di Jalan Tutong, Jalan Jerudong, Sengkurong dan jalan-jalan di kawasan Kampong Limau Manis dan akan meneruskannya di tempat-tempat lain seperti di Jalan Muara.

Walau bagaimanapun pihaknya ketika ini, masih menumpukan di kawasan Jalan Jerudong, kerana di kawasan tersebut banyak kerbau-kerbau berkeliaran tanpa dikawal oleh tuan-tuan yang punya, terutamanya waktu malam.

Setelah penangkapan dilakukan kerbau-kerbau tersebut disimpan di Stesen Pertanian Luahan Jerudong, di bawah penjagaan Jabatan Pertanian sementara mengesan

Oleh Zubaidah HS
Gambar oleh Pg. Abu Bakar PHD.

tuan yang punya kerbau, tetapi sekiranya dalam tempoh tiga hari pihaknya dan Jabatan Pertanian tidak mengesahkan zuan punya kerbau tersebut, maka ia dianggap kerbau tidak bertuan dan akan dilelong kepada orang ramai, serta hasil dari jualan itu akan disimpan di Jabatan Polis dan jika dalam tempoh tiga bulan tidak ada tuntutan oleh pemilik kerbau, maka wang tersebut akan diserahkan kepada Jabatan Perbendaharaan, jelas Penguasa Polis Manan.

UNDANG-UNDANG

Membiarkan ternakan sama ada lembu, kambing, kuda dan babi yang dipelihara berkeliaran sama ada di jalan-jalan raya atau merayau di tempat-tempat kawasan orang lain, iaitu bukan kawasan tuan-tuan punya ternakan tersebut, adalah menyalahi Undang-Undang Keselamatan Kecil Seksyen 15 (1), yang mana tindakan boleh diambil oleh pihak polis bagi menjalankan penangkapan ke atas ternakan-ternakan tersebut, pada masa ini terutamanya kerbau, manakala seksyen 13(2) pula, mahkamah boleh mengarahkan supaya tuan-tuan punya kerbau mengganti rugi, kenderaan-kenderaan atau tanaman-tanaman yang mendapat kerosakan.

Apabila ditangkap, jelas Penguasa Polis Manan seterusnya, ternakan itu dibawa ke Balai Polis yang berdekatan. Oleh kerana pihak polis tidak mempunyai kawasan khas untuk mengandong, ternakan itu terpaksa diserahkan di bawah penjagaan Jabatan Pertanian.

Semasa dalam penjagaan polis, tuan-tuan punya kerbau akan dikenakan bayaran dengan kadar mengikut jenis binatang iaitu bagi kerbau sebanyak \$10 sehari, iaitu sebe-



KERBAU yang ditangkap dinaikkan ke lori untuk dibawa ke balai polis sebelum dipindahkan untuk penjagaan Jabatan Pertanian bagi mengesan tuan-tuan punya kerbau.

lum perbicaraan dijalankan. Walau bagaimanapun jika sabit kesalahan, tuan-tuan punya kerbau boleh didenda sehingga \$1,000 pada tiap-tiap seekor binatang tersebut, iaitu mengikut setiap denda yang dikenakan dalam perbicaraan yang ditentukan oleh mahkamah.

Menurut Penguasa Polis Manan selanjutnya, operasi penangkapan kerbau ini selalu dilakukan pada waktu petang, sebelah malam dan waktu subuh. Dalam keadaan begini kalau ternakan-ternakan tersebut berkeliaran di jalan-jalan raya sudah pasti akan mendatangkan merbahaya kepada pemandu-pemandu, seperti kecederaan parah malah boleh mendatangkan kematian.

Dalam pada itu, Penguasa Polis Manan juga menasihatkan tuan-tuan punya kerbau di negara ini supaya dapat mengurung atau mengandong kerbau-kerbau mereka dalam pagar supaya tidak berkeliaran di jalan-jalan raya dan

merosakkan harta benda orang lain.

Jika kita tinjau, membiarkan ternakan-ternakan seperti kerbau berkeliaran di jalan-jalan raya atau berkeliaran di kawasan orang lain dengan merosakkan tanaman dan harta benda orang, walaupun dianggap dari segi undang-undang sebagai satu kesalahan kecil, tetapi risiko daripadanya adalah berat.

Mungkin akibat daripada itu, ramai jiwa akan terkorban terutamanya kalau kemalangan-kemalangan berlaku, tuan-tuan punya kerbau tersebut akan lebih kerugian lagi sekiranya, tanaman-tanaman atau harta orang lain dirosakkan. Untunglah kalau mereka tidak meminta ganti rugi, tetapi kalau sebaliknya? tanya Penguasa Polis Manan.

Kalau hanya setakat itu tidak apalah, tetapi ada juga yang sampai bermusuhan-musuhan sesama jiran dan saudara akibat dari kesalahan-kesalahan yang dianggap kecil ini.

Kecurian: Laporkan ke Balai Polis

PIHAK Polis meminta orang ramai yang kehilangan harta benda mereka, seperti disebabkan kecurian, supaya melaporkan segera ke balai-balai polis yang berdekatan.

Ini bertujuan untuk memudahkan pihak polis mengesan sebarang mungkin perkara tersebut.

Barang kecurian yang dilaporkan kepada pihak polis, akan memudahkan pihak berkenaan mengambil tindakan.

Mesyuarat Agung

PERSATUAN Bekas Perajurit Angkatan Bersenjata Diraja Brunei akan mengadakan mesyuarat agungnya pada 7 Disember depan bertempat di Dewan Pahlawan ABDB, Berakas Garrison bermula jam 8.00 pagi.

Oleh yang demikian ahli jawatankuasa penyelaras meminta semua bekas perajurit ABDB yang telah bersara atau berhenti hadir ke majlis tersebut.

Pengkajian Percubaan Perbelanjaan Keluarga

BANDAR SERI BEGAWAN. — Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam melalui Bahagian Perangkaan, Unit Perancang Ekonomi, Kementerian Kewangan akan menjalankan satu Pengkajian Percubaan Perbelanjaan Keluarga pada bulan Disember, 1986 sebagai persediaan Pengkajian Perbelanjaan Keluarga yang sebenar yang akan dijalankan pada bulan April, 1987 hingga bulan Mac 1988.

Pengkajian percubaan ini hanyalah ditujukan kepada ketua-ketua keluarga di kawasan-kawasan yang terpilih sahaja.

Tujuan pengkajian ini selain daripada memperbaiki dan memperkemas sistem perangkaan ianya juga bertu-

juan membaharui Tahun Asas bagi kegunaan Angka Tunjuk Harga Barang-Barang Pengguna yang ada sekarang.

Kawasan-kawasan yang terpilih itu ialah seperti berikut:—

Kawasan Bandar

Jalan Tapak Kuda
Pandai Besi "B"

Kawasan Luar Bandar

Kilanas
Kiudang

Oleh itu kepada ketua-ketua keluarga yang terpilih adalah diminta memberikan kerjasama dengan mencatatkan segala pendapatan dan perbelanjaan yang disenaraikan di dalam BUKU CATATAN PERBELANJAAN KELUARGA yang disediakan.

Jadual Lawatan Perpustakaan Bergerak dari 1 Dis. hingga 2 Dis. 1986

TEMPAT PERSINGGAHAN	TARIKH	HARI	MASA
Sekolah Rendah Haji Md Salleh Sungai Hanching	1.12.1986	Isnin	8.45- 9.45 pagi
Sekolah Rendah Kiarong	1.12.1986	Isnin	8.30- 9.30 pagi
Mabtab Sains Paduka Seri Begawan Sultan	1.12.1986	Isnin	1.45- 2.45 petang
Sekolah Menengah Berakas	2.12.1986	Selasa	9.15-10.15 pagi
Sekolah Rendah Anggerak Desa Berakas	2.12.1986	Selasa	10.30-11.30 "
Sekolah Ugama Haji Md Jaafar Kampung Kiulap	2.12.1986	Selasa	2.45- 3.15 petang
Sekolah Ugama Kampung Mata-Mata Gadong	2.12.1986	Selasa	3.30- 4.30 "
Sekolah Persediaan Inggiris Sengkurong	2.12.1986	Selasa	4.30- 5.00 "



SALAH seekor kerbau yang sudah dapat ditangkap. Penangkapan ini dilakukan pada kira-kira jam 3.00 pagi di Jalan Jerudong.

Untuk atasi kekurangan bekalan daging ayam

Kerajaan bina projek penetasan telur

NEGARA kita masih mengimport kira-kira 60 peratus anak-anak ayam untuk dibekalkan kepada penternak-penternak tempatan. Ini bermakna kita baru berupaya mengeluarkan 40 peratus — yang sudah tentu masih menimbulkan kesukaran kepada penternak-penternak untuk mendapatkan bekalan anak-anak ayam tersebut.

Bila bekalan sukar ataupun kurang diperolehi, berereti pengeluaran daging-daging ayam dan telur juga tidak akan mencukupi keperluan kita. Tetapi yang lebih membimbangkan lagi ialah sekiranya penternak-penternak hilang minat atau tidak lagi yakin terhadap bidang tersebut. Bila terjadi hal yang demikian peratus import kita tentu akan bertambah banyak lagi.

PROJEK PENETASAN

Menyedari hakikat ini, Jabatan Pertanian telah berusaha memberi galakan kepada orang ramai supaya berkecimpung dalam sektor ternakan ini bagi menambahkan bilangan penternak dan hasil pengeluaran. Apa yang penting dalam usaha ini ialah meyakinkan orang ramai terutamanya para penternak ayam dengan memastikan bekalan anak-anak ayam yang mencukupi dan berterusan kepada mereka.

Untuk itu Jabatan Pertanian telah membuka sebuah projek penetasan anak ayam yang moden untuk menampung sebahagian daripada keperluan yang dikehendaki. Objektif projek tersebut ialah:

- * membekal anak ayam daging kepada penternak-penternak tempatan terutama sekali penternak-penternak yang telah dilatih oleh Jabatan Pertanian dan pemohon-pemohon skim pinjaman kewangan Kerajaan.

- * menambah bekalan anak ayam oleh pengeluar tempatan di samping untuk mengurangkan peratus import.

Projek penetasan anak ayam ini terletak berdekatan dengan Stesen Pertanian Mentiri, Jalan Kota Batu dan dibahagikan kepada dua bahagian, iaitu Bahagian Penetasan dan Bahagian Pemeliharaan Ayam Pemiak (pengeluaran telur-telur berbenih).

PENETASAN

Bahagian penetasan mempunyai satu bangunan di atas tapak seluas ½ ekar. Bangunan ini mula digunakan sejak bulan Oktober tahun lepas dan telah dilengkapi dengan bilik-bilik pejabat, pengasapan (fumigation), penetasan dan mencuci. Di samping itu ia juga dilengkapi dengan mesin-mesin penetasan setter dan hatcher yang didatangkan dari Australia untuk mengering telur-telur yang telah dipilih untuk penetasan.

Mesin-mesin tersebut boleh mengeluarkan (menetas) sehingga 12,500 ekor anak pada setiap kali penetasan. Tetapi buat masa ini operasinya masih di peringkat permulaan iaitu dengan mengeluarkan kira-kira 3,000 ke 3,500 ekor anak ayam dari 5,000 biji telur benih yang dimasukkan setiap kali penetasan.

Proses penetasan ini berjalan selama 21 hari iaitu selama 18 hari dalam mesin setter, sele-

pas itu telur-telur itu dipindahkan ke mesin hatcher sehingga ia menetas pada hari yang ke-21.

Telur-telur berbenih ini dimasukkan ke dalam mesin penetasan untuk diramkan pada setiap minggu. Dengan ini penetasannya (pengeluaran anak ayam) juga akan dapat dihasilkan pada setiap minggu.

Di samping menetas telur ayam, projek ini juga telah membina dua buah reban ayam yang akan menempatkan kira-kira 1,900 ekor ayam untuk dibiakkan. Apabila ayam-ayam ini cukup dewasa ianya dijangka akan menghasilkan telur-telur berbenih kira-kira 6,000 biji setiap minggu yang dianggarkan boleh menggantikan pembelian telur-telur berbenih dari luar negeri. Telur-telur itu nanti akan dihantar ke bahagian penetasan untuk proses pengeraman (incubation).

SALAH sebuah mesin penetasan yang pada masa ini menjalankan operasinya menetas antara 3,000 hingga 3,500 biji telur berbenih setiap minggu. Sebelum telur-telur tersebut dimasukkan ke dalam mesin ini ianya terlebih dahulu dipilih mengikut saiz dan beratnya yang sesuai untuk penetasan. Pada masa yang akan datang operasinya akan ditingkatkan lagi mengikut keperluan para penternak (gambar atas tengah). Manakala gambar atas pula kelihatan seorang pegawai dari Klinik Haiwan sedang menyuntik anak-anak ayam yang baru saja dikeluarkan dari mesin penetasan untuk mengelakkan dari jangkitan penyakit sebelum dibekalkan kepada para penternak.



SEBAHAGIAN daripada anak-anak ayam yang baru saja dikeluarkan dari mesin penetasan setelah diramkan selama 21 hari di dalam mesin setter dan hatcher.



Pertanian

Kelolaan: **TIMBANG BAKAR**
Dengan kerjasama Unit
Penerangan dan Perhubungan
Jabatan Pertanian

Tinjauan kemajuan pertanian

KE ARAH meningkatkan lagi penghasilan dan pengeluaran sektor pertanian di negara ini, Jabatan Pertanian kini sedang menjalankan tinjauan kemajuan pertanian ke beberapa buah kampung yang terlibat dengan perladangan dan penternakan.

Pegawai-pegawai pembangunan dari jabatan tersebut akan menemui peladang-peladang yang berkenaan untuk membuat soal-selidik terhadap pencapaian hasil dan mutu pertanian mereka sebagai langkah untuk mengenal pasti langkah-langkah yang harus diambil dan dijalankan bagi meningkatkan penghasilan sektor tersebut di masa yang akan datang.

Melalui tinjauan tersebut jabatan berkenaan berharap akan dapat mengetahui perkara-perkara berikut:

- * kedudukan pengeluaran hasil tanaman dan ternakan
- * ramai peladang yang bergiat
- * keluasan tanah yang diusahakan
- * perubahan sistem perladangan
- * kedudukan subsidi import pertanian.

Tinjauan asas mengenai perkara-perkara tersebut di atas pernah dibuat pada tahun lepas. Tinjauan yang baru ini menurut salah seorang pegawai di Bahagian Penerangan dan Perhubungan jabatan berkenaan adalah untuk perbandingan bagi penilaian yang terperinci.

Tinjauan yang bermula pada 1 Disember hingga 21 Disember itu dikendalikan oleh Unit Perancangan dan Penilaian dengan kerjasama Unit Pengembangan Daerah.



SERAMAI 20 orang pegawai-pegawai Bahagian III Jabatan Pertanian bulan lepas telah menghadiri Kursus Pengawasan Projek-Projek Rancangan Pertanian dan Pengurusan Pekerja dan Buruh.

Kursus tersebut dianjurkan oleh Unit Latihan Jabatan Perjawatan dengan kerjasama Jabatan Pertanian dan Institut Pembangunan Tanah (INPUP) FELDA Malaysia.

Pegawai-pegawai yang menghadiri kursus selama lima hari itu terdiri dari mereka yang sering berhubung rapat dengan orang ramai khasnya kaum tani seperti pengurus-pengurus stesen pertanian.

Dalam gambar kelihatan sebahagian dari pegawai-pegawai yang menghadiri kursus tersebut yang diadakan di Ibu Pejabat Jabatan Pertanian di Berakas.

Imbas kembali Mesyuarat Menteri-Menteri Buruh ASEAN

MESYUARAT Menteri-Menteri Buruh ASEAN kali ke-5 diadakan di Manila, Filipina. Mesyuarat dua hari itu bermula 8 Oktober 1984 seperti biasa bertujuan untuk meningkatkan serta meluaskan kerjasama ASEAN dalam perburuhan dan tenaga manusia.

Brunei Darussalam yang menganggotai ASEAN pada 7 Januari 1984 buat julung kalinya menyertai mesyuarat ini. Negara kita diwakili oleh Yang Amat Mulia Pengiran Laila Kanun Diraja Pengiran Bahrin bin Pengiran Haji Abbas, Menteri Undang-Undang yang pada waktu itu adalah Menteri Undang-Undang merangkap Menteri Perhubungan.

Indonesia diketuai oleh Menteri Tenaga Kerja, Yang Berhormat Tuan Sudomo; Malaysia diketuai oleh Menteri Buruh, Yang Berhormat Datuk Mak Hon Kam; Yang Berhormat Tuan Blas F. Ople selaku Menteri Buruh dan Pekerjaan menutujui perwakilan Filipina; Singapura diketuai oleh Menteri Buruh, Yang Berhormat Prof. S. Jayakumar; manakala Thailand pula ialah Timbalan Setiausaha Tetap di Kementerian Dalam Negeri. Mesyuarat itu juga dihadiri oleh Setiausaha Agung Sekretariat ASEAN pada ketika itu, Tuan Phan Wannamethee.

Realiti Ekonomi

Yang Berhormat Tuan Blas F. Ople dalam kata alu-aluannya menyatakan, di bawah tekanan realiti ekonomi yang dihadapi oleh negara-negara membangun, negara anggota ASEAN perlu mengarahkan semua kepada sikap kesederhanaan, disiplin dan kejujuran.

Yang Berhormat Tuan Blas F. Ople menekankan keperluan bagi mendapat sokongan meluas di kalangan orang ramai yang cuma diperolehi melalui perbincangan terbuka.

Menurutnya, Menteri-Menteri Buruh ASEAN telah berpengalaman bekerja secara terbuka dalam mendukung kepercayaan di kalangan rakan sosial, buruh dan pengurusan. Kerana itu Mesyuarat Menteri-Menteri Buruh itu perlu untuk memenuhi kehendak ASEAN.

Dalam permesyuaratan ke-5 itu, beliau juga menekankan pentingnya peranan kementerian berkenaan di negara masing-masing dalam usaha meningkatkan masyarakat bahawa tenaga manusia begitu mustahak dalam setiap strategi pembangunan.

Keinsafan

Mesyuarat Menteri-Menteri Buruh ASEAN ke-5 dibuka rasmi oleh Tuan Yang Terutama Tuan Nicanor E. Ynguez, Speaker Batasang Pembansa Republik Filipina.

Tuan Yang Terutama itu mengalu-alukan kedatangan semua ahli rombongan terutama sekali kepada perwakilan Brunei Darussalam yang pertama kali menghadiri mesyuarat ini sejak menjadi

Mesyuarat kali ke-5 Mendapati tahap perburuhan antarabangsa dilaksanakan di kalangan negara industri

Oleh Mohd Salleh Abdul Latif

negara anggota ASEAN.

Beliau menyeru semua perwakilan agar menumpukan usaha memajukan rasa keinsafan ASEAN bagi faedah strateginya dalam wilayah Pasifik.

Perpaduan di kalangan Menteri-Menteri Buruh ASEAN, katanya, dapat dilihat dari kerjasama teknikal, penubuhan rangkaian kerja bagi membaiki ruang dan persekitaran kerja, dan bayangan jangka panjang zon pergerakan bebas ASEAN.

Persefahaman bersama pemesyuaratan itu merakamkan perhatian serius terhadap kegiatan perlindungan 'protectionist activities' yang memberi kesan kerugian dalam hubungan industri, pekerjaan dan produktiviti. Pengalaman serupa ini dirasakan oleh setengah negara anggota ASEAN terutama dalam corak baru perlindungan buruh.

Bersetuju

Mesyuarat itu bersetuju untuk mengkaji semua bentuk perlindungan tersebut dan akan membawakannya ke Persidangan Ke-10 Menteri-Menteri Buruh Asia dan Pasifik (CAPLAM - Conference of the Asia and Pacific Labour Ministers).

Mereka juga bersedia menimbang masalah penghijrahan buruh. Mereka telah mengenal masalah kepelbagaian tenaga manusia yang dihadapi oleh negara-negara ASEAN. Kerananya, perhatian sewajarnya harus ditumpukan dalam isu-isu serupa ini di samping meneruskan pertukaran maklumat semata-mata demi kepentingan bersama.

Mesyuarat ke-5 itu mendapati bahawa tahap perburuhan antarabangsa mungkin dilaksanakan dari segi konsep serta nilainya di kalangan negara-negara industri.

Dalam hubungan ini, ASEAN haruslah mengamalkan tahap-tahap buruh seperlunya dan melibatkan secara berkesanan tahap-tahap biasa serupa ini sebagai salah satu agenda persidangan Pertubuhan Buruh Antarabangsa.

Persefahaman bersama juga antara lain meluluskan pada dasarnya beberapa projek ASEAN. Pertama, Program ASEAN untuk memperbaiki keadaan dan persekitaran tempat bekerja. Kedua, rangkaian penerangan buruh ASEAN mengenai hubungan buruh dan undang-undang buruh.



YANG Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Setia Bakti Diraja Dato Laila Utama Haji Awang Isa, Penasihat Khas Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam di Jabatan Perdana Menteri merangkap Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri menandatangani laporan akhir Mesyuarat Menteri-Menteri Buruh ASEAN.

Mereka juga mengambil ketetapan agar Mesyuarat Menteri-Menteri Buruh ASEAN kali ke-6 dilangsungkan di negara kita ini.

Sebelum Mesyuarat Menteri-Menteri Buruh ASEAN ke-6 ini berlangsung, maka terlebih dahulu diadakan mesyuarat pegawai-pegawai kanan mengenai Mesyuarat ini dilangsungkan di Dewan Persidangan, Pusat Kesenian dan Pertukangan Tangan, Brunei bermula pada 24 November, 1986 selama dua hari.

Awang Haji Omar bin Haji Serudin, Setiausaha Tetap di Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri telah dipilih menjadi pengerusi dalam permesyuaratan pegawai-pegawai kanan ini. Mereka antara lain membincangkan kertas utama yang disediakan oleh Indonesia di bawah tajuk 'Sektor Informal: Cabaran-Cabaran Kepada Pentadbiran dan Dasar Buruh'. 'Tahap-Tahap Buruh Antarabangsa dan ASEAN' kertas utama dari Singapura dan lain-lain lagi.

Mesyuarat Menteri-Menteri Buruh ASEAN kali ke-6 ini telah dibuka rasmi oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda

Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam. Negara kita diketuai oleh Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Setia Bakti Diraja Dato Laila Utama Haji Awang Isa, Penasihat Khas Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam di Jabatan Perdana Menteri merangkap Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri.

Manakala itu Indonesia diketuai oleh Tuan Yang Terutama, Tuan Sudomo, Menteri Tenaga Kerja;

Malaysia ialah Menteri Buruh, Tuan Yang Terutama Datuk Lee Kim Sai; Filipina pula oleh Menteri Buruh dan Pekerjaan, Tuan Yang Terutama Augusto Sanchez; Singapura diketuai oleh Pemangku Menteri Buruh, Tuan Yang Terutama Lee Yock Suan; Thailand diketuai oleh Timbalan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, Tuan Chaleo Vajrabukka. Setiausaha Agung, Sekretariat ASEAN, Tuan Yang Terutama Roderick Yong juga hadir dalam mesyuarat tiga hari ini.

Tenaga kerja di rantau ini sentiasa diambil perhatian oleh ASEAN

Dari muka 2

dalam keputusan yang dicapai pada tahun 1974 yang mana Menteri-Menteri Buruh ASEAN hendaklah mengadakan mesyuarat pada tiap-tiap dua tahun. Sidang Menteri-Menteri Buruh, sejak sidang yang diadakan pada tahun 1975, telah mencapai banyak kejayaan di bidang buruh. Ini dapat dilihat melalui usaha-usaha bagi meningkatkan kerjasama di kalangan negara-negara anggota untuk mencari rumusan terhadap masalah-masalah perburuhan ketika ini.

Tenaga Kerja

Beberapa buah projek telah dimulakan seperti Pusat ASEAN bagi Perhubungan Perusahaan dan Rancangan ASEAN mengenai peningkatan keadaan bekerja dan persekitaran. Semua projek ini menandakan perhatian ASEAN untuk menggalakkan mutu, taraf dan kesejahteraan tenaga kerja di rantau ini.

Brunei Darussalam tidak mempunyai industri expot yang besar selain daripada minyak dan gas. Meskipun tenaga kerja tempatan kita kecil, kita mempunyai aspirasi yang sama dengan anggota-anggota ASEAN yang lain mengenai keperluan untuk meningkatkan pertumbuhan ekonomi dan juga mempelbagaikan ekono-

mi kita. Kita telah mengambil langkah-langkah perlu untuk memajukan sektor-sektor bukan minyak kita dengan memberikan penekanan ke atas sektor-sektor industri dan pertanian. Matlamat ini cuma akan dapat dicapai jika tenaga kerja itu mempunyai disiplin, galakan yang betul dan mempunyai kemahiran teknikal yang diperlukan.

Dari itu kita menganggap Mesyuarat Menteri-Menteri Buruh ASEAN sebagai satu forum yang penting di mana kerjasama rapat di bidang pembangunan dan perkembangan tenaga manusia di rantau ini akan dapat dicapai.

Beta merasa gembira bahawa di mesyuarat ini masa yang berpatutan akan diberikan bagi mendapatkan rumusan terhadap masalah-masalah perburuhan di rantau ini dan dalam mencari jalan bagi meningkatkan kerjasama di bidang-bidang yang ada hubungannya.

Beta mengucapkan semoga semuanya mendapat kejayaan dalam perbincangan-perbincangan.

Dengan mendahului kalimat BISMILLAHIR RAHMANIR RAHIM Beta sukacita membuka rasmi Mesyuarat Menteri-Menteri Buruh ASEAN yang ke-6 ini.



GAMBAR atas merakamkan ketika mesyuarat Pegawai-Pegawai Kanan Buruh ASEAN yang telah dilangsungkan di Dewan Persidangan Pusat Kesenian dan Pertukangan Tangan di ibu negara.



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Hassanul Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berangkat bagi merasmikan Mesyuarat Menteri-Menteri Buruh ASEAN kali ke-6 yang berlangsung di Pusat Dakwah Islamiah (atas). Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam ketika bertitah (kanan).



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Hassanul Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam ketika menerima menghadap Menteri-Menteri Buruh ASEAN di Istana Nurul Iman (atas kiri).

GAMBAR atas merakamkan suasana mesyuarat Menteri-Menteri Buruh ASEAN (atas).

SEBAHAGIAN daripada jemputan-jemputan khas yang menghadiri pembukaan rasmi Mesyuarat Menteri-Menteri Buruh ASEAN di Pusat Dakwah Islamiah (kanan).

DI SAMPING menghadiri mesyuarat, perwakilan dari Menteri-Menteri Buruh ASEAN juga telah mengadakan lawatan ke tempat-tempat yang menarik di negara ini. Gambar kiri kelihatan ketika mereka mengadakan lawatan ke Daerah Temburong.



Menteri-Menteri Buruh ASEAN kali ke-6

KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Hassanah Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam telah berkenan berangkat merasmikan Mesyuarat Menteri-Menteri Buruh ASEAN kali ke-6 yang berlangsung di Pusat Dakwah Islamiah pada 27 November yang baru lalu.

Di majlis pembukaan rasmi mesyuarat tersebut, Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan mengurniakan titah perasmian.

Terdahulu sebelum itu, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Setia Bakti Diraja Dato Laila Utama Haji Awang Isa, Penasihat Khas Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam di Jabatan Perdana Menteri merangkap Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri telah menyampaikan ucapan alu-aluan.

Mesyuarat Menteri-Menteri Buruh ASEAN kali ke-6 ini dihadiri bersama oleh perwakilan dari keenam negara anggota ASEAN. Negara Brunei Darussalam buat pertama kali menjadi tuan rumah bagi mesyuarat menteri-menteri ASEAN sejak menjadi ahli pertubuhan ASEAN dalam tahun 1984.

Perwakilan negara kita diketuai oleh Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Setia Bakti Diraja Dato Laila Utama Haji Awang Isa, Penasihat Khas Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam di Jabatan Perdana Menteri merangkap Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri.

Republik Indonesia diketuai oleh Menteri Tenaga Manusia, Tuan Sudomo; Negara Malaysia diketuai oleh Menteri Buruh, Dato Lee Kim Sai; Republik Filipina pula diketuai oleh Menteri Buruh dan Pekerjaan, Tuan Augusto Sanchez. Republik Singapura diketuai oleh Pemangku Menteri Buruh, Tuan Lee Yock Suan manakala dari Thailand diketuai oleh Timbalan Menteri Pedalaman, Tuan Chaleo Vajrabukka.

Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam juga telah berkenan menerima mengadap Menteri-Menteri Buruh ASEAN di Istana Nurul Iman pada 29 November lepas.

Menteri-Menteri Buruh ASEAN itu juga telah diraikan di satu majlis makan malam yang diberikan oleh Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Setia Bakti Diraja Dato Laila Utama Haji Awang Isa, Penasihat Khas Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam di Jabatan Perdana Menteri merangkap Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri. Majlis tersebut berlangsung di Dewan Persantapan Lapau pada 28 November lalu.

Laporan oleh Aisah Piee dan Bolhassan HAB.
Gambar-gambar oleh Hj. Sharbini Taha, Pg. Abu Bakar, Pg. Bahar PHO, Pg. Haji Yaakub dan Harun Rashid.



KEBERANGKATAN - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Hassanah Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam telah dialu-alukan oleh Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Setia Bakti Diraja Dato Laila Utama Haji Awang Isa, Penasihat Khas Kebawah Duli Yang Maha Mulia di Jabatan Perdana Menteri merangkap Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri (atas sekali) dan selepas itu Baginda diperkenalkan kepada Menteri-Menteri Buruh ASEAN yang menghadiri mesyuarat tersebut (atas).

PEMBUKAAN rasmi Mesyuarat Menteri-Menteri Buruh ASEAN telah diserikan dengan persembahan hadrah seperti kelihatan dalam gambar (kiri).

Brunei Darussalam dalam lintasan Sejarah Tamadun Melayu

Sambungan minggu lalu

Sementara itu Puteri Sultan Hassan pula berkahwin dengan Sultan Ahmad, anak Sultan Abdul Kadir (Pahang), melahirkan seorang puteri yang berkahwin dengan Sultan Abdullah (Johor) dan berputerakan Raja Bajau, Yang Di-Pertuan Muda Pahang-Johor. Sebenarnya perhubungan keluarga Diraja Brunei dengan Diraja Pahang pada waktu ini amat rapat. Ini dapat dilihat dari peristiwa peperangan antara angkatan Johor yang membaratkan perkampungan di Negeri Pahang dalam bulan September, 1612. Ramai rakyat yang terbunuh, harta-benda rosak binasa dan yang tinggal kebuluran. Raja Brunei (Sultan Hassan) telah memberi bantuan dan berjaya memerangi dan mengalahkan angkatan Sultan Johor. Raja Brunei membawa adiknya (isteri Sultan Pahang) balik ke Brunei di mana Sultan Pahang sendiri mengikuti rombongan itu. Sehubungan dengan ini di Brunei terdapat sebuah perkuburan menggunakan batu Aceh dan masih menjadi persoalan siapa yang mempunyai kubur itu. Di Semenanjung Malaysia perkuburan yang menggunakan batu Aceh sangat banyak terutama sekali di Negeri Pahang. Penyebaran ini berlaku di zaman Sultan Iskandar Muda, Raja Aceh yang menakluki negara-negara di Tanah Melayu dari 1600 hing-

Brunei ke-10 berkahwin lagi dengan Siti Aishah (Radin Emas Ungku), Puteri Temenggong Gerisik, Jawa. Demikian juga Sultan Tengah, putera Sultan Hassan, telah mengembara ke Sambas akibat dari perselisihan dengan kerdanya Sultan Abdul Jalil Akbar. Di Sambas, Sultan Tengah telah berkahwin dengan Puteri Suria Kesuma, berputerakan Radin Sulaiman pada tahun 1600 (Masihi), kemudian bergelar Muht. Saifuddin I, memerintah Negeri Sambas dari 1630-1668. Kesan dari pengaruh Brunei ini nampak di mana dahulu pada setiap Sultan yang hendak menjadi Sultan Sambas, hendaklah diarak ke Brunei terlebih dahulu sebelum Istiadat Berpuspa. Di Kuala Brunei terdapat satu tempat digelar 'Pasir Perarakan' di mana dahulunya Sultan Sambas diarak sebelum pulang.

Sejak Brunei menjadi sebuah negara Islam Beraja, proses migrasi banyak mengubah corak persejarahan Brunei; dari peralihan kedudukan tapak negara kerana tekanan politik, peperangan dan perselisihan keluarga serta meluaskan hubungan keluarga melalui perkahwinan hingga menyebabkan kehilangan kesan-kesan kebudayaan dan teknologi. Migrasi dan perpindahan telah banyak berlaku

dalam pemerintahan Sultan Abdul Mubin (1661-1673), pusat pemerintahan berpindah dari Kota Batu, ke Pulau Chermin di Kuala Brunei dan selepas perang berpindah pula ke Tumasik (berdekatan dengan Istana Sultan sekarang). Dalam masa pemerintahan Sultan Nasiruddin (1670-1710), seorang Minangkabau yang bernama Dato Godam berasal daripada anak cucu Bendahara Tanjung Sunyayang, Pagar Ruyung, Sumatera telah datang ke Brunei melalui Sarawak. Dato Godam di alukan dan diterima oleh Sultan Nasiruddin dan akhirnya zuriat beliau menjadi orang besar Brunei dan keturunan beliau sekarang terdapat di Kampong Ayer. Beliau juga meninggalkan zuriat di Sarawak kerana tidak sempat balik ke Minangkabau.

Dari segi teknologi budaya, proses migrasi telah tidak mewujudkan kesan teknologi budaya Brunei yang kekal. Satu contoh yang ketara ialah Brunei tidak mempunyai kesan seni bena. Keadaan hidup di perairan dan sering berpindah-rendah tidak membolehkan penggunaan bahan-bahan yang kukuh. Perkampungan di air di Bandar Seri Begawan ini adalah hasil proses migrasi yang memakan masa lebih dari 600 tahun. Kampong Ayer yang berbentuk terapung-apung di air adalah satu-satunya struktur yang unik jarang terdapat di mana-mana. Sejauh mana ia mempunyai pengaruh ke atas pertumbuhan kampung air di Sarawak, Sabah dan mungkin di Kalimantan masih lagi dalam penyelidikan. Dari kesan-kesan arkeologi, selain dari tembok batu yang terdapat di Kota Batu (dibina dalam zaman Sharif Ali) masih belum ada lagi bekas-bekas tanda peringatan atau bangunan yang konkrit di Brunei. Kesan dari keindahan Istana Sultan Bolkiah seperti yang diceritakan oleh Pigafetta dalam tahun 1521 tidak lagi kelihatan. Apatah lagi Masjid dalam tahun 1578 yang mempunyai empat tingkat itu sudah hangus dibakar. Di Brunei yang masih tinggal untuk menampakkan kesan-kesan teknologi ini hanyalah melalui batu-batu nisan dan batu ber-

surat. Satu batu berukir yang disifatkan sebagai stupa mungkin dapat menjadi bukti tentang adanya pengaruh Hindu di Brunei.

Sehubungan dengan batu nisan ini, masih banyak terdapat batu-batu nisan yang diukir begitu indah yang menampakkan kehalusan daya kepandaian seni pertukangan di Brunei. Di antara yang terkenal di Brunei ialah Makam Sultan Bolkiah yang dianggarkan memerintah dari tahun 1485 hingga 1524. Tidaklah dapat dinafikan bahawa seni pertukangan di Makam Sultan Bolkiah itu adalah hasil tukang-tukang dari Jawa. Menurut Syaer Awang Semau, seramai empat puluh tukang dari Jawa yang mengahului hampir keseluruhan jenis-jenis pertukangan di Jawa telah dihadiahkan oleh Betara Majapahit ke Brunei apabila ia kalah dalam persabungan ayam dengan Sultan Brunei (Awang Alak Betatar). Tukang-tukang ini telah mendarat di Jerudong di satu kawasan bergelagor Kampong Mejawa. Sebenarnya pengaruh Jawa (Majapahit) ke atas Brunei bukan semata-mata mengenai seni pertukangan bahkan meliputi beberapa aspek adat-istiadat Diraja Brunei yang masih dikekalkan dan diamalkan hingga sekarang. Dalam adat-istiadat menganugerahi gelaran pembesar-pembesar negara, kebanyakan nama gelaran itu mempunyai nama-nama Hindu yang disalurkan dari nama gelaran Majapahit seperti Pengiran Sanggamara, Pengiran Laila Wijaya, Pengiran Maharaja Laila, Pehin (Orang Kaya) Seri Wangsa, Pehin (Orang Kaya) Seri Dewa dan lain-lain. Bahkan perkataan perkataan yang terdapat dalam Ciri Gelaran iaitu surat perantikan kepada sesuatu gelaran diidulahi dengan perkataan berunsurkan ugama Hindu seperti 'Ahuta Sarmata Seri Buhana, Sicapak Perkata Persang Sijaya Perbuhana' dan seterusnya. Jenis pertukangan yang dihadiahkan kepada Brunei oleh Betara Majapahit

termasuklah juga bertenun kain (sungkit), pertukangan emas-perak, tembaga dan besi yang mana kebanyakan dari

SEJAK Brunei menjadi sebuah negara Islam Beraja, proses migrasi banyak mengubah corak persejarahan Brunei; dari peralihan kedudukan tapak negara kerana tekanan politik peperangan dan perselisihan keluarga serta meluaskan hubungan keluarga melalui perkahwinan hingga menyebabkan kehilangan kesan-kesan kebudayaan dan teknologi.

pertukangan ini masih diamalkan waktu ini di Brunei. Malah Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam telah mewujudkan sebuah institusi iaitu Pusat Kesenian dan Pertukangan Tangan Brunei untuk terus menggalak dan memajukan seni pertukangan tangan ini. Kesan teknologi ini akan kekal dalam ingatan melalui nama-nama beberapa buah kampung di Kampong Ayer, seperti Kampong Pandai Besi, Kampong Pandai Emas, Kampong Pandai Kawat (kedua-duanya sudah tidak ada). Dari awal wujudnya Kampong Ayer, kebanyakan nama kampung-kampung itu berdasarkan sama ada kepada jenis pekerjaan yang dilakukan oleh penduduk itu atau kepada gelaran ketua atau pembesar di kampung itu.

Sejak kedatangan kuasa-kuasa asing ke Brunei dari Portugis, Sepanyol, Belanda dan akhir sekali Inggeris, Empayar Brunei beransur surut. Adalah tidak dinafikan bahawa kemerosotan dan kejatuhan empayar Brunei pada asasnya berdasarkan kepada dua sudut. Pertama di Borneo Utara (Sabah dan Sarawak) tekanan politik dari pemerintahan Inggeris yang mengugat konsep 'pecah dan perintah' melahirkan Dinasti Brooke di Sarawak dan North Borneo Chartered Company di Sabah. Dinasti Brooke bercita-cita meluaskan kawasannya di Sarawak melebihi kuasa Raffles. Kejatuhan Brunei sendiri ditambah lagi oleh kealpaan tuan-tuan tanah yang memiliki baik secara tulen, kuripan atas kerajaan, dan menyerahkan kuasa tanah-tanah secara pajakan dengan mendapat bayaran demi untuk memelihara status dan menanggung perbelanjaan keluarga dan pengikut-pengikutnya. Apatah lagi dalam keadaan Brunei menghadapi zaman kemelesetan ekonomi antara tahun 1730 hingga 1900, perpinda-

han penduduk-penduduk Brunei ke daerah berhampiran di Sabah dan Sarawak telah menyebabkan taburan keturunan orang-orang Brunei di tempat-tempat itu. Di Sabah tempat-tempat seperti Kampong Brunei, Karambunai, Kimanis, Bangawan, Sipitang, Labuan dan lain-lain masih mempunyai kesan perhubungan Brunei. Demikian juga di Sarawak masih banyak orang Sarawak yang mempunyai hubungan yang rapat dari segi kekeluargaan dengan orang Brunei. Demikian juga dari aspek teknologi seni pertukangan tangan Brunei ada yang masih diamalkan di kedua-dua negeri ini.

Dalam lintasan sejarah Brunei secara ringkas ini, saya lebih cenderung untuk menyatakan bahawa Negara Brunei lebih banyak menerima pengaruh tamadun Melayu dan Islam dari luar dan sumbangannya dalam menggerakkan identiti tamadun Melayu hanyalah berkisar dalam kepulauan Pulau Borneo saja kerana di pulau besar inilah kesan pengaruh Brunei itu bertumpu. Perkahwinan antara keluarga Raja-Raja Brunei dengan Raja-Raja di kepulauan Melayu memelihara bertutuan untuk menjalinkan perasaan persaudaraan tetapi tidaklah menimbulkan kesan yang mendalam seperti yang terjadi ke atas negara Sambas di mana Radin Sulaiman, anak Sultan Tengah menjadi Sultan Sambas bergelar Sultan Muhammad Saifuddin I. Walau bagaimanapun identiti tamadun Melayu yang masih dipegang dan diamalkan ialah melalui konsep Melayu Islam Beraja. Sebagai sebuah negara yang baru saja mencapai kemerdekaannya dalam tahun 1984 di mana konsep itu telah diproklamasikan sebagai dasar negara, adalah menjadi suatu harapan supaya konsep Melayu Islam Beraja itu akan menjadi satu sumbangan positif dalam mengekalkan identiti tamadun Melayu di rantau kepulauan Melayu kita ini.

DALAM zaman Sultan Bolkiah pula (1485 — 1524), baginda meluaskan Empayar Brunei dengan menakluki lain-lain kawasan. Dalam peperangan dengan Sepanyol dalam tahun 1578, Sultan Saiful Rijal terpaksa berundur ke Pirasong, di Ulu Sungai Brunei untuk menguatkan tentera Brunei dan akhirnya berjaya mengalahkan angkatan Sepanyol.

ga 1634 (1637). Oleh kerana terdapat pengaruh Aceh ke atas Pahang, dan berlakunya perhubungan Brunei dengan Pahang, besar kemungkinan Batu Aceh yang terdapat di Brunei itu adalah datangnya dari perhubungan kekeluargaan Diraja antara Brunei dengan Pahang. Kesan-kesan sejarah ekor dari perhubungan Brunei dengan Negeri Pahang masih dapat dilihat sekarang di Negeri Pahang, iaitu di Ulu Tambeling, Pekan. Di kawasan ini terdapat beberapa tempat yang dulunya disebut dengan perkataan Brunei, misalnya Kota Brunei dan Kampong Tanjung Brunei. Penduduk-penduduk di sini dipercayai berasal dari Brunei kerana terdapat batu-batu yang dibawa dari Brunei masih terdapat di situ.

Di samping perhubungan dengan Raja-Raja Tanah Melayu, Sultan Hassan meluaskan hubungan memperisterikan puteri Sultan Muhammad Halim Pengiran Budiman, Sultan Sulok. Chuchunda baginda seorang puteri telah berkahwin dengan Sultan Nasiruddin, Sultan Mindanao. Perhubungan keluarga Raja-Raja Brunei meluas lagi ke selatan apabila Sultan Abdul Jalil Akbar, Sultan

dalam sejarah Brunei. Pada peringkat awal sejarah Brunei sebagai sebuah negara Islam, pusat pemerintahan telah berpindah dari Po-ni ke Kota Batu disebabkan oleh tekanan politik. Pada waktu ini juga, kira-kira akhir kurun ke-14, seorang pembesar dari negeri China, Ong Sum Ping telah menetap di Brunei disebabkan perselisihan dengan abangnya untuk menyembuhkan kemalut naga yang diambil dari gunung Kinabalu. Ong Sum Ping akhirnya telah berkahwin dengan keluarga Diraja Brunei. Dalam zaman Sultan Bolkiah pula (1485-1524), baginda meluaskan Empayar Brunei dengan menakluki lain-lain kawasan. Dalam peperangan dengan Sepanyol dalam tahun 1578, Sultan Saiful Rijal terpaksa berundur ke Pirasong, di Ulu Sungai Brunei untuk menguatkan tentera Brunei dan akhirnya berjaya mengalahkan angkatan Sepanyol. Dalam pemerintahan Sultan Abdul Jalil Akbar (1597-1659) adinda baginda Sultan Tengah terpaksa mengembara ke Sambas membawa hati. Dari waktu inilah terdapatnya pengaruh-pengaruh Brunei di Sambas. Dalam peperangan antara yang berlarutan selama dua belas tahun

KAMPONG AYER yang berbentuk terapung-apung di air adalah satu-satunya struktur yang unik jarang terdapat di mana-mana. Sejauh mana ia mempunyai pengaruh ke atas pertumbuhan kampung air di Sarawak, Sabah dan mungkin di Kalimantan masih lagi dalam penyelidikan.


Stesen utama diserahkan

STESEN pengambilan utama yang baru di Seria telah dengan rasminya diserahkan oleh Jabatan Janakuasa Bersama EPP kepada Jabatan Pemeliharaan SES pada 31 Oktober lalu.

Kunci bagi pemasangan baru itu telah diserahkan oleh Barry Johnston Smith dari EPP kepada Geoff Rogers bagi SES.

Stesen tersebut disambung terus ke Loji Janakuasa di Lumut melalui saluran-saluran kuasa bertenaga 66 kilowatt dan akan digunakan untuk membekalkan kuasa elektrik bagi keseluruhan bekalan BSP selesai sahaja Janakuasa Bersama dimulakan.

Apabila sahaja selesai kerja ini, stesen kuasa BSP yang lama akan ditutup dan bekalan sepenuhnya bagi BSP akan diambil dari Stesen Pengambilan Utama.



BEGINILAH bentuk bangunan tambahan Loji Lodak yang kini telah mula berfungsi.

Loji Lodak mula berfungsi

LOJI Lodak di NIA kini telah mula berfungsi. 10 buah tangki konkrit baru yang menyediakan muatan 3,000 bbl bagi bendalir-bendalir penggerudian telah ditambah kepada kemudahan yang terdapat sekarang. Adalah dianggarkan bahawa muatan simpanan sepenuhnya ialah 10,000 bbl.

Berusia 35 tahun, loji tersebut digunakan untuk membekal bendalir-bendalir penggerudian dan kerja-kerja penyelesaian melalui litaran saluran paip yang menyalur melalui Padang Seria.

Dua buah pam wap yang terletak di Loji Lodak akan mengempam bendalir-bendalir itu ke lokasi-lokasi di daratan.

Sistem ini bergerak dengan baik kerana sehinggalah akhir-akhir 70-an apabila beberapa kebocoran berlaku di dalam saluran-saluran paip. Kerana inilah dan lokasi-lokasi yang meluas akhirnya tanker-tanker pengangkutan diperkenalkan dalam tahun 1980 bagi mengangkut bendalir-bendalir antara Loji Lodak dan lokasi-lokasi di daratan.

Di masa kini juga loji telah diperbaiki semula dan pam-pam wap digantikan dengan jenis-jenis empur elektrik dan kecil. Sebuah 'kapal pembekal Lodak' bernama Langling diperkenalkan untuk menghantar kepada lokasi-lokasi luar pantai di dalam sistem Loji Lodak.

Ini akan membolehkan lebih banyak jenis bendalir-bendalir disimpan bersedia untuk dihantar kepada rig-rig dan mengurangkan jumlah bendalir yang dibuang ketika operasi-operasi penggerudian atau kerja-kerja penyelesaian.

Pada tahun lalu, Loji Lodak telah mencatat penyelamatan belanjawan jumlah kasarnya B\$5.8 juta (30 peratus) dari pendapatan semua dan penggunaan semula bendalir-bendalir penggerudian dan kerja-kerja penyelesaian yang digunakan tahun lepas.

Penyelidikan seismik di Padang Champion berjalan lancar

KERJA ke atas interpretasi hasil dari penyelidikan seismik 3D di Padang Champion yang dilaksanakan dalam tahun 1983 kini sedang berjalan dengan lancar.

Tujuan utama penyelidikan seismik ke atas Padang Champion ialah untuk meningkatkan lagi definisi peta-peta takungan dan untuk men-takrifkan dengan tepatnya lokasi serta jumlah hidro-karbon yang terdapat di padang tersebut.

Di samping itu ianya juga membolehkan perancangan kemajuan padang dengan lebih efisien, penggerudian dan penyelesaian carigali telaga-telaga.

Sementara itu penyelidikan 2D pula membekalkan maklumat berkenaan dengan kajibu-mi bahagian dalam permukaan di sepanjang "garis-garis tumpu tembakan" yang mempunyai jarak di antara 1/2 hingga 1 kilometer.

Sebarang pertukaran geologi yang terperinci di antara dua garis tumpu tembakan tidak dapat diketahui dengan jelas mestilah diberi kesimpulan. Di Padang Champion, lingkungan kerja geologi amat rumit dan dari itulah kesimpulan-nya agak kurang tepat.

Penyelidikan 3D, sebaliknya mencatat maklumat tetap ke atas tumpu redakan di seluruh kawasan. Setiap tumpu redakan ini berukuran kira-kira 25 meter dari yang lain dan melalui komputer resolusi bawah permukaan geologi.

Ulasan yang diperolehi dari Seismik Data 3D didapati lebih tepat dari ulasan 2D.

Kajian Seismik 3D ialah pada masa tembakan dan besar kemungkinan masih lagi dan yang paling besar pernah dilakukan di seluruh dunia.

Sebuah kumpulan yang terdiri dari empat orang ahli kaji bumi dan ahli kaji gempa dari fungsi-fungsi eksplorasi dan kemajuan dalam jangka dua tahun telah mengalami kesibukan dalam mengurai kaji bumi Padang Champion yang sangat rumit dengan menggunakan teknik-teknik terbaru yang dibekalkan oleh stesen kerja ulasan seismik ulang alik.

Pada awal tahun ini, sebuah lagi mercutanda telah dicapai apabila sebuah set peta-peta yang baru mengenai horizon utama telah diumumkan oleh ulasan seismik ulang alik. Ulasan Seismik 3D dan pemetaan Padang Champion dijangka selesai dalam tahun 1988.



AWANG Mohd. Zaimi bin Haji Omar, Pengurus Hal Ehwal Awam ketika menyampaikan ceramah mengenai kebudayaan Brunei dalam Bengkel Kesedaran Kebudayaan.

Bengkel Kebudayaan Brunei

SHELL Brunei dalam usahanya untuk memperkenalkan kebudayaan Brunei dan nilai-nilainya telah menganjurkan Bengkel Kesedaran Kebudayaan bagi rakyat asing dan rakyat Brunei.

Bengkel selama dua hari yang diadakan pada 28 dan 29 Oktober itu telah berlangsung di Pusat Latihan Seria.

Para peserta yang menyertai bengkel tersebut terdiri daripada pegawai-pegawai tempatan orang-orang Inggeris, Belanda, Jerman dan Irish yang baru sahaja

memulakan perkhidmatan dengan syarikat tersebut.

Matlamat bengkel ini membolehkan pesertanya meneliti dengan mendalam berbagai usul mengenai kebudayaan Brunei seperti sejarah, struktur kerajaan, Konsep Melayu Islam Beraja dan perbezaan kebudayaan dan nilai-nilai bangsa yang lain.

Di akhir kursus tersebut para peserta telah memperolehi pandangan lebih dekat serta penerimaan kebudayaan, kepercayaan dan tingkah-laku orang-orang tempatan.

Bagi rakyat asing pula, mereka telah memperolehi

pengetahuan mendalam terhadap bagaimana mereka boleh menyesuaikan diri semasa berada di negara ini.

Antara mereka yang memberikan ceramah dalam bengkel tersebut termasuklah Awang Mat Sunny bin Hj Md Hussien, Pengurus Kakitangan dan Perkhidmatan-Perkhidmatan Organisasi dan Awang Mohd Zaimi bin Haji Omar, Pengurus Hal Ehwal Awam.

Menurut pihak pengatur bengkel itu, feedback atau tindak balas dari peserta bengkel itu sangat berkesan dan menggalakkan.



SEROMBONGAN 27 orang pegawai Kastam dan Eksais Diraja Brunei baru-baru ini telah mengadakan lawatan ke Shell Brunei. Mereka telah diberikan taklimat mengenai dengan sejarah, kemajuan serta aspek-aspek lain mengenai syarikat yang berlangsung di Muzium Brunei.

Gambar atas memperlihatkan sebahagian rombongan mendengarkan penerangan yang disampaikan oleh Syed Mohammad bin Syed Haji Othman.

rtb Intisari minggu ini

Radio Minggu Ini:

RADIO DAN STRATEGI

HANYA kurang satu bulan dari sekarang, kita akan melangkah masuk pula ke tahun baru 1987 dengan meninggalkan seribu satu macam kenangan yang pernah kita lalui dalam tahun 1986. Tentulah semua pengalaman yang pernah kita catatkan di tahun yang akan kita tinggalkan ini menjadi teladan, sempadan dan panduan untuk menempoh hidup yang lebih sempurna di tahun baru.

Bagi radio, semua yang tinggal akan terus diabadikan untuk dijadikan khazanah dan rujukan dengan hasrat segala kelemahan atau kekurangan yang dulunya pernah dibuat akan dapat diperkuat dan diperlengkapi.

Oleh kerana itu dapatlah dinilai peningkatan serta kemajuan yang dicapai oleh radio dalam semua aspek penerbitan dan persembahannya.

Adalah menjadi suatu kebiasaan pihak radio, apabila setiap tahun baru menjelma banyak perubahan yang digubal dan telah menjadi semacam satu tradisi bahawa mesyuarat peng-

ubahan ini akan diadakan dalam masa dua atau tiga bulan sebelum melangkah kaki masuk ke tahun baru dengan melibatkan semua penerbitan dan persembahan, serta penyediaan hari dan waktu siaran dengan dihadiri oleh penerbit-penerbit dan juru-juruhebah radio.

Tentulah banyak perubahan yang mungkin awda akan dengar nanti baik dalam bentuk rancangan mahupun teknik persembahan. Walau bagaimanapun semua ini diatur dan diselaras menurut kehendak dan selera pendengar semata-mata, umpamanya rancangan kanak-kanak yang disiarkan khusus untuk kanak-kanak sebagai sasaran pendengarnya.

Oleh sebab itu ia perlulah dikaji dengan teliti sama ada menerusi penilaian kandungannya, formatnya, tujuannya ia diperancangkan, bila hari yang sesuai ia disiarkan dan waktu yang tepat sebagai sasaran masa siarannya. Semua ini adalah perlu

dalam memperkuatkan sesebuah rancangan itu, supaya ia lebih digemari dan pihak radio tidak pula rugi dengan keciciran pendengar. Begitulah juga halnya dengan rancangan-rancangan lain, semua dirangka dan dibentuk menurut kesesuaian selera pendengar.

Sejak dulu lagi hingga ke hari ini, radio mendapat saingan dan cabaran hebat dari banyak bentuk hiburan seperti kaset, pemain rekod, TV dan yang lebih mencabar lagi sekarang ialah alat perakam video.

Tetapi dengan berkat usaha radio yang tidak pernah mengenal penat dan lelah serta senantiasa membuat pembaharuan dalam rancangan atau teknik persembahannya ditambah lagi dengan susunan pentadbiran yang matang, maka semua bentuk cabaran dan saingan itu tidak pernah menewaskan atau menggugat kukuhannya radio, malah radio terus berdiri dengan identitinya sendiri.

Sandiwara Radio Minggu Ini:

NERACA HIDUP

MINGGU ini Sandiwaranya Radio berjudul **NERACA HIDUP** tulisan Hashim Muhammad, Kota Bharu, Kelantan, Malaysia.

Masalah rumahtangga menjadi isu utama dalam sandiwara ini, di mana

Hisham sebagai seorang suami dan ayah tidak begitu mengindahkan tanggungjawabnya. Sebaliknya, ia asyik keluar rumah dan begitu terpengaruh dengan pujuk rayu Halimah yang sebenarnya hanya bertujuan untuk menghabiskan wang ringgitnya.

Penglibatan Hisham dengan urusan Halimah yang mengakui dirinya sebagai seorang ahli perniagaan semacam memberikan dorongan kepadanya agar tidak mengindahkan hal-hal rumah tangganya, lebih-lebih lagi tentang anaknya yang sedang sakit.

Setelah ternyata Halimah hanya mempermainkan dirinya dan menjadikannya alat untuk mendapatkan wang, Hisham menghadapi gangguan fikiran dan kemudiannya ia menemui kemalangan jalan raya.

Ketika berada di rumah sakit, Hisham adalah di bawah jagaan Dr. Adi yang secara kebetulan adalah sepupu kepada Rohani, isterinya. Dr. Adi sudah mengetahui segala kisah-kisah yang dialami oleh Hisham melalui Rohani. Ia menasihati Hisham supaya menyedari akan kesalahannya dan segera bertaubat.

Dr. Adi juga memainkan peranan untuk mem-

pertemukan semula pasangan suami isteri yang sudah terpisah ini. Berjaya kah Dr. Adi? Jangan lupa untuk mengikuti siarannya nanti pada 7 Disember, 1986 jam 11.30 pagi.

Rancangan ini diterbitkan untuk siaran oleh Jamilah Abdullah.

Bintang Kecil 1987 bagi Daerah Belait

PERTANDINGAN Nya-nyian Bintang Kecil 1987, peringkat Daerah Belait, anjuran Radio Televisyen Brunei, akan diadakan pada hari Ahad 7 Disember, 1986 bertempat di Dewan Kemasyarakatan, Kuala Belait bermula jam 2.00 petang. Pertandingan ini bagi memilih wakil daerah itu ke peringkat separuh akhir senegara yang akan diadakan kemudian. Orang ramai adalah dipersilakan hadir untuk menyaksikannya.

Mari Memasak:

LAKSA LEMAK

BAHAN-BAHANNYA: UNTUK KUAHNYA:

- 2 sudu sedang ketumbar (goreng tanpa minyak)
- 3 batang serai
- 2 inci lengkuas
- 6 biji buah keras
- 14 biji lada kering (buang bijinya)
- 1 cawan bawang merah
- 1 kati udang hidup (buang kulitnya)
- ½ kati bebola-bebola ikan (fish ball)
- 2 biji kelapa (diambil 2 cawan santan pekat)
- 5 cawan santan cair
- ½ cawan minyak
- Sedikit belacan jika suka
- Serbuk perasa dan garam secukupnya.

CARA-CARA MEMBUATNYA:

Ketumbar, serai, lengkuas, buah keras, lada kering, kunyit, belacan dan bawang merah digiling halus.

Panaskan minyak, sudah panas masukkan bahan-bahan yang telah digiling tadi. Tumishlah hingga naik baunya. Bila sudah garing masukkan udang. Setelah itu masukkan 5 cawan santan cair dan bebola-bebola ikan. Bila bebola-bebola ikan sudah masak masukkan santan pekat dan kacaulah supaya tidak pecah santannya. Bubuhlah garam secukupnya dan jika kuahnya pekat bolehlah ditambah dengan sedikit santan lagi.

UNTUK ISINYA:

- 1 bungkus Mee Hoon (direbus sebentar)
- ½ kati taugheh (dicelur sebentar)
- 1 biji timun (kupas kulit dan dihiris halus)
- Sedikit daun kesum
- Kerang rebus jika suka
- Bawang goreng dan sambal.

Tetamu Radio

MUNGKIN awda masih ingat dengan penyanyi **FATIMAH M. AMIN** yang mempopularkan lagu **TERUNA** di tahun enam puluhan dulu. Beliau akan mengisikan rancangan Tetamu Radio keluaran hari **AHAD 7 Disember jam 4.30 petang.**

Harga barang-barang keperluan

SEPERTI biasa di bawah ini dicatatkan beberapa jenis barang-barang keperluan sehari-hari yang boleh didapati dijual dengan harga yang lebih rendah di kedai-kedai Bandar Seri Begawan, Kuala Belait dan Seria. Adalah diingatkan kepada orang ramai bahawa harga barang-barang yang berikut di bawah ini bermula pada 26 November, 1986.

BANDAR SERI BEGAWAN

1. BAWANG MERAH — 1 kati \$1.10.
 - a) Kedai Kim Seng Choon 6 Jalan McArthur.
2. HALIA — 1 kati \$1.30.
 - a) Kedai Kim Seng Choon 6 Jalan McArthur.
3. KACANG HIJAU — 1 kati 80 sen.
 - a) Kedai Kim Seng Choon 6 Jalan McArthur.
4. TEPUNG BERAS (Flying Man) — 1 bungkus 60 sen.
 - a) Kedai Liong Chuan Jalan McArthur.

SERIA

1. BAWANG MERAH — 1 kati \$1.50.
 - a) Kedai Choo Heng and Company 30, Jalan Sultan Omarali.
2. HALIA — 1 kati \$2.00.
 - a) Kedai Haji C. A. Mohammad 51, Jalan Bunga Kuning.
 - b) Yick Fatt Lot 2660, Jalan Sultan Omarali.
3. KACANG HIJAU — 1 kati \$1.00.
 - a) Kedai Yick Fatt Lot 2660, Jalan Sultan Omarali.

4. TEPUNG BERAS (Flying Man) — 1 bungkus 70 sen.

- a) Kedai Yick Fatt Lot 2660, Jalan Sultan Omarali.

KUALA BELAIT

1. BAWANG MERAH — 1 kati \$1.80.
 - a) Kedai Chop Haw Min Chinese Chamber of Commerce.
 - b) Kedai Pick Guan 3, Jalan Pretty.
2. HALIA — 1 kati \$2.00.
 - a) Kedai Ng Ming Hong 101, Jalan McKerron.
 - b) Kedai Teo Hiang Hng 45, Jalan Pretty.
3. KACANG HIJAU — 1 kati \$1.00.
 - a) Kedai Eng Soon Seng 58, Jalan Pretty.
 - b) Kedai Svarikat M. Haji Chinese Chamber of Commerce.
4. TEPUNG BERAS (Flying Man) — 1 bungkus 60 sen.
 - a) Kedai Teo Hiang Hng 45 Jalan Pretty.
 - b) Kedai Lit Ching Enterprise 103, Jalan McKerron.

RANCANGAN

PIHAK Radio Televisyen Brunei berhak untuk menukar mana-mana jua rancangan yang difikirkan perlu tanpa memberitahu terlebih dahulu.

TV MINGGU INI

HARI RABU

3 DISEMBER

PETANG

- 4.15 PEMBUKAAN DAN LAGU KEBANGSAAN
4.17 AL-QURAN DAN MARI KITA BERDOA
4.27 SUSUNAN RANCANGAN
4.30 THE ELECTRIC COMPANY
5.00 SURVIVAL: "The Way Of An Eagle"
5.25 MAGICAL WORLD OF GIGI
5.45 RINGKASAN BERITA
5.50 SILVER SPOON
6.06 AZAN MAGHRIB
6.12 AL-QURAN DAN KESIMPULAN MAKNANYA
6.22 SILVER SPOON — sambungan
6.30 TUNAS BIMBINGAN

MALAM

- 7.00 BERITA DALAM BAHASA INGGERIS
7.17 SCARECROW AND MRS KING: "Over The Limit"
Amanda mencuba untuk membersihkan nama ketua kumpulan politik wanita, yang memperjuangkan hak-hak kebebasan para nelayan, siapa yang dituduh terlibat dengan pembunuhan.
7.20 AZAN ISYAK
7.24 SCARECROW AND MRS KING — sambungan
8.15 WARTA BERITA
8.40 BIMBINGAN ISLAM
8.50 LIPUTAN NASIONAL
9.20 ADUNIKA
9.50 THE BENNY HILL SHOW
10.15 POT BLACK 1986
10.40 DYNASTY: "The Subpoenas"
Rahsia Bart menghasilkan kemenangan Denver-Carrington yang lalu telah diketahui. Blake mungkin tewas dalam perbicaraan dengan Ben. Sementara Dex menolak cinta Amanda dan Alexis mensabotaj rancangan Carress untuk menerbitkan pendedahan yang merosakkan.
11.30 DOA PENUTUP SIARAN/LAGU KEBANGSAAN

HARI KHAMIS

4 DISEMBER

PETANG

- 4.15 PEMBUKAAN DAN LAGU KEBANGSAAN
4.17 AL-QURAN DAN MARI KITA BERDOA
4.27 SUSUNAN RANCANGAN
4.30 SESAME STREET
5.25 THE JETSONS
5.45 RINGKASAN BERITA
5.50 ONCE UPON A TIME: "The Two Hunters" (ulangan)
6.06 AZAN MAGHRIB
6.12 AL-QURAN DAN KESIMPULAN MAKNANYA
6.22 THE ART CHEST: "Our Bunny Friends"
6.35 BERRESTAIN BEARS

MALAM

- 7.00 BERITA DALAM BAHASA INGGERIS
7.17 THE FALL GUY: "I Now Pronounce You Dead"
Goli bersama keluarganya sedang dalam perjalanan menuju South Pacific apabila penerbit-penerbit mereka kehabisan wang dan mereka sebaliknya terpaksa pergi ke San Diego untuk mencari seorang jurujual yang telah menyelewengkan tuntutan-tuntutan bayaran.
7.30 AZAN ISYAK
7.34 THE FALL GUY — sambungan

- 8.15 WARTA BERITA
8.40 BIMBINGAN ISLAM
8.50 HIDAYAT
9.20 DUNIA MINGGU INI
9.50 MAGNUM: "A Little Bit Of Luck"
10.40 CHECK IT OUT: "Or Get Off The Pot"
11.05 TAYANGAN GAMBAR: "Flare Up"
12.35 DOA PENUTUP SIARAN/LAGU KEBANGSAAN

HARI JUMAAT

5 DISEMBER

TENGAH HARI

- 12.00 PEMBUKAAN DAN LAGU KEBANGSAAN
12.02 AL-QURAN DAN MARI KITA BERDOA
12.12 SUSUNAN RANCANGAN
12.15 CERAMAH UGAMA
12.25 HIDAYAT (ulangan)
12.45 AZAN SEMBAHYANG FARDU JUMAAT
12.48 HIDAYAT — sambungan
12.55 MUTIARA/NADASARI
1.25 THE LITTLES: "The Little Sill Who Cooks"
1.50 ITALIAN SOCCER 1986/1987: "Juventus vs Inter"

PETANG

- 2.40 HE-MAN AND THE MASTERS OF THE UNIVERSE
3.05 TREASURES ISLANDS: "Signs Of Life"
3.34 AZAN ASAR
3.37 AL-KISAH: "Pengail Dengan Ikan"
4.00 BENSON: "Reel Murder" Bhg II
4.20 SUPER SPACE THEATRE: "Cosmic"
5.05 ILLUSIONS
5.35 MOON JUMPER: "Good News And Bad"
5.45 RINGKASAN BERITA
5.50 MOON JUMPER — sambungan
6.07 AZAN MAGHRIB
6.13 AL-QURAN DAN KESIMPULAN MAKNANYA
6.23 DANGER MOUSE
6.35 MARI BERSAMAKU

MALAM

- 7.00 BERITA DALAM BAHASA INGGERIS
7.17 TRAPPER JOHN M. D.: "Strange Bedfellows" (Episod terakhir)
7.21 AZAN ISYAK
7.24 TRAPPER JOHN M.D. — sambungan
8.15 WARTA BERITA
8.40 BIMBINGAN ISLAM
8.50 LIPUTAN NASIONAL
9.20 DRAMA TEMPATAN: "Lari Bersama Musim" Bhg V
9.50 HOLLYWOOD BEAT: "Across The Line"
10.35 DALLAS: "Nothing's Ever Perfect"
11.25 DOA PENUTUP SIARAN/LAGU KEBANGSAAN

HARI SABTU

6 DISEMBER

PETANG

- 4.15 PEMBUKAAN DAN LAGU KEBANGSAAN
4.17 AL-QURAN DAN MARI KITA BERDOA
4.27 SUSUNAN RANCANGAN
4.30 SESAME STREET

- 5.30 THE LAST FRONTIER: "Sea Of Cortez"
5.45 RINGKASAN BERITA
5.50 THE LAST FRONTIER — sambungan
6.00 FAMILY TIES "Once In Love With Elyse"
6.07 AZAN MAGHRIB
6.13 AL-QURAN DAN KESIMPULAN MAKNANYA
6.23 FAMILY TIES — sambungan
6.35 THUNDERCATS

MALAM

- 7.00 BERITA DALAM BAHASA INGGERIS
7.17 THE EQUALIZER: "Lady Cop"
7.21 AZAN ISYAK
7.24 THE EQUALIZER — sambungan
7.45 WARTA BERITA
8.40 BIMBINGAN ISLAM
9.20 TALENTIME 1986: Semi-Final No. 3
10.15 TAYANGAN GAMBAR MELAYU: "Pemburu"
11.50 FALCON CREST: "Law And Ardor"
12.40 DOA PENUTUP SIARAN/LAGU KEBANGSAAN

HARI AHAD

7 DISEMBER

TENGAH HARI

- 12.00 PEMBUKAAN DAN LAGU KEBANGSAAN
12.02 AL-QURAN DAN MARI KITA BERDOA
12.12 SUSUNAN RANCANGAN
12.14 AZAN ZUHUR
12.20 MUSICAL: "Rock N The Dock"

PETANG

- 1.05 CRAZY LIKE A FOX: "Fox In 3/4 Time"
1.55 TAYANGAN GAMBAR: "Alfred The Great"
3.35 AZAN ASAR
3.38 CHALLENGE OF THE GOBOTS: "Inside Job"
4.00 SHE-RA PRINCESS OF POWER
4.30 DRAMA TEMPATAN: "Lari Bersama Musim" Bhg V (ulangan)
5.10 COSMOS: IN THE YEAR OF THE COMET
5.45 RINGKASAN BERITA
5.50 COSMOS: IN THE YEAR OF THE COMET — (sambungan)
6.07 AZAN MAGHRIB
6.13 AL-QURAN DAN KESIMPULAN MAKNANYA
6.23 THE WIND IN THEIR HANDS
6.35 WHO'S THE BOSS: "Thanksgiving At Mrs Rossin's"

MALAM

- 7.00 BERITA DALAM BAHASA INGGERIS
7.17 MORNINGSTAR/EVENINGSTAR: "Music"
7.22 AZAN ISYAK
7.26 MORNINGSTAR/EVENINGSTAR — sambungan
8.15 WARTA BERITA
8.40 BIMBINGAN ISLAM
8.50 MARI MEMASAK: "Laksa Lemak" (Resepi masakan ini ada dimuatkan di muka lain akhbar ini)
9.15 HIBURAN TEMPATAN: "Hiburan Minggu Ini"
9.45 THREE'S COMPANY: "A Night Not To Remember"
10.15 SINS
11.05 ALFREDA HITCHCOCK: "Revenge"
11.55 DOA PENUTUP SIARAN LAGU KEBANGSAAN

HARI ISNIN

8 DISEMBER

PETANG

- 4.15 PEMBUKAAN DAN LAGU KEBANGSAAN
4.17 AL-QURAN DAN MARI KITA BERDOA
4.27 SUSUNAN RANCANGAN
4.30 ADVENTURES OF THE GUMNI BEARS
4.55 FRAGGLE ROCK
5.45 RINGKASAN BERITA
5.50 DOUBLE TROUBLE: "The Boy Next Door" (Episod terakhir)
6.08 AZAN MAGHRIB
6.14 AL-QURAN DAN KESIMPULAN MAKNANYA
6.24 DOUBLE TROUBLE — sambungan
6.35 KUIZ RIA

MALAM

- 7.00 BERITA DALAM BAHASA INGGERIS
7.17 THE A TEAM: "Waiting For Insane Wayne"
7.22 AZAN ISYAK
7.25 THE A TEAM — sambungan
8.15 WARTA BERITA
8.40 BIMBINGAN ISLAM
8.50 BELIA
9.40 GIVE US A CLUE
10.05 DOCUMENTARY: MAKING OF ACTION I
10.35 TAYANGAN GAMBAR: "Kiriin Witness"
12.05 DOA PENUTUP SIARAN/LAGU KEBANGSAAN

HARI SELASA

9 DISEMBER

PETANG

- 4.15 PEMBUKAAN DAN LAGU KEBANGSAAN
4.17 AL-QURAN DAN MARI KITA BERDOA
4.27 SUSUNAN RANCANGAN
4.30 THE KIDS FROM 47A: "The Meeting"
Binny, yang berusia 14 tahun selalu merasa dirinya sebagai seorang dewasa, dan akhir-akhir ini semua bahan bacaannya, memeranjatkan kakaknya Jess dan Jess bercadang hendak menemui guru bahasa Inggeris Binny.
4.55 WEBSTER: "Love Papadopolis Style"
5.45 RINGKASAN BERITA
5.50 MARI MEMASAK: "Laksa Lemak" (u'angan)
6.08 AZAN MAGHRIB
6.14 AL-QURAN DAN KESIMPULAN MAKNANYA
6.24 MARI MEMASAK — sambungan
6.35 THE ELEVENTH HOUR: "The Savanna"

MALAM

- 7.00 BERITA DALAM BAHASA INGGERIS
7.17 AIRWOLF: "Desperate Monday"
7.23 AZAN ISYAK
7.26 AIRWOLF — sambungan
8.15 WARTA BERITA
8.40 BIMBINGAN ISLAM
8.50 REKASENI (ulangan)
9.10 ARENA SUKAN
10.10 FULL HOUSE "Where There Is A Will"
10.40 THE COLBYS: "The Outcast"
11.25 DOA PENUTUP SIARAN/LAGU KEBANGSAAN

JAWATAN KOSONG DAN PEMBERITAHUAN TAWARAN

DI JABATAN PERANCANG BANDAR DAN DESA

PERMOHONAN adalah dipelawa daripada pemohon-pemohon yang terdiri dari rakyat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam untuk memenuhi jawatan-jawatan kosong yang berikut di **JABATAN PERANCANG BANDAR DAN DESA**, Kementerian Pembangunan, Negara Brunei Darussalam.

1. MERINYU

PERANCANG KANAN:

(Bilangan Kod: 096 02 — 136)

Tanggungaji: C. 2 EB. 3 — \$1450-\$2270 sebulan.

Kelayakan:

a) Higher National Certificate (HNC) dalam Kejuruteraan Awam atau Binaan Bangunan atau kelulusan dan bidang yang berkaitan sebanding dengannya.

ATAU

i) Sedang dan telah berkhidmat dalam kerajaan Merinyu atau jawatan yang berkaitan dengannya tidak kurang dari 5 tahun.

ii) 5 mata pelajaran termasuk salah satu mata pelajaran Sains dan Matematik Peringkat Biasa Sijil Am Pelajaran atau yang sebanding dengannya.

iii) Berpengalaman praktikal kerjaya Penyelidikan Binaan dan Kejuruteraan Awam.

ATAU

i) Sedang dan telah berkhidmat dengan Kerajaan dalam jawatan-jawatan merinyu/pemeriksaan Bangunan/Pembantu Teknik atau jawatan yang sebanding dengannya tidak kurang dari 10 tahun.

ii) Berpengalaman dalam kerja-kerja luar.

iii) Telah ditetapkan dalam jawatan.

b) Mestilah tahu membaca menaksir pelan bangunan, lukisan-lukisan kontur serta Kejuruteraan Awam.

2. PEMBANTU TEKNIK KANAN:

(Bilangan Kod: 096 03 — 992)

Tanggungaji: C. 2 EB. 3 — \$1450-\$2270 sebulan.

Kelayakan:

a) Higher National Certificate (HNC) dalam Kejuruteraan Awam dan kelulusan yang berkaitan sebanding dengannya.

ATAU

i) Sedang dan telah berkhidmat dengan Kerajaan sebagai Pembantu Teknik atau jawatan yang sebanding dengannya tidak kurang dari 5 tahun.

ii) 5 mata pelajaran termasuk salah satu mata pelajaran Sains dan Matematik Peringkat Biasa Sijil Am Pelajaran atau yang sebanding dengannya.

iii) Berpengalaman praktikal kerja penyeliaian dan binaan Kejuruteraan Awam.

ATAU

i) Sedang dan telah berkhidmat dengan Kerajaan sebagai Pembantu Teknik atau jawatan yang sebanding dengannya tidak kurang dari 10 tahun.

ii) Berpengalaman dalam kerja-kerja luar dan penyeliaian binaan bangunan.

iii) Telah ditetapkan dalam jawatan.

b) Mestilah tahu membaca/menaksir pelan Bangunan, Lukisan-Lukisan Kontur serta Kejuruteraan Awam.

c) Berkelulusan Diploma/Certificate dalam bidang yang berkaitan yang diiktiraf oleh Kerajaan adalah diutamakan.

Am:

Pemohon-pemohon yang berjaya bagi satu-satu jawatan yang dipohonkan mestilah bersedia untuk bertugas bila-bila masa dikehendaki di luar masa pekerjaan biasa

atau bekerja secara bergilir (shift) atau semasa cuti awam dan juga hendaklah bersedia untuk bertugas di mana-mana sahaja di Negara Brunei Darussalam.

Peringatan:

Pemohon-pemohon adalah diingatkan supaya mencatatkan nama jawatan serta bilangan kod di dalam borang permohonan mereka. Borang permohonan tanpa catat bilangan kod yang berkenaan tidak akan dilayan.

Seseorang pegawai yang sedang berkhidmat dengan Kerajaan hendaklah menghantar permohonan mereka melalui Ketua Jabatannya dan Ketua Jabatan itu hendaklah menyertakan bersama-sama dengan permohonan ini satu

Laporan Sulit dan satu salinan Rekod Perkhidmatan yang lengkap.

Pemohonan mestilah dipenuhi dalam dua salinan borang yang boleh didapati daripada Pejabat Suruhanjaya Perkhidmatan Awam, Negara Brunei Darussalam dan borang tersebut hendaklah dikembalikan bersama-sama dengan salinan surat-surat akuan dan sijil-sijil kepada Setiausaha Suruhanjaya Perkhidmatan Awam, Tingkat 5, Bangunan SPA, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam.

Tarikh tutup: 30 Disember, 1986.

(Bilangan Pendaftaran: 149/1986).

(E/2155/86)

PEMBERITAHUAN TAWARAN JABATAN TELEKOM KEMENTERIAN PERHUBUNGAN NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

1. TAWARAN-tawaran adalah dipelawa bagi **TENDER FOR THE SUPPLY AND DELIVERY OF CABLE IDENTIFICATION TAPE** untuk Jabatan Telekom.

2. Tawaran-tawaran akan diterima oleh Pengerusi Lembaga Tawaran di Tingkat 4, Bangunan Kementerian Kewangan, Jalan James Pearce, Bandar Seri Begawan tidak lewat dari pukul 12.00 tengah hari, hari Isnin 29 Disember, 1986. Tawaran-tawaran lewat selepas tarikh dan waktu tersebut di atas tidak akan diterima.

3. Tawaran-tawaran mestilah dihantar dengan menggunakan sampul surat yang bertutup dengan tanda seperti di bawah tanpa menunjukkan identiti pemohon:

**TENDER FOR THE SUPPLY AND DELIVERY OF
TENDER REF.: JTB/STEE(P)/14/86
CABLE IDENTIFICATION TAPE.**

4. Dokumen dan syarat-syarat tawaran bolehlah diperolehi dari Pejabat Pengarah Telekom, Tingkat Satu, Jalan Istana Darussalam, Bandar Seri Begawan dengan menunjukkan resit wang cagaran berjumlah \$200.00 (tidak dikembalikan) dan \$1,000.00 (dikembalikan).

5. Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam tidak akan terikat menerima tawaran yang paling rendah atau sebarang tawaran.

6. Pembayaran wang cagaran hendaklah dibayar sama ada dengan wang tunai atau cheque tempatan beserta dengan bank guarantee ataupun pengesahan bank.

DALAM MAKHAMAH TINGGI DI BANDAR SERI BEGAWAN NEGARA BRUNEI DARUSSALAM BANKRAP NO. 19/1985

PIHAK:—

POLLY TRANSPORT BERHAD Si Piutang/Pemohon
dahulunya dikenali sebagai
POLLY TRANSPORT COMPANY.

PERKARA:—

MD ALI BIN OMAR Si Berhutang/Pihak menentang
yang menjalankan perniagaan
di bawah nama **OSYUSI ENTERPRISE**
No. 55 Kampong Serasa
Brunei Darussalam.

NOTIS PERINTAH PENERIMAAN

Sila ambil perhatian bahawa

a) Satu Perintah Penerimaan telah pun dibuat terhadap si berhutang yang berikut pada 11 Ogos 1986.
Nama dan Alamat:— **MD ALI BIN OMAR**

Si berhutang

Yang menjalankan perniagaan
di bawah nama
OSYUSI ENTERPRISE
No. 55 Kampong Serasa
Muara
Negara Brunei Darussalam.

Tarikh

Pemohonan: Permohonan Si piutang bertarikh
25 Jun, 1986.

b) Semua Si piutang-si piutang kepada nama yang tersebut di atas hendaklah menghadap borang-borang bukti hutang yang boleh diperolehi di Pejabat Pegawai Penerimaan Rasmi dengan seberapa segera yang boleh.

c) Semua hutang yang belum dijelaskan oleh si berhutang yang tersebut di atas hendaklah dihadapkan kepada Pegawai Penerimaan Rasmi, Tingkat Dua Mahkamah Besar, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam.

Bertarikh 19 November, 1986.

MOHAMMED SAIED
Pegawai Penerimaan Rasmi.

PEMBERITAHUAN TAWARAN JABATAN PERKHIDMATAN- PERKHIDMATAN ELEKTRIK

BIL.: PPL/MTB/299/1986

Tarikh tutup: 10 Disember, 1986.

Cagaran: \$200.00.

TAWARAN-tawaran akan diterima oleh Pengerusi Lembaga Tawaran Kecil, yang beralamat Kementerian Pembangunan, Tingkat Tiga, Bangunan Kementerian Pembangunan, Jalan Lapangan Terbang Lama, Berakas, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam.

Tajuk: SUPPLY AND DELIVERY OF CABLE GLANDS FOR PVC AND XLPE INSULATED CABLES.

Tarikh tutup: 17 Disember, 1986.

Cagaran: \$100.00

Dokumen-dokumen tawaran dan penerangan-penerangan yang lanjut bolehlah dilihat dan diperolehi dari Jabatan Perkhidmatan Elektrik, Lapangan Terbang Lama, Berakas, Negara Brunei Darussalam.

BIL.: PPL/MTB/310/1986

TAWARAN-tawaran akan diterima oleh Pengerusi Lembaga Tawaran yang beralamat Tingkat 3, Bangunan Kementerian Pembangunan, Jalan Lapangan Terbang Lama, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam.

Tajuk: PEMELIHARAAN ALAT SISTEM PERHUBUNGAN VHF RADIO.

EXTENSION OF L.T. SYSTEM VIA INSTALLATION OF 35FT TUBULAR STEEL POLES AT KAMPONG BENGKURONG.

Dokumen-dokumen tawaran dan penerangan-penerangan yang lanjut bolehlah dilihat dan diperolehi dari Jabatan Perkhidmatan Elektrik, Lapangan Terbang Lama, Berakas, Negara Brunei Darussalam.

Deposit (cengkeram) untuk tawaran tersebut adalah \$100.00.

PEMBERITAHUAN TAWARAN JABATAN KEBAJIKAN, BELIA DAN SUKAN

TAWARAN-tawaran akan diterima oleh Pengerusi Lembaga Tawaran, Negara Brunei Darussalam di Kementerian Kewangan, Bandar Seri Begawan sehingga 12.00 tengah hari, hari Isnin 15 Disember, 1986 bagi membekalkan perkara di bawah untuk Jabatan Kebajikan, Belia dan Sukan.

'SPORTS MEDICINE EQUIPMENT' UNTUK JABATAN KEBAJIKAN, BELIA DAN SUKAN, KEMENTERIAN KEBUDAYAAN, BELIA DAN SUKAN.

2. Wang cengkeram tawaran sebanyak \$200.00 (Dua Ratus Ringgit) hendaklah dibayar ke Bahagian Pentadbiran Tingkat 3, Jabatan Kebajikan, Belia dan Sukan, Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan, Lapangan Terbang Lama, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam pada waktu pejabat dibuka.

4. Tawaran yang lewat diterima dari tarikh yang ditetapkan di atas tidak akan dilayan.

5. Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam tidak akan terikat bagi menerima tawaran yang murah atau tawaran yang difikirkan tidak munasabah.

PEMBERITAHUAN TAWARAN JABATAN TELEKOM

1. TAWARAN-tawaran adalah dipelawa bagi **TENDER FOR THE SUPPLY OF SINGLE-CHANNEL RURAL SUBSCRIBER RADIO TELEPHONE SYSTEMS.**

2. Tawaran-tawaran akan diterima oleh Pengerusi Lembaga Tawaran di Tingkat 4, Bangunan Kementerian Kewangan, Jalan James Pearce, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam dengan menunjukkan resit wang cagaran berjumlah \$500.00 (dikembalikan) dan \$100.00 (tidak dikembalikan).

3. Tawaran-tawaran mestilah dihantar dengan menggunakan sampul surat yang bertutup dengan tanda seperti di bawah tanpa menunjukkan identiti pemohon:—

TENDER FOR THE SUPPLY OF SINGLE-CHANNEL RURAL

SUBSCRIBER RADIO TELEPHONE SYSTEM. TENDER REFERENCE: JTB/STEE (P&D)/12/1986

4. Dokumen dan syarat-syarat tawaran bolehlah diperolehi dari Pejabat Pengarah Telekom, Tingkat Satu, Jalan Istana Darussalam, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam dengan menunjukkan resit wang cagaran berjumlah \$500.00 (dikembalikan) dan \$100.00 (tidak dikembalikan).

5. Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam tidak akan terikat menerima tawaran yang paling rendah atau sebarang tawaran.

8. Pembayaran wang cagaran hendaklah dibayar sama ada dengan wang tunai atau cheque tempatan yang disahkan oleh bank.

PEMBERITAHUAN TAWARAN JABATAN TELEKOM KEMENTERIAN PERHUBUNGAN NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

1. TAWARAN-tawaran adalah dipelawa bagi **TENDER FOR THE SUPPLY AND DELIVERY OF BLOCK TERMINAL, EXTERNAL USE.**

2. Tawaran-tawaran akan diterima oleh Pengerusi Lembaga Tawaran di Tingkat 4, Bangunan Kementerian Kewangan, Jalan James Pearce, Bandar Seri Begawan tidak lewat dari pukul 12.00 tengah hari, hari Isnin 29 Disember, 1986. Tawaran-tawaran lewat selepas tarikh dan waktu tersebut di atas tidak akan diterima.

3. Tawaran-tawaran mestilah dihantar dengan menggunakan sampul surat yang bertutup dengan tanda seperti di bawah tanpa menunjukkan identiti pemohon:

**TENDER FOR THE SUPPLY AND DELIVERY OF
BLOCK TERMINAL, EXTERNAL USE.
TENDER REF.: JTB/STEE(P)/13/86**

4. Dokumen dan syarat-syarat tawaran bolehlah diperolehi dari Pejabat Pengarah Telekom, Tingkat Satu, Jalan Istana Darussalam, Bandar Seri Begawan dengan menunjukkan resit wang cagaran berjumlah \$200.00 (tidak dikembalikan) dan \$1,000.00 (dikembalikan).

5. Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam tidak akan terikat menerima tawaran yang paling rendah atau sebarang tawaran.

6. Pembayaran wang cagaran hendaklah dibayar sama ada dengan wang tunai atau cheque tempatan beserta dengan bank guarantee ataupun pengesahan bank.

SEBAGAI PENGENDALI KOMPUTER DI JABATAN-JABATAN KERAJAAN

Kerajaan Ketawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertua Negara Brunei Darussalam tidak terikat bagi menerima tawaran yang paling rendah atau tawaran yang tidak memuaskan.

JAWATAN KOSONG DAN PEMBERITAHUAN TAWARAN

DI DALAM PERKHIDMATAN-PERKHIDMATAN KERAJAAN NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

PERMOHONAN adalah dipelawa daripada pemohon-pemohon yang terdiri dari rakyat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam untuk memenuhi jawatan-jawatan kosong yang berikut di dalam Perkhidmatan-Perkhidmatan Kerajaan, Negara Brunei Darussalam.

1. PEMBANTU BURUH:
(Bilangan Kod: 050 19 — 455)

PEMBERITAHUAN TAWARAN ANGKATAN BERSENJATA DIRAJA BRUNEI

SYARAT-SYARAT TAWARAN

TAWARAN-tawaran hendaklah dimasukkan ke dalam Peti Tawaran, di Cawangan Pembelian, Bangunan Depoh Logistik, Bolkliah Kem, Angkatan Bersenjata Diraja Brunei, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam tidak lewat dari jam 12.00 tengah hari, hari Isnin 12 Januari, 1987.

b. Dokumen-dokumen tawaran bolehlah diperolehi dari Pejabat Cawangan Pembelian, Angkatan Bersenjata Diraja Brunei, Bolkliah Kem, semasa hari-hari bekerja (Isnin hingga Jumaat).

c. Tawaran-tawaran hendaklah dihantar dalam sampul surat biasa dan hendaklah ditutup. Pada bahagian atas sebelah kiri sampul surat hendaklah ditunjukkan tajuk tawaran sepertimana yang diiklankan dan tarikh tutup tawaran itu. Contoh-contoh atau katalog-katalog asal mestilah dihantar ke Cawangan Pembelian, Bolkliah Kem. Gambar-gambar biasa tidak akan dilayan.

d. Cagaran tawaran adalah dikehendaki bagi tiap-tiap tawaran sebanyak \$100.00.

BIL: PROC/T/262/86
MEMBEKAL:
MATEL FIELD TELEPHONE

BIL: PROC/T/267/86
MEMBEKAL:
NYLON POP SOCK

BIL: PROC/T/268/86
MEMBEKAL:
EMU SPARES

BIL: PROC/T/269/86
MEMBEKAL:
DISPOSAL OF BRASS SALVAGE

BIL: PROC/T/270/86
MEMBEKAL:
MOTOR OUTBOARD 140 HP

BIL: PROC/T/271/86
MEMBEKAL:
ADHESIVE ARALITE LARGE

BIL: PROC/T/272/86
MEMBEKAL:
CHANGI TIMBER

BIL: PROC/T/273/86
MEMBEKAL:
ONE LIGHT CRAWLER TRACTOR

BIL: P/RC/82
MEMBEKAL:
PERKHIDMATAN MEMBAIKI ALAT-ALAT PERKAKAS TENTERA

(Di Jabatan Buruh, Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri)

Tanggungaji: E. 1-2-3 EB. 4 — \$515-\$875 sebulan.

Kelayakan:

a) Sijil Rendah Pelajaran Brunei atau yang sebanding dengannya (termasuk lulus dalam mata pelajaran Inggeris).

b) Berumur di antara 18 hingga 25 tahun.

Tugas-tugas:

Menghantar saman dan notis dan membuat sedikit se-banyak kerja-kerja teknikal dan kerani dalam semua cawangan Jabatan Buruh.

2. TUKANG MASAK:
(Bilangan Kod: 062 53 — 130)

(Di Jabatan Perkhidmatan, Perkhidmatan Perubatan, Kementerian Kesihatan)

Tanggungaji: E. 1-2-3 EB. 4 — \$515-\$875 sebulan.

DI DALAM MAHKAMAH PEGAWAI PENGUSAHA WARIS, BANDAR SERI BEGAWAN NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

SURAT KUASA PESAKA
No. 29/1986

BAHAWA permohonan kepada Mahkamah ini telah diperbuat oleh Madam Chee Sung Kiaw, Mr. Low Kok Liong, Mr. Lau Kok Seng dan Madam Low Lan Eng kerana minta Surat Kuasa kepada harta pesaka yang dipunyai oleh Lau Hong Siong yang telah meninggal dunia di dalam Negeri Mexico dengan sebab iaitu si pemohon ialah Balu dan anak-anak kepada si mati.

Oleh itu kenyataan diberi bahawa permohonan ini akan didengar di dalam Mahkamah Bandar Seri Begawan, pada 23 Disember, 1986 jam 9.00 pagi.

Orang-orang yang berhak di dalam harta pesaka si mati itu dikehendaki hadir dan menyaksikan perbicaraan itu pada waktu dan tempat yang tersebut di atas.

Sesiapa yang berhajat hendak membantah permohonan itu bolehlah menghantar surat bantahan kepada Mahkamah Pegawai Pengusaha Waris Bandar Seri Begawan sebelum tarikh yang tersebut di atas.

PASUKAN SIMPANAN GURKHA NOTIS TAWARAN (GRU/LOG/Q8)

TAWARAN-tawaran adalah dipelawa dan diterima oleh Pengerusi, Lembaga Tawaran di Tingkat 4, Bangunan Kementerian Kewangan, Jalan James Pearce, Bandar Seri Begawan tidak lewat dari jam 12.00 tengah hari pada hari Isnin 29 Disember, 1986 bagi: "UNIFORM CLOTHING, NECESSARIES & EQUIPMENT"

2. Dokumen-dokumen tawaran boleh didapati dari Ibu Pejabat, Pasukan Simpanan Gurkha, Perkhidmatan Sungai Akar, Jalan Muara, Negara Brunei Darussalam.

3. Semua harga hendaklah disebutkan termasuk CIF BRUNEI untuk pembekalan mulai dari 2 Mac, 1987.

4. Tarikh pengiriman hendaklah disebutkan.

5. Penawar-penawar hendaklah menyampaikan contoh-contoh ke Ibu Pejabat, Pasukan Simpanan Gurkha pada

Kelayakan:

a) Umur tidak lebih dari 45 tahun.

b) Sijil City and Guilds 855 Basic Cooking atau kelulusan dan bidang yang berkaitan sebanding dengannya.

c) Berpengalaman memasak di Mess/Kantin atau Restoran bagi masakan Melayu, Cina dan Inggeris.

d) Calon-calon adalah dikehendaki menjalani ujian memasak sebelum ditemuduga oleh Suruhanjaya Perkhidmatan Awam.

3. TUKANG LUKIS:
(Bilangan Kod: 066 03 — 296)

(Di Jabatan Lembaga Bandaran Kuala Belait dan Seri, Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri)

Tanggungaji: E. 1-2-3 EB. 4 — \$515-\$875 sebulan.

Bertarikh 20 November, 1986.
No. 194/1986

BAHAWA permohonan kepada Mahkamah ini telah diperbuat oleh Tamin bin Tangkim kerana minta Surat Kuasa kepada harta pesaka yang dipunyai oleh Tangkim bin Badar yang telah meninggal dunia di dalam Negara Brunei Darussalam dengan sebab iaitu si pemohon ialah anak kepada si mati.

Oleh itu kenyataan diberi bahawa permohonan ini akan didengar di dalam Mahkamah Bandar Seri Begawan, pada 9 Disember, 1986 jam 10.00 pagi.

Orang-orang yang berhak di dalam harta pesaka si mati itu dikehendaki hadir dan menyaksikan perbicaraan itu pada waktu dan tempat yang tersebut di atas.

Sesiapa yang berhajat hendak membantah permohonan itu bolehlah menghantar surat bantahan kepada Mahkamah Pegawai Pengusaha Waris Bandar Seri Begawan sebelum tarikh yang tersebut di atas.
Bertarikh 20 November, 1986.

ketika yang sama apabila mengirimi Tawaran-Tawaran tersebut.

6. Dalam penentuan perkakas-perkakas uniform, kain uniform atau peralatan, maka TIDAK ADA pertukaran yang akan diterima bagi peralatan yang telah ditetapkan, ini termasuk bentuk, warna atau jenis kain.

7. Tawaran-tawaran mestilah dihadapkan dalam sampul surat yang tertutup rapi (sealed) tanpa sebarang tanda si penawar. Sampul surat tersebut hendaklah dinyatakan "SUPPLY OF UNIFORM CLOTHING, NECESSARIES & EQUIPMENT TO GURKHA RESERVE UNIT".
8. Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam tidak semestinya menerima tawaran-tawaran yang rendah atau lain-lain tawaran.

Kelayakan:

a) Sijil Rendah Pelajaran Brunei atau yang sebanding dengannya dan lulus dalam mata pelajaran Lukisan.

b) Berpengalaman dalam bidang kerja yang berkaitan dan berkebolehan melukis dan menyalin lukisan peta adalah satu kelebihan.

4. FITAR TINGKAT I:
(Bilangan Kod: 076 84 — 106)

(Di Jabatan Pelabuhan-Pelabuhan, Kementerian Perhubungan)

Tanggungaji: E. 1-2-3 EB. 4 — \$515-\$875 sebulan.

Kelayakan:

a) i) Kelulusan City and Guilds dalam bidang "Mechanical Engineering Fitting" atau yang sebanding dengannya.

ii) Berpengalaman bekerja dalam kerja Fitar.

ATAU

iii) Sedang dan telah berkhidmat dengan Kerajaan sebagai Fitar tidak kurang dari 5 tahun.

b) Memahami peta-peta lukisan kejuruteraan dan mempunyai pengetahuan yang baik mengenai kerja-kerja membaiki dan memelihara alat-alat kejuruteraan.

c) Boleh mengetahui tentang cara-cara menjalankan dan menguruskan perkakas ber-jentera dan lain-lain alat

PEMBERITAHUAN TAWARAN JABATAN TELEKOM

TAWARAN-tawaran adalah dipelawa bagi TENDER FOR THE SUPPLY AND DELIVERY OF DISTRIBUTION POLE FITTINGS.

2. Tawaran-tawaran akan diterima oleh Pengerusi Lembaga Tawaran di Tingkat 4, Bangunan Kementerian Kewangan, Jalan James Pearce, Bandar Seri Begawan tidak lewat dari pukul 12.00 tengah hari Isnin 29 Disember, 1986. Tawaran-tawaran lewat selepas tarikh dan waktu tersebut di atas tidak akan diterima.

3. Tawaran-tawaran mestilah dihantar dengan menggunakan sampul surat yang bertutup dengan tanda seperti di bawah tanpa menunjukkan identiti pemborong: —

TENDER FOR THE SUPPLY AND DELIVERY OF DISTRIBUTION POLE FITTINGS.

Bil. Tawaran:
JTB/STEE (P)/9/86

4. Dokumen dan syarat-syarat tawaran boleh diperolehi dari Pejabat Pengarah Telekom, Jalan Istana Darussalam, Bandar Seri Begawan Negara Brunei Darussalam dengan menunjukkan resit wang cagaran berjumlah B\$200.00 (Tidak dikembalikan) dan B\$1,000.00 (Dikembalikan).

5. Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam tidak akan terikat menerima tawaran yang paling rendah atau sebarang tawaran.

6. Pembayaran wang cagaran hendaklah dibayar dengan wang tunai atau cek tempatan berserta dengan Bank Guarantee ataupun Pengesahan Bank.

kejuruteraan yang digunakan di dalam sebuah bengkil kejuruteraan.

d) Boleh membaiki enjin-enjin diesel, perkakas-perkakas hidrolik dan automatik transmission.

e) Pemohon-pemohon yang tinggal di kawasan Muara adalah menjadi satu kelebihan.

Tugas-tugas dan Tanggungjawab:

Memperbaiki kerosakan-kerosakan jentera-jentera dan alat-alat kelengkapan Jabatan Pelabuhan.

Am:

Calon-calon yang berjaya bagi satu-satu jawatan yang dipohonkan mestilah bersedia untuk bertugas bila-bila masa dikehendaki di luar masa pekerjaan biasa atau bekerja secara bergilir (shift) atau semasa cuti awam dan juga hendaklah bersedia untuk bertugas di mana-mana sahaja di Negara Brunei Darussalam.

Peringatan:

Pemohon-pemohon adalah diingatkan supaya mencatatkan nama jawatan serta bilangan kod yang berkenaan dengan nama jawatan yang dipohonkan di dalam borang permohonan mereka. Borang permohonan tanpa catatan bilangan kod yang berkenaan tidak akan dilayan.

Seseorang pegawai yang sedang berkhidmat dengan Kerajaan hendaklah menghantar permohonannya melalui Ketua Jabatannya, dan Ketua Jabatan itu hendaklah menyertakan bersama-sama dengan permohonan ini satu Laporan Sulit dan satu salinan Rekod Perkhidmatan yang lengkap.

Pemohonan mestilah dipenuhi dalam dua salinan borang yang boleh didapati daripada Suruhanjaya Perkhidmatan Awam, Negara Brunei Darussalam dan borang tersebut hendaklah dikembalikan bersama-sama dengan salinan surat-surat akuan dan sijil-sijil kepada Setiausaha Suruhanjaya Perkhidmatan Awam, Tingkat 5, Bangunan SPA, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam.

Tarikh tutup: 5 Januari, 1987.

(E/23/74)

(Bilangan Pendaftaran: 151/1986).

PEMBERITAHUAN TAWARAN JABATAN TELEKOM NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

1. TAWARAN-tawaran adalah dipelawa bagi TENDER FOR THE SUPPLY AND DELIVERY OF EARTHRODS AND ACCESSORIES, untuk Jabatan Telekom.

2. Tawaran-tawaran akan diterima oleh Pengerusi Lembaga Tawaran di Tingkat 4, Bangunan Kementerian Kewangan, Jalan James Pearce, Bandar Seri Begawan tidak lewat dari pukul 12.00 tengah hari, hari Isnin 29 Disember, 1986. Tawaran-tawaran lewat selepas tarikh dan waktu tersebut di atas tidak akan diterima.

3. Tawaran-tawaran mestilah dihantar dengan menggunakan sampul surat yang bertutup dengan tanda seperti di bawah tanpa menunjukkan identiti pemborong:

TENDER FOR THE SUPPLY AND DELIVERY OF EARTHRODS AND ACCESSORIES.
TENDER REF.: JTB/STEE(P)/10/86

4. Dokumen dan syarat-syarat tawaran bolehlah diperolehi dari Pejabat Pengarah Telekom, Tingkat Satu, Jalan Istana Darussalam, Bandar Seri Begawan dengan menunjukkan resit wang cagaran berjumlah \$200.00 (tidak dikembalikan) dan \$1,000.00 (dikembalikan).

5. Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam tidak akan terikat menerima tawaran yang paling rendah atau sebarang tawaran.

6. Pembayaran wang cagaran hendaklah dibayar sama ada dengan wang tunai atau cheque tempatan beserta dengan bank guarantee ataupun pengesahan bank.

PEMBERITAHUAN TAWARAN JABATAN TELEKOM

BILANGAN RANCANGAN
P4D0010/85

1. TAWARAN-tawaran adalah dipelawa daripada pemborong-pemborong Kelas "A", "B" atau "C" yang berdaftar dengan Jabatan Telekom.

2. Tawaran-tawaran ini ialah bagi pemasangan/pembinaan Saluran, Pengalihan Parit-parit, Menanam Paip-paip dan Kabel-kabel dan Mendirikan Tiang-tiang pem-bahagian mengikut perakuan (Perincian) Telekom.

3. Tawaran-tawaran akan diterima oleh Pengerusi Lembaga Tawaran Negara Brunei Darussalam di Kementerian Kewangan, Tingkat 4, Jalan James Pearce, Bandar Seri Begawan sehingga jam 12.00 tengah hari, hari Isnin 29 Disember, 1986.

4. Tawaran-tawaran hendaklah dihantar di dalam sampul surat biasa dan hendaklah bertutup bertanda: "SALAR (MUARA BAHARU) — PEMBAHAGIAN PELANGGAN KABINET 5".

5. Dokumen-dokumen tawaran serta penerangan lanjut boleh diperolehi dari opis Pengarah Telekom, Jalan Istana Darussalam, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam dengan cagaran tawaran sebanyak \$200.00 yang akan dikembalikan kepada setiap tawaran yang tidak berjaya nanti. Cagaran tawaran akan menjadi hak milik Kerajaan bagi pemborong yang gagal menghantar sebarang tawarannya.

6. Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam tidak terikat untuk menerima tawaran yang termurah atau sebarang tawaran.

7. Perbincangan bersama dengan wakil Pengarah di tempat pemasangan/pembinaan adalah satu syarat yang di-mestikan bagi tawaran dan bakal pemborong-pemborong pada jam 9.30 pagi 18 Disember, 1986 di Ibu pejabat Muara Baharu — Kampong Salar. Tawaran-tawaran tidak akan diterima dari pemborong-pemborong yang tidak hadir bagi perbincangan bersama tempat pemasangan/pembinaan.

KENYATAAN DAN PEMBERITAHUAN TAWARAN

TAWARAN JABATAN KERJA RAYA, NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

BIL: JKR 419 TAHUN 1986

TAWARAN-tawaran adalah dipelawa dari Pemborong-pemborong Kelas "A" sahaja untuk:

PROJEK No.: AD519/2301

PEMBESARAN BANGUNAN JABATAN PELAJARAN DI BERAKAS, NEGARA BRUNEI DARUSSALAM.

Dokumen-dokumen dan lukisan-lukisan boleh dilihat dan didapati di Pejabat Kerja Raya, Lapangan Terbang Lama, Berakas, Bandar Seri Begawan hingga jam 4.00 petang hari Khamis 11 Disember, 1986.

Tarikh tutup: 15 Disember, 1986.

Cagaran tawaran: \$5,000.00 + \$100.00 (lukisan).

BIL: JKR 420 TAHUN 1986

TAWARAN-tawaran adalah dipelawa dari Pemborong-pemborong Kelas "AX" dan ke atas untuk:

PROJEK No.: 85AR/10900

CADANGAN SISTEM PARIT DAN PENAHAN DINDING DI LOT NO.: 612, KAMPONG LIMBARUH BUNTAR, KLANGGEH, JALAN SUBOK, BANDAR SERI BEGAWAN, NEGARA BRUNEI DARUSSALAM.

Dokumen-dokumen dan lukisan-lukisan boleh dilihat dan didapati di Pejabat Kerja Raya, Lapangan Terbang Lama, Berakas, Bandar Seri Begawan hingga jam 4.00 petang hari Khamis 11 Disember, 1986.

Tarikh tutup: 15 Disember, 1986.

Cagaran tawaran: \$1,000.00 + \$100.00 (lukisan).

BIL: JKR 421 TAHUN 1986

TAWARAN-tawaran adalah dipelawa dari Pemborong-pemborong Elektrik Kelas "A" atau "B" untuk:

PROJEK No.: AD519/5001

PEMASANGAN ELEKTRIK DAN PENCEGAH KEBAKARAN BAGI KERJA-KERJA PEMBESARAN BANGUNAN KEMENTERIAN HAL EHWAL LUAR NEGERI, NEGARA BRUNEI DARUSSALAM.

Dokumen-dokumen dan lukisan-lukisan boleh dilihat dan didapati di Pejabat Kerja Raya, Lapangan Terbang Lama, Berakas, Bandar Seri Begawan hingga jam 4.00 petang hari Khamis 4 Disember, 1986.

Tarikh tutup: 8 Disember, 1986.

Cagaran tawaran: \$200.00 + \$100.00 (lukisan).

BIL: JKR 422 TAHUN 1986

TAWARAN-tawaran adalah dipelawa dari Pemborong-pemborong Kelas "B" dan ke atas untuk:

PROJEK No.: 86AR/02200

MEMBEKAL DAN MENGHANTAR BATU-BATU PECAH BAGI PEMBINAAN LETAK KERETA JABATAN ELEKTRIK, JALAN GADONG, NEGARA BRUNEI DARUSSALAM.

Dokumen-dokumen dan lukisan-lukisan boleh dilihat dan didapati di Pejabat Kerja Raya, Lapangan Terbang Lama, Berakas, Bandar Seri Begawan hingga jam 4.00 petang hari Sabtu 6 Disember, 1986.

Tarikh tutup: 10 Disember, 1986.

Cagaran tawaran: \$200.00.

BIL: JKR 423 TAHUN 1986

TAWARAN-tawaran adalah dipelawa dari Pemborong-pemborong Kelas "C" dan ke atas untuk:

PROJEK No.: 86AB/009143

MEMBAIKI SEPENUHNYA DAN MENCAT SEMULA KESELURUHAN BANGUNAN PASAR BABI DAN KAWASAN PENYEMBELIHAN BABI YANG SEDIA ADA DI JALAN TERAJA, BANDAR SERI BEGAWAN, NEGARA BRUNEI DARUSSALAM.

Dokumen-dokumen dan lukisan-lukisan boleh dilihat dan didapati di Pejabat Kerja Raya, Lapangan Terbang Lama, Berakas, Bandar Seri Begawan hingga jam 4.00 petang hari Sabtu 6 Disember, 1986.

Tarikh tutup: 10 Disember, 1986.

Cagaran tawaran: \$100.00.

BIL: JKR 424 TAHUN 1986

TAWARAN-tawaran adalah dipelawa dari Pemborong-pemborong dan Pembekal-pembekal untuk:

PROJEK No.: 86AW/00700

MEMBEKAL NOZZLE PENAPISAN AIR BAGI LOJI AIR LAYONG, NEGARA BRUNEI DARUSSALAM.

Dokumen-dokumen dan lukisan-lukisan boleh dilihat dan didapati di Pejabat Kerja Raya, Lapangan Terbang Lama, Berakas, Bandar Seri Begawan hingga jam 4.00 petang hari Sabtu 6 Disember, 1986.

Tarikh tutup: 10 Disember, 1986.

Cagaran tawaran: \$100.00.

BIL: JKR 425 TAHUN 1986

TAWARAN-tawaran adalah dipelawa dari Pemborong-pemborong Kelas "A" sahaja untuk:

PROJEK No.: 86AB/25100

JAMBATAN KONKRIT TETULANG UNTUK NO. 1 DAN NO. 2 DI JALAN TUNGKU KECIL, BANDAR SERI BEGAWAN, NEGARA BRUNEI DARUSSALAM.

Dokumen-dokumen dan lukisan-lukisan boleh dilihat dan didapati di Pejabat Kerja Raya, Lapangan Terbang Lama, Berakas, Bandar Seri Begawan hingga jam 4.00 petang hari Khamis 11 Disember, 1986.

Tarikh tutup: 15 Disember, 1986.

Cagaran tawaran: \$1,000.00 + \$100.00 (lukisan).

SYARAT-SYARAT TAWARAN

1. TAWARAN-tawaran hendaklah dimasukkan ke dalam Peti Tawaran sama ada kepada alamat di bawah seperti dikehendaki dan dinyatakan dalam Dokumen Tawaran.

(a) Pengerusi Lembaga Tawaran, Tingkat Tiga, Bangunan Kementerian Pembangunan, Jalan James Pearce, Bandar Seri Begawan.

Tidak lewat dari jam 12.00 tengah hari pada tiap-tiap hari Isnin (seperti tarikh yang ditetapkan)

ATAU

(b) Pengerusi Lembaga Tawaran Kecil Kementerian Pembangunan, Tingkat Tiga, Bangunan Kementerian Pembangunan, Jalan Lapangan Terbang Lama, Berakas, Bandar Seri Begawan.

Tidak lewat dari jam 12.00 tengah hari pada tiap-tiap hari Rabu (seperti tarikh yang ditetapkan)

2. Tawaran-tawaran yang diterima lewat dari tarikh dan masa yang ditetapkan tidak akan dilayan.

3. Tawaran-tawaran mestilah dihadapkan dalam sampul surat yang tertutup rapi (sealed) dengan menyatakan Tajuk Projek yang berkenaan tanpa menyatakan nama penawar dan dihantar kepada alamat di para satu menurut arahan yang dinyatakan dalam Dokumen Tawaran.

4. Dokumen-dokumen tawaran dan penerangan-penerangan yang lanjut boleh dilihat dan diperolehi dari Jabatan Kerja Raya, Lapangan Terbang Lama, Jalan Berakas, Bandar Seri Begawan.

5. Cagaran tawaran adalah dikehendaki dan akan dikembalikan kepada setiap pemborong yang tidak berjaya setelah menghantar tawaran yang jujur (bona-fide tender).

6. Sebelum dokumen-dokumen tawaran dikeluarkan setiap pemborong dikehendaki membawa dokumen yang menunjukkan bahawa pemborong adalah yang berdaftar di Jabatan Kerja Raya dalam kelas yang ditetapkan.

7. Tawaran-tawaran mestilah dihantar dengan menggunakan borang-borang tawaran yang telah disediakan. Tawaran yang mempunyai pengesahan tidak akan dilayan.

8. Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam tidak semestinya menerima tawaran-tawaran yang rendah atau lain-lain tawaran.

BIL: JKR 426 TAHUN 1986

TAWARAN-tawaran adalah dipelawa dari Pemborong-pemborong Kelas "A" sahaja untuk:

PROJEK No.: 84AD/ABD004

KONTRAK PENGALAGI BAGI PEMELIHARAAN, MEMBAIKI DAN SEDIKIT TAMBAHAN UNTUK PERKHEMAMAHAN ANGKATAN BERSEJAJA DIRAJA BRUNEI DI MUARA, NEGARA BRUNEI DARUSSALAM.

Dokumen-dokumen dan lukisan-lukisan boleh dilihat dan didapati di Pejabat Kerja Raya, Lapangan Terbang Lama, Berakas, Bandar Seri Begawan hingga jam 4.00 petang hari Khamis 18 Disember, 1986.

Tarikh tutup: 22 Disember, 1986.

Cagaran tawaran: \$1,000.00.

BIL: JKR 427 TAHUN 1986

TAWARAN-tawaran adalah dipelawa dari Pemborong-pemborong Kelas "A" sahaja untuk:

PROJEK No.: 84AD/ABD004

KONTRAK PENGALAGI BAGI PEMELIHARAAN, MEMBAIKI DAN SEDIKIT TAMBAHAN UNTUK PERKHEMAMAHAN ANGKATAN BERSEJAJA DIRAJA BRUNEI DI BANGAR, NEGARA BRUNEI DARUSSALAM.

Dokumen-dokumen dan lukisan-lukisan boleh dilihat dan didapati di Pejabat Kerja Raya, Lapangan Terbang Lama, Berakas, Bandar Seri Begawan hingga jam 4.00 petang hari Khamis 18 Disember, 1986.

Tarikh tutup: 22 Disember, 1986.

Cagaran tawaran: \$1,000.00.

BIL: JKR 428 TAHUN 1986

TAWARAN-tawaran adalah dipelawa dari Pemborong-pemborong Kelas "AX" dan ke atas untuk:

PROJEK No.: 84AD/ABD004

KONTRAK PENGALAGI BAGI PEMELIHARAAN, MEMBAIKI, PENGUBAHAN DAN TAMBAHAN KEPADA BANGUNAN-BANGUNAN DAN KERJA-KERJA KEJURUTERAAN AWAM BAGI PERKHEMAMAHAN ANGKATAN BERSEJAJA DI RAJA BRUNEI DI BERAKAS, NEGARA BRUNEI DARUSSALAM.

Dokumen-dokumen dan lukisan-lukisan boleh dilihat dan didapati di Pejabat Kerja Raya, Lapangan Terbang Lama, Berakas, Bandar Seri Begawan hingga jam 4.00 petang hari Khamis 18 Disember, 1986.

Tarikh tutup: 22 Disember, 1986.

Cagaran tawaran: \$1,000.00.

BIL: JKR 429 TAHUN 1986

TAWARAN-tawaran adalah dipelawa dari Pemborong-pemborong Kelas "AX" dan ke atas untuk:

PROJEK No.: 84AD/ABD004

KONTRAK PENGALAGI BAGI PEMELIHARAAN, MEMBAIKI, PENGUBAHAN DAN TAMBAHAN KEPADA BANGUNAN-BANGUNAN DAN KERJA-KERJA KEJURUTERAAN AWAM BAGI PERKHEMAMAHAN ANGKATAN BERSEJAJA DI RAJA BRUNEI DI BERAKAS, NEGARA BRUNEI DARUSSALAM.

Dokumen-dokumen dan lukisan-lukisan boleh dilihat dan didapati di Pejabat Kerja Raya, Lapangan Terbang Lama, Berakas, Bandar Seri Begawan hingga jam 4.00 petang hari Khamis 18 Disember, 1986.

Tarikh tutup: 22 Disember, 1986.

Cagaran tawaran: \$1,000.00.

BIL: JKR 430 TAHUN 1986

TAWARAN-tawaran adalah dipelawa dari Pemborong-pemborong Kelas "AX" dan ke atas untuk:

PROJEK No.: 84AD/ABD004

KONTRAK PENGALAGI BAGI PEMELIHARAAN, MEMBAIKI, PENGUBAHAN DAN TAMBAHAN KEPADA BANGUNAN-BANGUNAN DAN KERJA-KERJA KEJURUTERAAN AWAM BAGI PERKHEMAMAHAN ANGKATAN BERSEJAJA DI RAJA BRUNEI DI TUTONG, NEGARA BRUNEI DARUSSALAM.

Dokumen-dokumen dan lukisan-lukisan boleh dilihat dan didapati di Pejabat Kerja Raya, Lapangan Terbang Lama, Berakas, Bandar Seri Begawan hingga jam 4.00 petang hari Khamis 18 Disember, 1986.

Tarikh tutup: 22 Disember, 1986.

Cagaran tawaran: \$1,000.00.

BIL: JKR 431 TAHUN 1986

TAWARAN-tawaran adalah dipelawa dari Pemborong-pemborong Kelas "AX" dan ke atas untuk:

PROJEK No.: 84AD/ABD004

KONTRAK PENGALAGI BAGI PEMELIHARAAN, MEMBAIKI, PENGUBAHAN DAN TAMBAHAN KEPADA BANGUNAN-BANGUNAN DAN KERJA-KERJA KEJURUTERAAN AWAM BAGI PERKHEMAMAHAN ANGKATAN BERSEJAJA DI RAJA BRUNEI DI PENANJONG, NEGARA BRUNEI DARUSSALAM.

Dokumen-dokumen dan lukisan-lukisan boleh dilihat dan didapati di Pejabat Kerja Raya, Lapangan Terbang Lama, Berakas, Bandar Seri Begawan hingga jam 4.00 petang hari Khamis 18 Disember, 1986.

Tarikh tutup: 22 Disember, 1986.

Cagaran tawaran: \$1,000.00.

BIL: JKR 432 TAHUN 1986

TAWARAN-tawaran adalah dipelawa dari Pemborong-pemborong Kelas "B" dan ke atas untuk:

PROJEK No.: 86AB/PEL003

PEMBINAAN TEMBOK DI KAWASAN INSTITUT PENDIDIKAN SULTAN HASSANAL BOLKIAH, GADONG, NEGARA BRUNEI DARUSSALAM.

Dokumen-dokumen dan lukisan-lukisan boleh dilihat dan didapati di Pejabat Kerja Raya, Lapangan Terbang Lama, Berakas, Bandar Seri Begawan hingga jam 4.00 petang hari Khamis 11 Disember, 1986.

Tarikh tutup: 15 Disember, 1986.

Cagaran tawaran: \$200.00 + \$100.00 (lukisan).

BIL: JKR 433 TAHUN 1986

TAWARAN-tawaran adalah dipelawa dari Pemborong-pemborong Kelas "B" dan ke atas untuk:

PROJEK No.: AD514/0500

MEMBUAT DAN MEMBEKALKAN:—

- (1) 24 SET PERABOT-PERABOT KELAS III UNTUK 4 BLOK RUMAH PANGSA 'F' BAGI KAKITANGAN PEJABAT DAERAH, TEMBURONG.
- (2) 2 SET PERABOT-PERABOT KELAS I UNTUK 2 BLOK BANGLO JENIS KINABALU BAGI KAKITANGAN PEJABAT DAERAH, TEMBURONG.

Dokumen-dokumen dan lukisan-lukisan boleh dilihat dan didapati di Pejabat Kerja Raya, Lapangan Terbang Lama, Berakas, Bandar Seri Begawan hingga jam 4.00 petang hari Sabtu 13 Disember, 1986.

Tarikh tutup: 17 Disember, 1986.

Cagaran tawaran: \$200.00 + \$100.00 (lukisan).

BIL: JKR 434 TAHUN 1986

TAWARAN-tawaran adalah dipelawa dari Pemborong-pemborong Kelas "B" dan ke atas untuk:

PROJEK No.: 86AB/01000

MEMBUAT DAN MEMBEKALKAN 56 SET PERABOT-PERABOT KELAS III BAGI:—

- (1) 48 SET UNTUK 2 BLOK 16 UNIT BARIK DAN KERJA-KERJA YANG BERSANGKUTAN DI GADONG.
- (2) 4 SET UNTUK 2 BLOK KELAS F DI SEKOLAH RENDAH JUNJUNGAN.
- (3) 2 SET UNTUK TAMBAHAN BARIK KAKITANGAN PERUBATAN DI RAMBAI LAMUNIN.
- (4) 2 SET UNTUK SATU BLOK KELAS F DI KAMPONG SELANGAN TEMBURONG.

Dokumen-dokumen dan lukisan-lukisan boleh dilihat dan didapati di Pejabat Kerja Raya, Lapangan Terbang Lama, Berakas, Bandar Seri Begawan hingga jam 4.00 petang hari Sabtu 13 Disember, 1986.

Tarikh tutup: 17 Disember, 1986.

Cagaran tawaran: \$200.00 + \$100.00 (lukisan).

BIL: JKR 435 TAHUN 1986

TAWARAN-tawaran adalah dipelawa dari Pemborong-pemborong Kelas "C" dan ke atas untuk:

PROJEK No.: 86AB/009145

MEMBAIKI DAN MENCAT SEMULA 2 BUAH RUMAH SEBANDUNG KELAS 'F' DI SEKOLAH RENDAH DATO GANDI, NEGARA BRUNEI DARUSSALAM.

Dokumen-dokumen dan lukisan-lukisan boleh dilihat dan didapati di Pejabat Kerja Raya, Lapangan Terbang Lama, Berakas, Bandar Seri Begawan hingga jam 4.00 petang hari Sabtu 13 Disember, 1986.

Tarikh tutup: 17 Disember, 1986.

Cagaran tawaran: \$100.00.

Kegiatan pelukis tempatan diselaraskan melalui Persatuan Pelukis Brunei

KEGIATAN-KEGIATAN para pelukis di negara kita telah dapat diselaraskan melalui Persatuan Pelukis Brunei (PPB) yang ditubuhkan pada 2 Mei 1977.

Ini adalah satu langkah yang bijak dalam kita sama-sama meningkatkan taraf atau mutu lukisan tanahair terutama dalam mendekatkan lagi cita rasa yang terlukis dalam kanvas untuk dihayati bersama oleh orang ramai.

Sejak tertubuhnya PPB, ia telah menarik minat pelukis-pelukis tempatan untuk menjadi ahli, di mana hingga sekarang keramaian ahlinya sudah menjangkau ke 200 orang.

Fungsi penubuhannya adalah bagi menyatupadukan pelukis-pelukis tempatan dalam mengembangkan mutu senilukis, memupuk dan menyemai senilukis kepada ahli-ahli, mengeratkan perhubungan antara sesama ahli dan sama-sama mengatasi masalah-masalah dengan cara berunding, meningkatkan taraf senilukis negara, bekerjasama dengan pihak kerajaan demi untuk mengharumkan nama negara dan membuat kebajikan kepada golongan masyarakat.

Sesuai dengan fungsi penubuhannya PPB walaupun baru berusia sembilan tahun, telah berkembang pesat dalam memenuhi kehendak masyarakat dan negara yang sedang membangun sebanding dengan pelukis-pelukis negara ASEAN.

Kemampuan pelukis kita sudah jelas dengan penyeritaan beberapa orang ahli yang telah terpilih memamerkan karya-karya mereka di pameran lukisan dan gambar bagi negara-negara ASEAN, pada tahun 1985. Pameran itu juga diedarkan kesemua negara ASEAN di mana pada bulan

Oleh: Haniza Abdullah

November pameran itu telah diadakan di negara kita.

Selain daripada mengadakan pameran di luar dan dalam negeri PPB juga pernah mengelolakan dan bekerjasama dengan pelukis-pelukis luar negeri yang memamerkan lukisan-lukisan mereka di negara kita. Pada tahun 1984 dua orang pelukis Malaysia telah berjaya membuat pameran pertama mereka di negara kita dan diikuti oleh seorang pelukis terkenal dari Republik Indonesia.

Bentuk-bentuk pameran yang diadakan oleh PPB setiap tahun biasanya mengambil sempena seperti sempena Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia, sempena Hari Kemerdekaan Negara Brunei Darussalam dan sempena ulang tahun penubuhan Angkatan Bersenjata Diraja Brunei.

Di samping itu PPB juga setiap tahun mengadakan pameran senilukis sebagai projek tahunannya. Pada tahun ini PPB sekali lagi mengadakan pameran senilukis bertempat di Balai Pameran Muzium Brunei pada 25 November lepas. Tetamu Kehormat pameran itu ialah Grand Chamberlain, Yang Amat Mulia Pengiran Lela Cheteria Sahibun Najah Pengiran Anak Haji Abdul Aziz yang juga Pengawal Kastam dan Eksais Diraja.

Lebih 200 buah lukisan dari berbagai media dan aliran telah dipamerkan di pribu pameran itu. Kebanyakan karya-karya tersebut dilahirkan dalam bentuk potret, pemandangan, alam benda, alam semula jadi, batik, abstrak, arca, ketukan tembaga, relief sculpture dan lain-lain.

Menurut Yang Dipertua persatuan, Awang Abd Rahim bin Haji Ahmad, tujuan utama pameran itu ialah untuk memberikan peluang kepada ahli-ahli persatuan yang tidak berkesempatan untuk memamerkan dan mengetengahkan karya-karya mereka, di samping dapat mempelajari kelemahan dan kemajuan perkembangan senilukis negara kita.

Dari muka 1

di mesyuarat keenam itu mencerminkan tanggungjawab Kerajaan-Kerajaan ASEAN bagi memperbaiki mutu kehidupan penduduk ASEAN.

Sebanyak 15 buah kertas kerja dibincangkan. Yang Berhormat menjelaskan salah satu kertas kerja tersebut bertajuk, 'Sektor Tidak Rasmi: Cabaran-Cabaran Terhadap Dasar dan Pentadbiran Buruh.

"Perbincangan akan ditumpukan ke atas cara membantu golongan belia termasuk lepasan-lepasan sekolah, untuk bekerja sendiri dengan memberikan latihan yang bersesuaian dalam perniagaan secara kecil-kecilan," kata Yang Berhormat.

Dari muka 1

"Kita telah mengambil langkah-langkah yang perlu bagi memajukan sektor bukan minyak, dengan memberi keutamaan kepada sektor industri dan pertanian. Matlamat-matlamat ini hanya boleh dicapai jika tenaga kerja mempunyai disiplin, digerakkan dengan betul dan mempunyai kemahiran yang diperlukan," titah Baginda.

Kebawah Duli Yang Maha Mulia terdahulu dari itu dalam titah Baginda menjelaskan bahawa keadaan ekonomi di rantau kita sekarang dan di dunia lainnya kelihatan malap, kejatuhan harga barang, termasuk minyak telah menjejaskan ekonominya, menyebabkan terkandasnya industri, menambahkan kadar pengangguran dan masalah sosial.

Salah satu dari masalah sosial yang dihadapi oleh kebanyakan negara hari ini, tegas Baginda ialah penyalahgunaan dadah.

Baginda bertitah, "Kita sedar ramai belia kita yang terlibat dalam penyalahgunaan dadah. Mereka menjadi satu masalah kepada masyarakat dan kesannya boleh merosakkan bahkan mengancam keselamatan sesebuah negara."

Bagaimanapun, Baginda gembira kerana masalah tersebut diakui di peringkat serantau dan antarabangsa, dan dalam kedua-dua pertubuhan ASEAN dan Bangsa-Bangsa Bersatu, usaha sedang dibuat untuk memerangi gejala itu.

AKAUN-AKAUN DIPINDAHKAN KE HONGKONG BANK

KEMENTERIAN Kewangan, Negara Brunei Darussalam telah memaklumkan bahawa semua akaun semasa perseorangan dan syarikat yang mempunyai baki-baki kredit, semua akaun simpanan dan wang-wang simpanan tetap yang terdapat di Bank Nasional Brunei Berhad (Bank Nasional) dan Syarikat Kewangan Nasional Sendirian Berhad (Syarikat Kewangan Nasional) akan dipindahkan ke Hongkong and Shanghai Bank (Hongkong Bank) seperti mana yang dinyatakan di bawah ini.

Dalam keadaan yang serba mendesak ini satu persetujuan telah dicapai dengan Hongkong and Shanghai Bank untuk membolehkan para penyimpan mempergunakan wang-wang simpanan mereka seberapa cepat yang mungkin.

Untuk mencapai tujuan ini maka setiap baki kredit dalam akaun semasa, baki akaun simpanan dan baki wang simpanan tetap akan masing-masing dipindahkan ke dalam akaun-akaun tersebut kepada kebijaksanaan para penyimpan sama ada mereka mahu, atau tidak, mengekalkan akaun baru mereka itu di Hongkong Bank tersebut nanti.

Menurut jadual berikut para penyimpan di Bank Nasional dan Syarikat Kewangan Nasional tadi bolehlah mendapatkan buku-buku simpanan bank masing-masing dari Hongkong Bank di tempat-tempat yang dinyatakan dalam jadual. Para penyimpan mestilah menunjukkan dokumen-dokumen berikut semasa mengambil buku simpanan masing-masing.

Kad Pengenalan atau Pasport, berserta dengan buku simpanan bank (Bank Nasional/Syarikat Kewangan Nasional) atau resit simpanan tetap (Bank Nasional Syarikat Kewangan Nasional) atau buku cek dan penyata kira-kira (Bank Nasional) atau dokumen-dokumen lain yang ada berkenaan.

Wang simpanan tidak akan dikeluarkan sekiranya penyimpan-penyimpan mempunyai overdraf atau baki pinjaman yang ada jaminan yang belum dijelaskan.

Para penyimpan juga diingatkan bahawa wang tunai tidak akan dibayar di tempat-tempat sementara yang digunakan untuk pemindahan akaun-akaun bank itu.

Kementerian Kewangan ingin memberikan jaminan kepada semua penyimpan sama ada yang terdiri daripada orang-orang perseorangan atau ahli-ahli perniagaan tempatan bahawa mereka akan berhak menerima bayaran balik bagi keseluruhan wang simpanan mereka berserta dengan faedah yang terkumpul (jika ada berkenaan) bagi tempoh sehingga 20 November 1986.

Oleh sebab akaun-akaun yang mesti diproses oleh Hongkong and Shanghai Bank itu terlampau banyak jumlahnya maka orang ramai diminta memberikan kerjasama kepada para pegawai bank tersebut serta bersabar dari mengeluarkan wang dari akaun baru mereka dalam tempoh peralihan ini.

Tempat: Dewan Muhibbah (Auditorium Pejabat Daerah Brunei-Muara, Berakas (Kauater sementara Hongkong Bank)

Tarikh: Rabu (3.12.1986), Waktu: (8 pagi - 4 ptg), Cawangan Pejabat Bank Nasional: Ibu Pejabat, BSB, Nombor Pemegang Akaun: Akaun Semasa: 001-07001 hingga 001-09500. Akaun Simpanan: 101-08001 hingga 101-15000.

Tarikh: Khamis (4.12.1986), Waktu: (8 pagi - 4 ptg), Cawangan Pejabat Bank Nasional: Tutong, Nombor Pemegang Akaun: Akaun Semasa: Semua akaun, Akaun Simpanan: 106-00009 hingga 106-04500.

Tarikh: Jumaat (5.12.1986), Waktu: (8 pagi - 4 ptg), Cawangan Pejabat Bank Nasional: Tutong, Nombor Pemegang Akaun: Akaun Semasa: 106-04501 hingga 106-09000.

Tarikh: Isnin (8.12.1986), Waktu: (8 pagi - 4 ptg), Cawangan Pejabat Bank Nasional: Temburong, Nombor Pemegang Akaun: Semua akaun.

Tarikh: Selasa (9.12.1986), Waktu: (8 pagi - 4 ptg), Cawangan Pejabat Bank Nasional: Gadong, Nombor Pemegang Akaun: Semua akaun.

Tarikh: Rabu (10.12.1986), Waktu: (8 pagi - 4 ptg), Cawangan Pejabat Bank Nasional: Muara/Pejabat di Bangunan Hasbollah Lambak/Lapangan Terbang/Syarikat Kewangan Nasional, Nombor Pemegang Akaun: Semua akaun.

Tempat: Pejabat Hongkong Bank, Kuala Belait.

Tarikh: Rabu (3.12.1986), Waktu: (8 pagi - 4 ptg), Cawangan Pejabat Bank Nasional: Kuala Belait, Nombor Pemegang Akaun: Akaun Semasa: 003-01501 hingga 003-02500. Akaun Simpanan: 103-04001 hingga 103-07500.

Tarikh: Khamis (4.12.1986), Waktu: (8 pagi - 4ptg), Cawangan Pejabat Bank Nasional: Seria, Nombor Pemegang Akaun: Akaun Semasa: 004-01801 hingga 004-02750. Akaun Simpanan: 104-03501 hingga 104-07000.

Tarikh: Jumaat (5.12.1986), Waktu: (8 pagi - 4 ptg), Nombor Pemegang Akaun: Akaun Simpanan: 104-07001 hingga 104-10000.

Brunei Darussalam dalam kenangan

SEKOLAH Inggeris bagi murid-murid perempuan sepenuhnya telah diperkenalkan di negara ini pada tahun 1957. Bangunan sekolah ini dibina pada tahun 1956 dan mula digunakan pada tahun berikutnya.

Sekolah Inggeris perempuan ini diberi nama sebagai Sekolah Tinggi Perempuan Raja Isteri atau singkatnya STPRI. Sebelum terbinanya sekolah ini, murid-murid perempuan belajar bersama-sama dengan murid-murid lelaki di beberapa sekolah Inggeris Kerajaan.

Tetapi peningkatan bilangan murid-murid perempuan yang memasuki aliran

Inggeris tiap tahun telah mendorong Kerajaan untuk membina sekolah Inggeris perempuan yang berasingan dari sekolah Inggeris lelaki tapi mata-mata pelajarannya tetap sama.

STPRI telah banyak mengasuh murid-muridnya hingga kebanyakan lepasan STPRI melanjutkan pelajaran ke seberang laut seperti United Kingdom dengan membawa kelulusan tinggi dan ada di kalangan mereka dewasa ini telah menjawat jawatan tinggi di jabatan-jabatan Kerajaan. STPRI merayakan Jubli Peraknya pada tahun 1982.

Toleh pandang Pelita Brunei

PELITA BRUNEI keluaran 22 November 1967 mencatatkan bahawa suasana cemas telah menyelimuti penduduk di negeri ini terutama yang tinggal di kawasan-kawasan luar bandar dan di kampung-kampung pedalaman bersabit dengan penurunan nilai mata wang lama yang telah diumumkan oleh Kerajaan.

Suasana di bank-bank juga diberitakan dalam keadaan kelam-kabut dan penuh sesak

dari kunjungan orang ramai yang hendak menukar wang-wang lama itu kepada wang-wang yang baru sekalipun nilai wang lama itu telah turun iaitu matawang yang dikeluarkan oleh Lembaga Pesuruhjaya-Pesuruhjaya MataWang Malaya dan Borneo British. Sesudah diberitakan penurunan nilai wang yang lama itulah baharu kelihatan orang ramai dalam keadaan kebingungan.

Berikutan dengan berlakunya penurunan nilai

matawang yang lama itu yang hanya diterima oleh Kerajaan secara mengejut, maka orang-orang yang masih menyimpan wang-wang lama itu tidak syak lagi telah menghadapi kerugian sebanyak 15 sen tiap-tiap ringgit wang lama yang mereka simpan itu.

Tetapi ketika matawang Brunei dikeluarkan pada 12 Jun, 1967 Kerajaan telah menyeru orang ramai supaya menukarkan wang-wang lama itu kepada matawang Brunei yang dikeluarkan itu.



Kelolaan Jaster Haji Ibrahim

BELIA & SUKAN

Program Latihan Gimnastik

Penyertaan sangat menggalakkan

SUKAN gimnastik memang merupakan sukan yang tidak begitu popular dan diminati ramai tidak seperti bola sepak, takraw, badminton dan seumpamanya. Ini mungkin disebabkan oleh kurangnya pendedahan sukan tersebut di negara kita.

Pendedahan yang kita ketahui hanya di peringkat sekolah-sekolah sahaja di mana sukan tersebut di ajarkan kepada penuntut-penuntut sebagai satu pelajaran asas di samping sukan-sukan yang lain.

Ke arah itu, dan atas inisiatif Jabatan Kebajikan Belia dan Sukan, Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan telah mengambil langkah-langkah yang positif ke arah mengembangkan sukan tersebut di negara kita ini.

Baru-baru ini, jabatan tersebut telah menganjurkan satu Program Latihan Gimnastik khusus bagi kanak-kanak yang berumur enam tahun ke atas.

Program latihan sedemikian diadakan di Stadium Negara Hassanal Bolkiah, di Jalan Berakas. Ianya dijalankan pada tiap-tiap hari Isnin dan Khamis iaitu dari jam 4.30 hingga 6.30 petang.

Pada minggu pertama program itu dijalankan, sambutan kanak-kanak yang menyertai sangatlah menggalakkan dan di luar dugaan

pihak penganjur, demikian ujar salah seorang jurulatih yang mengendalikan program tersebut.

Menurutnya, seramai 25 orang kanak-kanak di negara ini telah menyertai program itu dan pihak penganjur mengharapkan akan lebih ramai lagi kanak-kanak menyertainya.

Program latihan itu dikendalikan oleh lima orang jurulatih termasuk tiga orang anak tempatan.

Menurut pihak penganjur, latihan tersebut diadakan dalam masa dua jam iaitu 4.30 hingga 6.30 petang. Ini ialah kerana kita mahu melihat kemampuan fizikal kanak-kanak itu sendiri di samping untuk memberikan masa supaya kanak-kanak itu tidak terlalu letih.

"Dengan adanya program ini, kita berharap kita akan dapat sekurang-kurangnya melahirkan ahli sukan gimnastik yang berkemampuan dan berpotensi. Sebagaimana yang kita ketahui sukan gimnastik memang disenaraikan sebagai salah satu acara di peringkat antarabangsa dan ianya banyak memperuntukkan pingat," jelasnya.

Oleh yang demikian kami berharap kepada ibu bapa yang ingin hendak menghantar anak-anaknya untuk mengikuti program tersebut adalah dipersilakan hadir pada masa dan waktu yang telah disebutkan di atas.

Pesta Sukan JKR Borneo eratkan hubungan silaturahmi tiga wilayah



KEDUA-DUA gambar atas memperlihatkan suasana di Pesta Sukan JKR Borneo di hari pertama yang berlangsung di Kompleks Sukan Jabatan Kerja Raya di Berakas. — Gambar oleh Pengiran Haji Yaakub.



SUKAN dapat membentuk seseorang mempunyai tubuh badan yang sihat di samping mempunyai daya pemikiran dan mental yang baik, ini sesuai dengan peribahasa Melayu 'Otak yang cergas

datangnya dari badan yang sihat'.

Sama ada di peringkat kebangsaan mahupun antarabangsa, sukan dapat memupuk semangat ber-satupadu dan dapat mengeratkan hubungan

silaturahmi di antara satu masyarakat dengan satu masyarakat yang lain dan di antara sebuah negara dengan sebuah negara yang lain.

Baru-baru ini Negara Brunei Darussalam menjadi tuan rumah Pesta Sukan JKR Borneo di mana Jabatan Kerja Raya, Negara Brunei Darussalam telah mengendalikannya.

Pesta sukan selama empat hari itu yang bermula dari 28 November hingga 1 Disember telah dirasmikan oleh Yang Mulia Dato Paduka Awang Haji Selamat bin Haji Munap, Timbalan Menteri Pembangunan.

Tujuan pesta sukan seumpama itu ialah untuk merapatkan perhubungan silaturahmi di antara Brunei Darussalam, Sabah dan Sarawak di samping untuk memupuk semangat ker-jasama di antara tiga wilayah.

Di samping itu ianya juga bertujuan untuk meningkatkan prestasi dan mutu sukan ketiga-tiga buah negara itu.

Pembukaan rasmi pada hari itu telah dimulakan dengan ucapan alu-aluan oleh Pengarah Kerja Raya, Awang Zakaria bin Dato Paduka Haji Noordin yang berlangsung di Kompleks Sukan JKR di Berakas.

Lebih 200 orang para atlet dari tiga buah negara telah mengambil bahagian dalam pesta kali ke-2 itu.

Antara acara yang diadakan termasuklah bola sepak, sepak takraw, badminton, tenis dan seumpamanya.

Lebih 200 sertai lumba jalan kaki

LEBIH 250 orang kakitangan Jabatan Perkhidmatan Pos dan jabatan-jabatan di bawah Kementerian Perhubungan seluruh negara menyertai lumba jalan kaki pada hari Ahad 30 November lepas.

Perlumbaan tersebut dianjurkan oleh Badan Kebajikan, Sukan dan Sosial Jabatan Perkhidmatan Pos. Ianya merupakan projek tahunan yang bertujuan untuk mengutip wang tabung badan itu, Tabung Orang-Orang Cacat dan Tabung Anak-Anak Yatim.

Antara yang menyertai perlumbaan tersebut termasuklah Ketua Pos Agung, Dato Paduka Awang Haji Md. Suni bin Haji Idris dan Pengarah Telekom, Awang Haji Abdullah.

Perlumbaan tersebut dibahagikan kepada dua bahagian iaitu lelaki dan wanita. Dua hadiah istimewa yang merupakan tiket untuk melancong ke destinasi-destinasi RBA telah disediakan.

Hadiah-hadiah telah disampaikan oleh Ketua Pos Agung, Dato Paduka Awang Haji Md. Suni bin Haji Idris.

Pertandingan bulu tangkis anjuran BAKAT

JABATAN Kerahantenaga Awam ABDB (BAKAT) sekali lagi akan menganjurkan pertandingan bulutangkis kali ke-4.

Pertandingan ini hanya dibuka kepada pekerja-pekerja awam Jabatan Kerahantenaga Awam ABDB lelaki dan wanita di semua cawangan.

Antara acara-acara yang akan dipertandingkan ialah perseorangan, lelaki terbuka, bergu lelaki terbuka dan berpasukan bagi merebut piala yang disumbangkan oleh Yang Mulia Awang Haji Hassannol Asshari, Timbalan Setiausaha Awam ABDB.

Perlawanan tersebut akan dijalankan lewat bulan Disember 1986.

Bagi ahli-ahli (BAKAT) serta pekerja-pekerja awam yang ingin menyertai pertandingan tersebut bolehlah mendapatkan keterangan lanjut serta borang-borang penyertaan daripada Pengerusi Perlawanan Bulutangkis Pengiran Osman bin Pengiran Abdullah Pejabat Kerahantenaga Awam Pusat Latihan ABDB. (Telefon 30531 Sambungan 22280 atau 22277).

Borang-borang yang telah diisi hendaklah dihantar kepada Pejabat Kerahantenaga Awam Pusat Latihan ABDB tidak lewat pada 15 Disember, 1986.

SALAH seorang pelatih ketika membuat latihan gimnastik dengan diperhatikan oleh dua orang pelatih tempatan. Program Latihan Gimnastik ini diadakan di Stadium Negara Hassanal Bolkiah.



KELIHATAN kanak-kanak yang menyertai Program Latihan Gimnastik mengikuti latihan dengan ditunjuk ajar oleh salah seorang pelatih.

Kekukuhan Serantau

Dari muka 1

jayaan ASEAN hanya berkaitan dengan masalah Kampuchea.

Antara tujuan penting ASEAN sebagaimana yang terkandung dalam Bangkok Declaration ke pembentukan pertubuhan itu dalam tahun 1967 ialah peningkatan keamanan dan kekukuhan serantau menerusi penghormatan yang kekal terhadap peraturan undang-undang dalam perhubungan di kalangan negara di rantau itu, dan kesetiaan terhadap Piagam Bangsa-Bangsa Bersatu. Ia juga untuk meningkatkan kerjasama yang aktif dan saling membantu dalam perkara-perkara seperti ekonomi dan lain-lain.



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam ketika menerima mengadap Menteri-Menteri Buruh ASEAN di Istana Nurul Iman. — Gambar oleh Pg. Abu Bakar PHO.

Tingkatkan kerjasama teknikal ASEAN

PULAIE. — Mesyuarat ke-6 Menteri-Menteri Buruh ASEAN yang berlangsung selama tiga hari di Pusat Dakwah Islamiah di sini, telah berakhir petang Sabtu lepas,

29 November dengan mengeluarkan satu kenyataan bersama.

Mesyuarat itu antara lain mengambil ingatan mengenai kejayaan yang memuaskan

dalam pelaksanaan saranan-saranan yang diambil dalam Mesyuarat Menteri-Menteri Buruh ASEAN ke-5 yang berlangsung di Manila, dan bersetuju meningkatkan ker-

jasama teknikal ASEAN.

Selain itu, ia juga mengesahkan projek Pusat Latihan dan Penerangan ASEAN bagi memperbaiki keadaan bekerja dan persekitaran ditempatkan di Jakarta. Mesyuarat itu juga seterusnya bersetuju supaya projek tersebut diusulkan kembali kepada UNDP di segi kewangan sebagai projek ASEAN yang utama.

Mesyuarat itu juga bersetuju supaya Rancangan ASEAN bagi Perhubungan Perusahaan dan Penyelidikan Buruh (APIRLAS) ditempatkan di Pejabat Serantau Pertubuhan Buruh Antarabangsa ILO di Bangkok. Ia juga mencatat penghargaan kepada Pertubuhan Buruh Antarabangsa ILO, UNDP dan negara-negara anggota atas kejayaan yang memuaskan Rancangan ASEAN mengenai perhubungan perusahaan bagi pembangunan.

Menyadari pentingnya 'Sektor Informal' dalam pengeluaran pekerjaan dan pembangunan ekonomi, mesyuarat tersebut menyatakan perlunya sektor itu diberi perlindungan dan faedah yang cukup serta sumbangan sektor informal ke arah perkembangan ekonomi ditingkatkan.

Mengenai Taraf Buruh Antarabangsa, mesyuarat itu seterusnya bersetuju supaya ia dimasukkan sebagai perkara yang lazim dalam Mesyuarat Pegawai-Pegawai Kanan di masa-masa akan datang. Kedua, Pertubuhan Buruh Antarabangsa akan memberikan langkah peningkatan, umpamanya, dengan mengadakan sub-regional seminar, latihan fellowship dan internships dalam bidang ini, dan ketiga, negara-negara anggota ASEAN meneruskan pertukaran penerangan dan pengalaman di segi Taraf Buruh Antarabangsa.

Mesyuarat tiga hari itu berakhir dengan memberi penghargaan kepada persetu-

juan Republik Indonesia menjadi tuan rumah kepada Mesyuarat Menteri-Menteri Buruh ASEAN kali ke-7 dalam tahun 1988.


MAKLUMAN

JURUCAKAP Hijau Balduri mengumumkan Yang Teramat Mulia Pengiran Anak Isteri Pengiran Anak Zariah binti Almarhum Pengiran Pemancha Pengiran Muda Haji Mohd. Alam, Isteri Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Perdana Wazir Sahibul Himmah Wal-Waqar Pengiran Muda Mohamed Bolkiah telah selamat melahirkan seorang putera pada hari Jumaat 28 November 1986 jam 3.25 petang.

Tuan Francois Missoffe mengadap

BANDAR SERI BEGAWAN. — Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Perdana Wazir Sahibul Himmah Wal-Waqar Pengiran Muda Mohamed Bolkiah, Menteri Hal Ehwal Luar Negeri, Negara Brunei Darussalam, telah berkenan menerima mengadap seorang pegawai kanan Negara Perancis, Tuan Francois Missoffe.

Istiadat Mengadap itu berlangsung pada pagi Khamis, 25 November lepas di Kementerian Hal Ehwal Luar Negeri di sini.



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Hassanul Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan menerima mengadap Pegawai Pemerintah Batalion Pertama Second King Edward Own Gurkha Rifles,

Leftenan Kolonel Richard Venning dan Pegawai Pemerintah baru pasukan itu, Leftenan Kolonel Cludrey.

Istiadat mengadap itu berlangsung di Istana Nurul Iman pada 24 November yang lalu. — Gambar oleh Pg. Hj. Yaakub.

BANDAR SERI BEGAWAN. — PESTA Lagu-Lagu ASEAN Pertama anjuran COCI telah disiarkan secara langsung dari Dewan Raya Radio Televisyen Brunei pada 29 November lepas.

Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Bendahara Seri Maharaja Permaisura Pengiran Muda Haji Sufri Bolkiah telah berangkat bagi menyaksikan pesta tersebut.

Keberangkatan Duli Yang Teramat Mulia, telah dijunjung dan dialu-alukan oleh Menteri Kebudayaan Belia dan Sukan, Yang Berhormat Pehin Jawatan Luar Pekerma Raja Dato Seri Paduka Awang Haji Hussain dan Pengarah Penyiaran dan Penerangan serta pegawai-pegawai kanan jabatan itu (gambar kanan). — Gambar oleh Pg. Bahar PHO.

Pesta Lagu-Lagu ASEAN



DULI Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Perdana Wazir Sahibul Himmah Wal-Waqar Pengiran Muda Mohamed Bolkiah, Menteri Hal Ehwal Luar Negeri ketika menerima mengadap Tuan Francois Missoffe. — Gambar oleh Pg. Abu Bakar PHO.

RAMALAN CUACA

AWAL minggu depan keadaan cuaca dijangka cerah pada waktu siang dan hujan atau ribut petir pada lewat petang dan awal malam.

JADUAL AIR PASANG DAN SURUT

Tarikh	Air Pasang Penuh (jam)	Paras Air (meter)	Air Surut Penuh (jam)	Paras Air (meter)
3 Dis.	2351	2.5	0735	0.0
4 Dis.	0026	2.6	0755	0.1
5 Dis.	—	—	0847	0.0
6 Dis.	0103	2.5	0938	0.0
7 Dis.	0141	2.3	1029	0.2
8 Dis.	0222	2.1	1119	0.3
9 Dis.	0314	1.8	1205	0.5
	2133	1.5	0006	1.4

Jadual ini adalah bagi Pelabuhan Muara. Bagi Bandar Seri Begawan waktu-waktu air pasang seperti yang tertara di atas hendaklah dicampur 45 minit dan bagi air surut dicampur 30 minit. Sementara bagi Daerah Tutong waktu air pasang hendaklah ditolak 45 minit dan air surut ditolak 30 minit. Manakala bagi Daerah Belait waktu air pasang hendaklah ditolak 60 minit dan air surut ditolak 30 minit.

WALLAHUAKLAM.